



Kementerian Belia dan Sukan
Malaysia



Institut Penyelidikan
Pembangunan Belia Malaysia

Malaysian Journal of Youth Studies

EDISI KHAS YOURS'19 VOL 2

(Tema : Pembentukan Karakter Belia dalam Arus Modernisasi)

Makalah/Articles

Hubungan antara Kecerdasan Moral dengan Kemurungan dalam Kalangan Belia di Petaling Jaya, Malaysia

Rafidah Aga Mohd Jaladin & Loh Chin Ying

Kebijaksanaan Emosi dalam Kalangan Warga Belia: Satu Proses Pembinaan dan Perkembangan Karakter Warga Belia Malaysia

Syed Sofian Syed Salim

Peralihan dari Alam Persekolahan ke Alam Pekerjaan – Dari Perspektif Belia dan Majikan di Malaysia

Mohd Amirul Rafiq Abu Rahim

Pembangunan Belia Malaysia dan Sustainable Development Goals (SDG): Satu Analisis Kritis dari Perspektif Islam dan Kepimpinan

Mohd Hidayat Mahadi

Empowering Youth Soft Skills Higher Education Using Outdoor Learning Activities

Kasawani Ibrahim

Pembangunan Belia Positif dalam Kalangan Belia Bersekolah di Negeri Selangor: Potensi dan Cabaran Abad Ke 21

Mohammad Syafiq Ridzwan Jamaluddin

Kesalahan Trafik dan Kemalangan Jalan Raya di Kalangan Penunggang Motosikal Sekolah Menengah

Sharifah Liew

Malaysian Journal of Youth Studies

EDISI KHAS YOURS'18 AGENDA SOSIAL VOL 2

[Tema : Pembentukan Karakter Belia dalam Arus Modenisasi]

Makalah/Articles

- | | |
|---|--------|
| Hubungan antara Kecerdasan Moral dengan Kemurungan dalam Kalangan Belia di Petaling Jaya, Malaysia
Rafidah Aga Mohd Jaladin & Loh Chin Ying | 1-12 |
| Kebijaksanaan Emosi dalam Kalangan Warga Belia: Satu Proses Pembinaan dan Perkembangan Karakter Warga Belia Malaysia
Syed Sofian Syed Salim | 13-23 |
| Peralihan dari Alam Persekolahan ke Alam Pekerjaan – Dari Perspektif Belia dan Majikan di Malaysia
Mohd Amirul Rafiq Abu Rahim | 24-43 |
| Pembangunan Belia Malaysia dan Sustainable Development Goals (SDG): Satu Analisis Kritis dari Perspektif Islam dan Kepimpinan
Mohd Hidayat Mahadi | 44-57 |
| Empowering Youth Soft Skills Higher Education Using Outdoor Learning Activities
Kasawani Ibrahim | 58-69 |
| Pembangunan Belia Positif dalam Kalangan Belia Bersekolah di Negeri Selangor: Potensi dan Cabaran Abad Ke 21
Mohammad Syafiq Ridzwan Jamaluddin | 70-80 |
| Kesalahan Trafik dan Kemalangan Jalan Raya di Kalangan Penunggang Motosikal Sekolah Menengah
Sharifah Liew | 81-90 |
| Pengukuhan Aset Pembangunan Belia Positif : Pembinaan Identiti Melalui Proses Pementoran Kepimpinan Belia di Malaysia
Mohd Mursyid Arshad | 91-109 |

**Pengaruh Penglibatan dalam Aktiviti Kokurikulum ke Atas Kemahiran
Kepimpinan dan Nilai Patriotisme dalam Kalangan Belia** 110-119
Masduki Mohammad Morni

**Kelestarian Pertubuhan Belia dalam Pembangunan Belia Positif: Hala
Tuju dan Cabaran di Malaysia** 120-126
Anis Suriany Che Mohd Shukree



Penasihat / Advisor

YBhg. Prof. Emeritus Dr. Samsuddin A. Rahim
Felo Pemikir
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

Ketua Editor / Editor-in-Chief

Dr. Vellapandian Ponnusamy
Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

Editor Eksekutif / Executive Editor

Ts. Syariffanor Hisham - IYRES
Shariffah Mamat - IYRES

Reviewer/Pewasit

Jawatankuasa Jemputan Pembentang, Penilaian Abstrak, Kertas Penyelidikan Penuh, Prosiding dan Penerbitan Kerja YOURS'19



© Hak cipta Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2019
Copyright Institute for Youth Research Malaysia, 2019

HUBUNGAN ANTARA KECERDASAN MORAL DENGAN KEMURUNGAN DALAM KALANGAN BELIA DI PETALING JAYA, MALAYSIA

LOH CHIN YING & RAFIDAH AGA MOHD JALADIN

ABSTRAK

Isu mengenai kemurungan memerlukan pemahaman yang lebih mendalam termasuk faktor berisiko dan faktor pelindung yang mempengaruhi tahap kemurungan dalam kalangan belia di Malaysia. Penyelidikan ini mengkaji tentang hubungan antara kecerdasan moral dengan kemurungan dalam kalangan belia di Petaling Jaya, Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan rekabentuk kajian adalah secara tinjauan (kajian korelasi) menggunakan soal selidik. Soal selidik terbahagi kepada tiga bahagian untuk mengkaji tentang latar belakang demografi, tahap kecerdasan moral dan tahap kemurungan para responden. Alat ukur yang digunakan dalam kajian ini ialah Moral Competency Inventory (MCI) untuk mengukur tahap kecerdasan moral dan Beck Depression Inventory-II (BDI-II) untuk mengkaji tahap kemurungan. Jumlah responden bagi kajian ini adalah seramai 384 orang belia di Petaling Jaya, Malaysia. Dapatan kajian telah menunjukkan belia di Petaling Jaya mempunyai tahap kecerdasan moral yang sederhana dan tahap kemurungan yang rendah. Dapatan kajian dari ujian-T sampel bebas dan ANOVA sehalu turut menunjukkan (a) terdapat perbezaan yang signifikan kecerdasan moral berdasarkan jantina dan etnik responden; dan (b) tidak terdapat perbezaan yang signifikan kemurungan berdasarkan jantina, tetapi terdapat perbezaan yang signifikan kemurungan berdasarkan etnik. Pada masa yang sama, hasil ujian korelasi Pearson pula telah menunjukkan terdapat hubungan negatif yang signifikan antara kecerdasan moral dan kemurungan dalam kalangan belia di Petaling Jaya. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kecerdasan moral adalah faktor resiliensi terhadap kemurungan. Justeru, kajian ini mengesyorkan agar usaha pembangunan karektor belia dalam arus modenisasi harus menerapkan aspek moral untuk mencegah masalah kesihatan mental dalam kalangan belia.

Kata Kunci: Kecerdasan Moral, Kemurungan, Faktor Pelindung, Belia, Petaling Jaya

ABSTRACT

The issue of depression requires a deeper understanding including risk factors and protective factors that influence the level of depression among youth in Malaysia. This study examines the relationship between moral intelligence and depression among youth in Petaling Jaya, Malaysia. This study uses a quantitative approach and the design of the study is by survey (correlation study) using questionnaire. The questionnaire was divided into three sections to study the background of demographics, the level of moral intelligence and the level of depression of the respondents. The measures used in this study were the Moral Competency Inventory (MCI) to measure the level of moral intelligence and the Beck Depression Inventory-II (BDI-II) to assess depression levels. The respondents in this study were 384 youths in Petaling Jaya, Malaysia. The findings show that youth in Petaling Jaya have a moderate level of moral intelligence and a low level of depression. The findings from independent sample T-tests and one-way ANOVAs also showed that (a) there were significant differences in moral intelligence based on respondents' gender and ethnicity; and (b) there were no significant differences in depression based on gender, but there were significant differences in depression based on ethnicity. At the same time, Pearson correlation test results showed that there was a significant negative relationship between moral intelligence and depression among youth in Petaling Jaya. Therefore, it can be concluded that moral intelligence is a factor in resilience to depression. Therefore, this study recommends that the development of youth caretaker development in the modern age should instill moral aspects to prevent mental

health problems among youth.

Keywords: *Moral Intelligence, Depression, Protective Factors, Youth, Petaling Jaya*

PENGENALAN

Kemurungan adalah pemboleh ubah yang dititikberatkan dalam bidang kesihatan mental di seluruh dunia kerana kemurungan merupakan sejenis masalah kesihatan mental yang menjadi semakin ketara dari masa ke masa. Kemurungan mempunyai kadar kelaziman yang tinggi, boleh menjadi kronik sehingga seseorang individu mempunyai niat untuk membunuh diri dan melibatkan proses rawatan dan pemulihan yang sukar (Melo-Carrillo, Van Oudenhove, & Lopez-Avila, 2011). Kemurungan telah disenaraikan sebagai salah satu penyakit yang perlu diberi perhatian (Sarokhani *et. al.*, 2013), kerana mendatangkan beban yang berat untuk individu, keluarga dan masyarakat. Pada masa yang sama, kemurungan juga mengakibatkan penurunan kualiti kehidupan seseorang individu dan meningkatkan kadar morbiditi dan kematian (WHO, 2018).

Kertas kerja ini membincangkan satu kajian yang mengkaji tentang hubungan antara kecerdasan moral dan kemurungan dalam kalangan belia di Petaling Jaya, Malaysia.

SOROTAN LITERATUR

Golongan belia yang berumur antara 15 hingga 40 tahun merupakan golongan yang paling ramai bilangannya menduduki negara kita (Isa & Yusof, 2011). Pada tahun 2014, jumlah penduduk di Negeri Selangor adalah seramai 5.8 juta iaitu 17.9 peratus daripada jumlah penduduk yang berjumlah 32.4 juta. Jumlah belia di Negeri Selangor pula seramai 2.8 juta iaitu 48.76 peratus daripada jumlah penduduk di Negeri Selangor (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2018). Di sesebuah negara, golongan belia memainkan peranan sebagai pemangkin pembangunan negara yang akan menentukan kemajuan ataupun kemunduran sesebuah negara (Dasar Belia Malaysia, 2015). Transformasi sosial yang berlaku dalam negara pada abad ke-21 telah memberi implikasi yang besar kepada gaya hidup generasi belia (Ahmad, Abdullah, Sidek, Gill, & Dahalan, 2009). Terdapat banyak cabaran yang dihadapi oleh golongan belia di negara kita. Antara masalah yang dihadapi oleh golongan belia ialah isu pekerjaan, isu percintaan, isu bersosial, tekanan hidup, gangguan emosi, isu kewangan dan isu jenayah (Hussain & Yasin, 2016). Walaupun terdapat pelbagai isu yang dihadapi oleh golongan belia, tetapi kajian ini hanya akan memberi tumpuan terhadap isu kemurungan yang dihadapi oleh golongan belia yang tinggal di Petaling Jaya, Malaysia. Pemilihan ini telah dilakukan kerana kajian-kajian lepas telah membuktikan kadar berlakunya isu kemurungan adalah semakin mendadak dari masa ke masa terutamanya di negara yang sedang membangun ataupun negara yang maju seperti Malaysia.

Dalam kegunaan seharian, perkataan ‘kemurungan’ merujuk kepada perasaan sedih yang dialami oleh seseorang individu (Rafidah Aga Mohd Jaladin, 2019). Akan tetapi, ‘kemurungan’ boleh membawa banyak makna yang boleh digunakan dalam pelbagai situasi yang berbeza (American Psychiatric Association, 2013; WHO, 2018). Kemurungan boleh dianggap sebagai suatu perasaan, suatu sindrom atau suatu penyakit klinikal (Rafidah Aga Mohd Jaladin, 2016). Kemurungan yang dikenali sebagai gangguan kemurungan major atau kemurungan klinikal merupakan gangguan mood yang biasa dijumpai dan serius (Shelton, 2018). Dalam kajian ini, kemurungan telah dilihat sebagai suatu kecelaruan perasaan yang berbentuk klinikal.

Setiap individu di dunia ini pernah mengalami perasaan sedih atau muram pada masa yang tertentu sepanjang hayatnya (WHO, 2018). Bagi kebanyakan orang, gangguan emosi hanya wujud dalam jangka masa yang pendek sahaja. Akan tetapi, individu yang menghadapi kemurungan akan mengalami perasaan kesedihan dan keputusan yang

berterusan dan kehilangan minat dalam aktiviti yang pernah dinikmati oleh mereka (Rafidah Aga Mohd Jaladin, 2016). Gangguan kemurungan utama dikaitkan dengan kadar kematian yang tinggi kerana mangsa ini mempunyai kecenderungan untuk membunuh diri. Bagi individu yang memaparkan simptom-symptom kemurungan sekurang-kurangnya sepanjang dua minggu baru akan didiagnosis dengan kemurungan. Kemurungan dapat menjejaskan pelbagai aspek kehidupan seseorang individu sama ada dari segi kognitif, emosi, sosial mahupun fizikal. Malaysia yang sedang menuju ke arah pembangunan turut tidak terkecuali daripada masalah kemurungan. Apabila kadar pemangkin tekanan adalah tinggi, maka kadar kelaziman masalah kemurungan turut menjadi tinggi (Ya'acob, 2013).

Selain isu kemurungan yang dihadapi oleh golongan belia, aspek kecerdasan moral yang kurang menjadi minat dalam kajian-kajian lepas turut dipilih oleh penyelidik supaya dapat mengkaji hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah ini. Walaubagaimanapun, ada segelintir kajian yang menyatakan bahawa simptom kemurungan boleh memberi kesan negatif kepada penilaian moral (Elliott, 1997; Terroni & [Fraguas](#), 2010). Sebagai contoh, kemurungan boleh mengakitbatkan seseorang itu kurang empati terhadap orang lain. Kecerdasan moral merujuk kepada fakta bahawa manusia tidak dilahirkan beretika atau tidak beretika secara semula jadi, sebaliknya manusia belajar cara untuk menjadi baik. Pembelajaran yang baik melibatkan komunikasi, maklum balas, bersosial dan latihan yang tidak pernah berakhir. Tingkah laku manusia belajar bertindak secara intelektual dan mencapai amalan yang terbaik mempunyai kaitan dengan kecerdasan moral (Pakdel & Sharifi, 2016). Menurut Lennick dan Kiel (2005), kecerdasan moral merupakan satu keupayaan untuk menerapkan prinsip-prinsip moral sejagat dalam etika. Pada masa yang sama, matlamat dan interaksi individu adalah berdasarkan peraturan. Lennick, Kiel dan Jordan (2011) telah menilai sepuluh merit bagi kecerdasan moral iaitu (a) bertindak secara konsisten dengan prinsip, nilai dan kepercayaan, (b) kejujuran, (c) meneguhkan pendirian tentang apa yang betul, (d) menepati janji, (e) bertanggungjawab terhadap pilihan peribadi, (f) mengakui kesilapan dan kegagalan, (g) sanggup berkhidmat untuk orang lain, (h) mengambil berat tentang orang lain secara aktif, (i) berupaya melepaskan kesilapan diri sendiri dan (j) berupaya melepaskan kesilapan orang lain. Adalah penting untuk memahami nilai-nilai moral dan betapa berpengaruh nilai ini kepada diri kerana ia memberi motivasi terhadap tingkah laku anda. Sekiranya, anda tidak memahami and menggunakan nilai-nilai moral, anda tidak akan memahami cara memotivasi diri untuk merasa puas dengan kehidupan diri. Di Malaysia, kebanyakan kajian yang berkaitan dengan kemurungan telah dijalankan oleh penyelidik tempatan, manakala kajian tentang kecerdasan moral masih kurang dititikberatkan oleh penyelidik tempatan. Walaupun sesetengah penyelidik telah menjalankan penyelidikan terhadap faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kemurungan dalam kalangan rakyat, tetapi tidak terdapat penyelidik yang mengkaji hubungan antara kecerdasan moral dengan kemurungan. Kajian yang dijalankan bertujuan mengkaji hubungan antara kecerdasan moral dengan kemurungan untuk melihat jenis hubungan yang terdapat antara kedua-dua pemboleh ubah. Hubungan yang signifikan antara kecerdasan moral dengan kemurungan boleh dijadikan sebagai bukti bahawa kecerdasan moral merupakan salah satu faktor yang menyebabkan berlakunya kemurungan.

Pada zaman ini, kemurungan telah menjadi masalah kesihatan mental yang semakin serius di Malaysia. Kajian yang dijalankan oleh Kesihatan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) pada tahun 2015 telah menunjukkan kira-kira satu pertiga penduduk di negara kita menghadapi kemurungan seumur hidup (Aris, 2017). Statistik ini menggambarkan situasi dimana dalam kalangan tiga orang penduduk Malaysia, seorang penduduk adalah mangsa kemurungan. Statistik ini mencatatkan peningkatan sebanyak 29.2 peratus atau 4.2 juta rakyat Malaysia yang berusia 16 tahun ke atas mengalami masalah kesihatan mental berbanding dengan tahun 2006 yang hanya mencatatkan 11.2 peratus dalam kemurungan. Sekiranya penyakit ini tidak diambil langkah pencegahan yang bersesuaian, maka jumlah mangsa akan mencecah lebih daripada 300 juta orang di seluruh dunia (World Health Organization, 2012).

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengkaji perkaitan kecerdasan moral dan hubungannya dengan kemurungan dalam kalangan belia di Petaling Jaya, Malaysia.

Objektif khusus kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti skor kecerdasan moral golongan belia di Petaling Jaya dengan menggunakan alat ukur Moral Competency Inventory (MCI).
2. Mengenal pasti skor kemurungan golongan belia di Petaling Jaya dengan menggunakan alat ukur Beck Depression Inventory-II (BDI-II).
3. Mengenal pasti perbezaan kecerdasan moral yang disebabkan oleh faktor (a) jantina, dan (b) etnik
4. Mengenal pasti perbezaan kemurungan yang disebabkan oleh faktor (a) jantina dan (b) etnik
5. Mengenal pasti hubungan antara kecerdasan moral dengan kemurungan dalam kalangan belia di Petaling Jaya, Malaysia.

Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pihak-pihak berikut dalam usaha meningkatkan kecerdasan moral dan mengurangkan kadar kemurungan dalam kalangan belia di Malaysia. Dengan adanya kajian yang mengkaji tentang pemboleh ubah kemurungan dan kecerdasan moral dalam kalangan belia, kelab dan persatuan belia boleh menganjurkan aktiviti yang berkaitan dengan cara membanteras kemurungan dalam kalangan belia supaya belia dapat hidup dengan minda yang sihat. Keputusan kajian ini turut dapat membekalkan statistik tentang tahap kecerdasan moral dalam kalangan belia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan rekabentuk kajian adalah secara tinjauan (kajian korelasi) untuk mengenal pasti hubungan antara tahap kecerdasan moral dengan kemurungan dalam kalangan belia. Populasi yang disasarkan dalam kajian ini adalah golongan belia di Petaling Jaya, Malaysia. Di Malaysia, golongan belia ditakrifkan sebagai individu yang berumur antara 15 tahun hingga 40 tahun dan merupakan golongan yang paling ramai bilangannya menduduki negara kita (Khairunesa Binti Isa & Mohamed Azrul Syam Mohamed Yusof, 2011). Sampel bagi kajian ini telah dipilih sebagai responden berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Apabila jumlah populasi bagi sesebuah kawasan melebihi 100,000, maka saiz sampel yang ideal adalah seramai 384 orang (Cohen, 1969; Krejcie & Morgan, 1970). Oleh itu, saiz sampel untuk kajian ini adalah seramai 384 orang. Sampel ini mestilah tinggal di Petaling Jaya dan berumur di antrara 15 hingga 40 tahun. Kajian ini menggunakan pensampelan bertujuan kerana kekurangan masa dan sumber.

Satu set soal selidik telah digunakan dalam kajian ini untuk mengumpul maklumat dan data. Ia mengandungi tiga bahagian iaitu (a) maklumat demografi subjek kajian (3 item), (b) pendirian moral dalam situasi yang tertentu (40 item) dan (c) simptom-simptom kemurungan yang dialami pada minggu lepas (20 item).

Alat ukur *Moral Competency Inventory* (MCI) digunakan untuk mengukur tahap kecerdasan moral sampel kajian secara tadbiran sendiri menggunakan berdasarkan lima Skala Likert. Alat ukur *Beck Depression Inventory-II* (BDI-II) yang mengandungi dua puluh satu soalan yang berkaitan dengan simptom-simptom kemurungan pula digunakan untuk mengkaji tahap kemurungan yang dialami oleh subjek kajian berdasarkan empat Skala Likert. Kedua-dua alat ukur tersebut masing-masing mempunyai nilai kebolehppercayaan $\alpha = 0.89$ (Hamid, Idrus, & Saat, 2014) dan $\alpha = 0.92$. Soal selidik telah diedarkan kepada seramai 400 orang belia di Petaling Jaya namun hanya 384 merupakan peserta kajian sebenar (Nota: subjek kajian rintis adalah 30 orang). Maklumat demografi peserta kajian dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Taburan Demografi Responden Mengikut Jantina, Etnik, dan Umur

Deskripsi	Frekuensi (n)	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	112	29.2
Perempuan	272	70.8
Etnik		
Melayu	201	52.3
India	26	6.8
Cina	141	36.7
Lain-lain	16	4.2
Umur		
15-23 tahun	172	44.8
24-32 tahun	172	44.8
33-40 tahun	40	10.4
Jumlah	384	100.0

Berdasarkan Jadual 1 komposisi responden lelaki telah mencatatkan peratusan sebanyak 29.2 (n = 112) dan responden perempuan pula mencatatkan peratusan sebanyak 70.8 (n = 272). Dari segi etnik, seramai 201 (52.3%) orang responden yang berbangsa Melayu, 26 (6.8%) orang responden yang berbangsa India, 141 (36.7%) orang responden yang berbangsa Cina dan 16 (4.2%) orang responden yang berbangsa lain. Taburan etnik ini telah menunjukkan Petaling Jaya merupakan sebuah kawasan yang didiami oleh penduduk yang terdiri daripada pelbagai etnik. Terdapat 172 orang responden (44.8%) berumur antara 15 tahun hingga 23 tahun dan berumur antara 24 tahun hingga 32 tahun. Responden yang berumur antara 33 tahun hingga 40 tahun pula telah mencatat bilangan seramai 40 orang iaitu 10.4% daripada peratusan keseluruhan.

Proses menganalisis data dilakukan dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 22. Analisis Korelasi Pearson digunakan bagi menguji perhubungan manakala ujian T dan ANOVA sehalu menguji perbezaan antara kecerdasan moral berdasarkan jantina dan etnik serta perbezaan antara kemurungan berdasarkan jantina dan etnik.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis statistic deskriptif, purata skor kecerdasan moral yang diperolehi dalam kajian ini adalah sebanyak 74.52. Skor sebanyak 74.52 telah menunjukkan purata skor kecerdasan moral bagi responden adalah berada pada tahap yang sederhana. Daripada sepuluh aspek dalam kecerdasan moral, aspek 'mengakui kesilapan dan kegagalan' telah mencatat skor yang paling tinggi iaitu skor sebanyak 4.00, manakala aspek 'meneguhkan pendirian tentang apa yang betul' hanya mencatatkan skor sebanyak 3.34 iaitu skor yang terendah antara sepuluh aspek kecerdasan moral ini. Purata skor kemurungan yang diperolehi dalam kajian ini adalah sebanyak 15.05. Berdasarkan cara analisis alat ukur BDI-II, skor sebanyak 15.05 berada pada tahap kemurungan yang kedua dan menunjukkan responden mengalami gangguan mood yang ringan.

Berdasarkan ujian T tidak bersandar, didapati bahawa nilai p untuk lelaki dan perempuan ialah .001 dan .003 iaitu $p < .05$, maka terdapat perbezaan signifikan kecerdasan moral berdasarkan jantina. Dapatan ini menunjukkan jantina memainkan peranan dalam mempengaruhi kecerdasan moral seseorang belia di Petaling Jaya, Malaysia. Namun keputusan yang sebaliknya diperolehi dari skor kemurungan. Ini menunjukkan jantina tidak mempengaruhi kemurungan seseorang belia dalam penyelidikan ini. Hasil analisis ANOVA sehalu menunjukkan bahawa nilai kebarangkalian kepentingan, nilai p bagi kecerdasan moral berdasarkan etnik ialah .001 iaitu $p < .05$. Jadi, terdapat perbezaan yang signifikan kecerdasan moral berdasarkan etnik. Keputusan analisis memaparkan nilai kebarangkalian kepentingan

iaitu nilai p bagi kemurungan berdasarkan etnik ialah .000. Keputusan ini telah membuktikan bahawa terdapat perbezaan signifikan kemurungan berdasarkan etnik responden. Jadual 2 memaparkan keputusan dari analisis statistik ANOVA.

Jadual 2 : *Keputusan ANOVA Kecerdasan Moral Berdasarkan Etnik*

		Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Kecerdasan Moral	Dalam kumpulan	100.78	380	.265	5.511	.001
	Antara Kumpulan	4.39	3	1.462		
	Jumlah	105.17	383			

Akhir sekali, hasil dari analisis korelasi Pearson, nilai r bagi pemboleh ubah kemurungan dan kecerdasan moral dalam kalangan belia ialah -.477. Jadual 3 memaparkan keputusan dari analisis statistik. Nilai korelasi ini menunjukkan terdapat hubungan songsang yang signifikan antara kecerdasan moral dengan kemurungan dalam kalangan belia di Petaling Jaya, Malaysia. Hubungan songsang antara kedua-dua pemboleh ubah bermaksud semakin tinggi tahap kecerdasan moral yang dimiliki oleh seseorang belia, semakin rendah tahap kemurungan yang dihadapi oleh belia tersebut.

Jadual 3 *Keputusan Analisis Korelasi Kecerdasan Moral dan kemurungan*

		Kecerdasan Moral	Kemurungan
Kecerdasan Moral	Korelasi Pearson	1	-.477**
	Sig. (2-ekor)		.000
	N	384	384
Kemurungan	Korelasi Pearson	-.477**	1
	Sig. (2-ekor)	.000	
	N	384	384

**Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN KAJIAN

Secara umumnya, rumusan dapatan kajian disenaraikan di bawah:

1. Tahap kecerdasan moral dalam kalangan belia di Petaling Jaya adalah pada tahap sederhana.
2. Tahap kemurungan dalam kalangan belia di Petaling Jaya adalah pada tahap yang kedua iaitu gangguan perasaan yang ringan.
3. Terdapat perbezaan yang signifikan kecerdasan moral berdasarkan jantina.
4. Terdapat perbezaan yang signifikan kecerdasan moral berdasarkan etnik.
5. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kemurungan berdasarkan jantina.
6. Terdapat perbezaan signifikan kemurungan berdasarkan etnik responden.
7. Terdapat hubungan songsang yang signifikan antara kecerdasan moral dengan kemurungan dalam kalangan belia.

Penjelasan bagi dapatan ketiga merujuk kepada tahap kematangan. Golongan lelaki dan perempuan cenderung memiliki tahap kematangan yang berbeza terutamanya mereka yang masih berada pada zaman remaja. Remaja perempuan mencapai akhir baligh pada usia yang lebih muda kalau berbanding dengan remaja lelaki. Jadi, tahap kematangan bagi lelaki dan perempuan adalah berbeza dalam kebanyakan situasi. Dalam kajian ini, belia yang berumur antara 15 tahun hingga 24 tahun yang masih berada dalam proses pengalihan adalah sebanyak 44.8% daripada jumlah keseluruhan responden. Golongan belia yang berumur antara 15 tahun hingga 17 tahun dikategorikan sebagai belia remaja yang berada pada permulaan baligh dan masih berada pada peringkat persekolahan dan belia awal pekerjaan pula berumur antara 18 tahun hingga 23 tahun (Dasar Belia Malaysia, 2015). Jadi, tahap kematangan yang berbeza antara jantina belia dalam kedua-dua kategori belia ini akan menyebabkan tahap

kecerdasan moral berdasarkan jantina mempunyai perbezaan yang signifikan.

Perbezaan signifikan kecerdasan moral berdasarkan jantina turut ~~mungkin~~ disebabkan oleh sifat yang berlainan antara kedua-dua jantina ini. Perempuan lebih mudah rasa belas kasihan kalau berbanding dengan lelaki (Eisenberg *et. al.*, 2014; Jafee & Hyde, 2000). Sifat-sifat integriti, tanggungjawab dan pemaaf pula tidak mempunyai perbezaan yang signifikan antara kedua-dua jantina ini (Atakan, Burnaz, & Topcu, 2008; Kahreh, Babania, Tive, & Mirmehdi, 2014; Napeah & Lim, 2016). Penjelasan bagi dapatan keempat merujuk kepada punca kemurungan yang meluas. Golongan wanita belia lebih cenderung mengalami kemurungan oleh sebab penilaian negatif terhadap diri sendiri dan kekurangan aktiviti fizikal manakala golongan lelaki belia lebih cenderung mengalami kemurungan yang disebabkan oleh tekanan kewangan, kekurangan aktiviti fizikal dan tekanan di tempat kerja (Ali *et. al.*, 2019; Khesht-Masjedi, Shokrgozar, Abdollahi, Golshahi, & Sharif-Ghaziani, 2017). Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan kemurungan berdasarkan jantina golongan belia.

Perbezaan yang tidak signifikan kemurungan berdasarkan jantina juga mungkin disebabkan oleh maklumat mengenai cara pambanteras kemurungan telah tersebar luas dalam masyarakat Malaysia. Setiap belia tanpa mengira belia perempuan ataupun belia lelaki mempunyai peluang yang sama untuk mendapatkan ilmu yang berkaitan dengan kemurungan dan dapat membantu diri untuk mengelakkan diri menjadi mangsa kemurungan. Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan kemurungan berdasarkan jantina dalam kalangan belia yang telah dipilih sebagai sampel kajian ini.

Penjelasan kepada dapatan kelima merujuk kepada perbezaan budaya setiap etnik. Orang Melayu adalah lebih bersifat pemaaf dan belas kasihan kalau berbanding dengan kaum-kaum lain. Orang Cina pula cenderung memaparkan tingkah laku yang bertanggungjawab. Budaya yang berbeza telah menyebabkan tahap kecerdasan moral bagi setiap etnik adalah berbeza.

Perbezaan ini turut ~~mungkin~~ disebabkan oleh agama yang dianuti oleh setiap etnik. Umat Islam didapati lebih bersedia untuk mengakui kesilapan dan kegagalan kalau berbanding dengan penganut Kristian dan Buddha. Umat Islam juga lebih aktif dalam menjaga orang lain dan lebih mudah melepaskan kesilapan mereka sendiri. Jadi, etnik yang menganuti agama Islam cenderung untuk memiliki tahap kecerdasan moral yang lebih tinggi kalau berbanding dengan etnik lain.

Penjelasan untuk membincangkan dapatan keenam ~~mungkin~~ disebabkan oleh setiap etnik mengalami tahap kemurungan yang berbeza. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh status ekonomi yang berbeza antara etnik. Masalah kewangan merupakan salah satu punca kemurungan yang sering dialami oleh belia di Petaling Jaya. Dalam kalangan belia, orang India cenderung mengalami masalah kewangan dan keadaan ini dapat meningkatkan risiko mereka untuk menjadi mangsa kemurungan.

Sokongan sosial yang lemah juga akan menyebabkan seseorang belia menjadi murung. Orang Melayu mengamalkan amalan salam antara ahli keluarga dan dengan orang lain. Selain itu, orang Melayu lebih mementingkan nilai kekeluargaan dan risiko untuk menjadi murung turut dapat dikurangkan (Rashid, 2005). Kekurangan sokongan sosial akan mengakibatkan seseorang individu rasa dirinya tidak dihargai dan menjadi murung. Oleh sebab itu, sokongan keluarga amatlah penting untuk mengelakkan kemurungan di golongan belia.

Dapatan terakhir menunjukkan terdapat hubungan negatif antara kecerdasan moral dengan kemurungan dalam kalangan belia. Seseorang belia yang memiliki tahap kecerdasan moral yang tinggi cenderung memiliki tahap kemurungan yang rendah. Keadaan ini berlaku kerana belia yang memiliki kecerdasan moral yang tinggi lebih mampu memaafkan orang

lain dan diri sendiri (e.g. tidak terlalu keras terhadap diri apabila membuat kesalahan/gagal). Jadi, sikap ini dapat mengelakkan seseorang belia menjadi murung. Kecerdasan moral juga merupakan faktor pelindung kepada kemurungan. Jadi, seseorang belia yang memiliki tahap kecerdasan moral yang tinggi cenderung untuk memiliki tahap kemurungan yang rendah.

Keputusan ini adalah selaras dengan teori kecerdasan moral yang diperkenalkan oleh Lennick *et. al.* (2005) yang menyatakan kecerdasan moral adalah 'keupayaan mental untuk menentukan bagaimana prinsip manusia sejagat harus diterapkan pada nilai, matlamat dan tindakan kita'. Hasil ini turut selaras dengan teori kemurungan kognitif Beck yang menyatakan 'individu yang murung lebih cenderung mempersepsikan diri sendiri dan pengalaman masa depan mereka sebagai satu pemahaman yang negatif dan tidak realistik'. Kedua-dua teori ini menitikberatkan keupayaan mental seseorang individu untuk menentukan tingkah laku diri berdasarkan dimensi kecerdasan moral dan kemampuan seseorang individu untuk mempersepsikan diri sendiri dan pengalaman masa depan sebagai satu pemahaman yang positif dan realistik. Bagi individu yang mempunyai tahap kecerdasan moral yang tinggi, mereka mempunyai kemampuan untuk menentukan bagaimana prinsip manusia sejagat dapat diterapkan pada nilai, matlamat dan tindakan diri sendiri. Apabila mereka mampu mengawal tingkah laku diri berdasarkan nilai dan matlamat tertentu, maka mereka juga mempunyai keupayaan untuk mempersepsikan diri dan pengalaman masa depan secara positif dan realistik.

Terdapat beberapa implikasi hasil dari kajian ini, antaranya ialah:

1. Implikasi kajian kepada teori dan model - adalah selaras dengan teori kecerdasan moral yang diperkenalkan oleh Lennick dan Kiel (2005) dan teori kemurungan kognitif Beck. Kedua-dua teori ini menitikberatkan keupayaan mental yang menentukan tingkah laku diri berdasarkan dimensi kecerdasan moral dan kemampuan seseorang individu untuk mempersepsikan diri sendiri dan pengalaman masa depan sebagai satu pemahaman yang positif dan realistik. Sebaliknya, individu yang tidak mempunyai keupayaan mental untuk menentukan bagaimana prinsip manusia sejagat harus diterapkan pada nilai, matlamat dan tindakan diri sendiri, berkemungkinan besar turut cenderung untuk mempersepsikan diri sendiri dengan pengalaman masa depan mereka sebagai satu pemahaman yang negatif dan tidak realistik.
2. Implikasi kajian kepada penyelidikan - Kecerdasan moral merupakan pemboleh ubah yang agak baru dalam bidang penyelidikan dan kurang dijadikan sebagai tumpuan penyelidikan sama ada di luar negara ataupun di negara kita. Abdel-Hadi (2017) menyatakan hanya terdapat sedikit kajian lepas yang dijalankan untuk mengkaji tentang kecerdasan moral responden. Menurut beliau, tahap penghakiman moral yang tinggi adalah tanda kecerdasan moral yang dimiliki oleh seseorang individu. Justeru, adalah dicadangkan supaya penyelidikan pada masa yang akan datang turut mengkaji tentang tahap kecerdasan moral supaya pemboleh ubah ini dapat difahami dengan lebih mendalam.
3. Implikasi kajian kepada pengamal - memberi hala tuju kepada institusi pendidikan supaya mengambil langkah yang bersesuaian untuk meningkatkan kecerdasan moral dalam kalangan pelajar. Umur mangsa kemurungan menjadi semakin muda dari masa ke masa, jadi guru perlu memainkan peranan untuk melahirkan persekitaran moral dalam bilik darjah supaya dapat mempengaruhi perkembangan moral seseorang individu dan perkembangan moral secara kolektif. Pada masa yang sama, semua warga sekolah juga boleh menjadi teladan yang mempunyai kecerdasan moral yang tinggi supaya pelajar dapat mengikuti sifat-sifat yang ditunjukkan oleh golongan pendidik.

Cadangan Kajian yang Akan Datang

Dapatan kajian mengesyorkan agar satu kajian yang melibatkan bilangan responden yang lebih ramai dan merangkumi negeri-negeri lain terutamanya seluruh negara boleh dilakukan

untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh dan lebih tepat tentang hubungan antara kecerdasan moral dengan kemurungan dalam kalangan belia di Malaysia.

Kajian ini hanya mengkaji tentang hubungan antara tahap kecerdasan moral dengan tahap kemurungan dalam kalangan belia. Kecerdasan moral terdapat empat dimensi yang utama iaitu integriti, bertanggungjawab, belas kasihan dan sanggup memaafkan diri sendiri dan orang lain (Lennick & Kiel, 2005). Alat ukur BDI-II yang digunakan pula mengkaji tentang dua puluh satu simptom kemurungan yang dialami oleh seseorang individu termasuk perubahan berat badan, mudah rasa penat, susah untuk tidur dan sebagainya. Kajian pada masa yang akan datang dicadangkan supaya dapat menjalankan kajian yang lebih mendalam dengan mengkaji hubungan antara empat dimensi kecerdasan moral dengan kemurungan yang dialami oleh rakyat Malaysia. Dengan ini, pengkaji lain yang berminat untuk mengkaji tentang pemboleh ubah kecerdasan moral turut dapat lebih jelas tentang bagaimana kecerdasan moral dapat mempengaruhi tahap kemurungan seseorang individu.

Diharapkan kajian lanjutan dapat menggunakan pendekatan gabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif untuk meninjau bagaimana kecerdasan moral memainkan peranan dalam kemurungan yang dialami oleh seseorang individu. Mungkin pembuat polisi berkaitan pembangunan belia boleh menerapkan aspek moral dalam usaha membangunkan karektor belia yang holistic dalam arus modenisasi. Sekiranya usaha ini tercapai, maka ia dapat mencegah masalah kesihatan mental yang serius dalam kalangan belia.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah memberikan gambaran yang berkaitan dengan kecerdasan moral dan hubungannya dengan kemurungan dalam kalangan belia di Petaling Jaya, Malaysia. Melalui kajian yang telah dijalankan, didapati tahap kecerdasan moral yang dimiliki oleh para responden berada pada tahap yang sederhana, manakala tahap kemurungan yang dialami pula berada pada tahap gangguan mood yang ringan. Dapatan kajian turut membuktikan terdapat hubungan songsang yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah ini. Di samping itu, kajian ini telah memberi implikasi kepada teori dan model, penyelidikan dan pengamal. Cadangan-cadangan terhadap kajian yang akan datang turut telah diberi supaya kedua-dua pemboleh ubah ini dapat dikaji dengan lebih mendalam tidak mengira dalam konteks Malaysia ataupun konteks di luar negara.

RUJUKAN

- Abdel-Hadi, S. A. (2017). The level of moral competency and its relationship with the variables of, gender, specialization and academic year among Al Falah University students in Dubai. *International Journal of Business and Society*, 18(3), 463-478.
- Ahmad, N., Abdullah, H., Sidek, A. H., Gill, S. S., & Dahalan, D. (2009). *Pembangunan belia abad ke-21: Isu dan cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ali, R., Javed, N., Shah, S. M., Naqvi, R., Farrukh, Z., Jadoon, M. S. K., ... & Iqbal, S. P. (2019). Physical activity and depression among young adults in Islamabad: A cross-sectional study. *Cureus*, 11(9), 1-7.
- American Psychiatric Association. (2013). *Diagnostic and statistical manual of mental disorders* (5th ed.). Washington, DC: Author.
- Aris, A. (2017, April 24). 4.2 juta kemurungan. *MyMetro*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/04/223900/42-juta-kemurungan>
- Atakan, M. S., Burnaz, S., & Topcu, Y. I. (2008). An empirical investigation of the ethical perceptions of future managers with a special emphasis on gender-Turkish

- case. *Journal of Business Ethics*, 82(3), 573-586. Borba, M. (2005). Moral intelligence. Retrieved from www.parentingbookmark.com/pages/7virtus.htm
- Cohen, J. (1969). *Statistical power analysis for the behavioral science*. San Diego, CA: Academic Press. Dacey, J., & Kenny, M. (1997). *Adolescent development* (2nd ed.). Madison, WI: Brown & Benchmark Publishers.
- Dasar Belia Malaysia. (2015). *Dasar Belia Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Eisenberg, N., Hofer, C., Sulik, M. J., & Liew, J. (2014). The development of prosocial moral reasoning and a prosocial orientation in young adulthood: Concurrent and longitudinal correlates. *Developmental Psychology*, 50(1), 58-70.
- Elliott, C. (1997). Caring about risks: Are severely depressed patients competent to consent to research?. *Archives of General Psychiatry*, 54(2), 113-116.
- Hamid, N. H. N., Idrus, Z., & Saat, G. A. M. (2014). Moral competencies among Malaysian youth. *Health and the Environment Journal*, 3(3), 1-10.
- Hussain, T. P. R. S., & Yasin, L. (2016). Belia dan program kesukarelawan di Malaysia: Satu kajian empirikal. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12(10), 183-194.
- Isa, K., & Yusof, M. A. S. M. (2011). Penyertaan belia dalam aktiviti gerakan belia 4B di komuniti Petaling Jaya Selatan, Selangor Darul Ehsan. Retrieved from https://www.researchgate.net/profile/Nesa_Isa/publication/299748392_PENYERTAAN_BELIA_DALAM_AKTIVITI_GERAKAN_BELIA_4B_DI_KOMUNITI_PETALING_JAYA_SELATAN_SELANGOR_DARUL_EHSAN/links/5704dbcf08ae74a08e24c922.pdf
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2018). Anggaran penduduk semasa, Malaysia, 2017-2018. Retrieved from <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=T0lmSHlwOXJ1aWlzcjBlam9ObUZpdz09>
- Jaffee, S., & Hyde, J. S. (2000). Gender differences in moral orientation: A meta-analysis. *Psychological Bulletin*, 126(5), 703-726.
- Kahre, M. S., Babania, A., Tive, M., & Mirmehdi, S. M. (2014). An examination to effects of gender differences on the corporate social responsibility (CSR). *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 109, 664-668.
- Khairunesa binti Isa & Mohamed Azrul Syam Mohamed Yusof (2011). Penyertaan belia dalam aktiviti gerakan belia 4B di komuniti Petaling Jaya Selatan, Selangor Darul Ehsan. *Research Gate*, 8.
- Khesht-Masjedi, M. F., Shokrgozar, S., Abdollahi, E., Golshahi, M., & Sharif-Ghaziani, Z. (2017). Comparing depressive symptoms in teenage boys and girls. *Journal of Family Medicine and Primary Care*, 6(4), 775-779.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). *Determining sample size for research activities*. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 608.
- Lennick, D., & Kiel, F. (2005). *Moral intelligence: Enhancing business performance and leadership success*. Upper Saddle River, NJ: Wharton School Publishing.

- Lennick, D., Kiel, F., & Jordan, K. (2011). *Moral intelligence 2, enhancing business performance and leadership success in turbulent times*. Upper Saddle River, NJ: Pearson Prentice Hall.
- Melo-Carrillo, A., Van Oudenhoove, L., & Lopez-Azila, A. (2011). Depressive symptoms among Mexican medical students: High prevalence and the effect of a group psychoeducation intervention. *Journal of Affective Disorder, 136*(3), 1098-1103.
- Napeah, R. M., & Lim, H. L. (2016). Assessing forgiveness among university students. *Sains Humanika, 8*(1), 31-40.
- Nuyen, J., Volkens, A. C., Verhaak P. F., Schellevis, F. G., Groenewegen, P. P., & Van den Bos, G. A. (2005). Accuracy of diagnosing depression in primary care: The impact of chronic somatic and psychiatric co-morbidity. *Psychological Medicine, 35*(8), 1185-1195.
- Pakdel, L. & Sharifi, S. (2016). Moral intelligence relationship with job satisfaction and organizational deviant behaviors youth and sports department of Fars Province. *International Business Management, 10*(7), 1151-1161.
- Rafidah Aga Mohd Jaladin (2019, Ogos 27). Kemurungan boleh membunuh (segmen Mega Rona, halaman 22). Kuala Lumpur: Utusan Malaysia.
- Rafidah Aga Mohd Jaladin (2016). *Pengenalan Kaunseling Krisis*. Kuala Lumpur: Persatuan Kaunseling Antarabangsa Malaysia.
- Rashid, N. A. (2005). Nilai kesantunan dalam konteks sosiobudaya masyarakat Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu, 15*(1), 232-253.
- Sarokhani, D., Delpisheh, A., Veisani, Y., Sarokhani, M. T., Manesh, R. E., & Sayehmiri, K. (2013). Prevalence of depression among university students: A systematic review and meta-analysis study. *Depression Research and Treatment, 2013*, 1-7.
- Shelton, J. (2018). Depression definition and DSM-5 diagnostic criteria. Retrieved from <https://www.psycom.net/depression-definition-dsm-5-diagnostic-criteria/>
- Terroni, L., & Fraguas, R. (2010). Depression affecting moral judgment. *Behavioral and Brain Sciences, 33*(4), 352-352.
- Wicks-Nelson, R., & Israel, A. C. (2003). *Behavior disorder of childhood* (5th ed.). New York: Prentice-Hall.
- World Health Organization. (2018, March 22). Depression. Retrieved from <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/depression>
- World Health Organization. (2012). Suicide prevention day 2012. Retrieved from http://www.who.int/mediacentre/events/annual/world_suicide_prevention_day/en/
- Ya'acob, N. (2013). Kajian terhadap faktor kemurungan bagi pelajar darjah empat, darjah lima dan darjah enam di tiga buah sekolah agama daerah Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Retrieved from <http://library.oum.edu.my/repository/989/1/library-document-989.pdf>

Profil Penulis :***Loh Chin Ying****Fakulti Pendidikan**Universiti Malaya**50603 Kuala Lumpur**rafidah_aga@um.edu.my****Rafidah Aga Mohd Jaladin, PhD****Fakulti Pendidikan**Universiti Malaya**50603 Kuala Lumpur**rafidah_aga@um.edu.my*

KECERDASAN EMOSI (KE) DALAM KALANGAN BELIA: SATU PROSES PEMBINAAN DAN PERKEMBANGAN KARAKTER MELALUI PROSES TARBIIYAH

SYED SOFIAN SYED SALIM

ABSTRAK

Kepentingan kecerdasan emosi (KE) memang tidak dinafikan dalam penentuan pencapaian seseorang untuk berjaya dalam semua aspek kehidupan terutama dalam kalangan belia. Plato pernah mengungkapkan bahawa “emosi hanya dimiliki oleh manusia”. Bila emosi dimiliki oleh manusia, maka manusia sentiasa sahaja berubah mengikut perubahan “mood” dalam kehidupan seharian yang mana ia memberi kesan kepada peribadi dan personaliti seseorang yang akhirnya akan menjejaskan kedudukan dan hubungan mesra antara individu dalam persekitaran sosial, kerjaya atau organisasi mereka. Banyak kajian membuktikan bahawa kejayaan seseorang adalah berkait rapat dengan unsur-unsur yang terdapat dalam KE seperti bermotivasi, berkeyakinan, dapat menumpukan perhatian, kecemerlangan, mempunyai pendorong yang kuat untuk belajar dan bekerja secara berkumpulan serta kemahiran dalam berkomunikasi dan sebagainya lagi. Penilaian seseorang individu bukan sahaja diasaskan kepada Kebijaksanaan Intelektual (KI), tetapi yang lebih penting ialah KE yang dimiliki. Seterusnya KE yang baik akan membantu dalam memotivasikan diri, memantapkan ketahanan dalam menghadapi segala bentuk kegagalan, dapat mengendalikan emosi, dapat mengatur keadaan jiwa serta berkeupayaan melahirkan sifat kepimpinan yang terpuji dan matang. KE memang mempunyai korelasi yang kuat dengan peningkatan personaliti, kepuasan dalam kehidupan dan pencapaian yang cemerlang dalam akademik, kerjaya dan sosial mereka. Oleh itu kertas kerja ini akan cuba membincangkan dengan jelas bagaimana peranan KE dapat digarapkan serta digunapakai dalam membentuk dan melahirkan sifat yang terpuji dan cemerlang dalam kalangan warga belia di Malaysia selaras dengan konsep dan proses tarbiyah dalam diri berlandaskan kepada Model KE Campuran Goleman, serta beberapa cadangan panduan ke arah pembentukan sifat terpuji dan cemerlang peribadi warga belia tersebut.

Kata Kunci : Emosi, Kecerdasan Emosi, Belia, Kecerdasan Intelektual, Tarbiyah

ABSTRACT

The importance of emotional intelligence (KE) is undeniable in determining one's achievement to succeed in all aspects of life, especially among youth. Plato once said that “emotions are only human.” When emotions are human, they are constantly changing by the “mood” of everyday life which affects one's personality and personality which in turn affects the position and relationships of individuals in their social, career or organizational environment. Many studies have shown that a person's success is closely related to the elements of KE such as being motivated, confident, able to concentrate, excel, have a strong motivation for learning and working in groups and communication skills and so on. An individual's valuation is not only based on Intellectual Property (KI), but more importantly, KE's. Furthermore, good KE will help to motivate, strengthen resilience in the face of all kinds of failures, control emotions, regulate the state of the soul and have the ability to produce praised and mature leadership qualities. KE does indeed have a strong correlation with personality enhancement, life satisfaction and outstanding achievement in their academic, career, and social lives. Therefore, this paper will try to clearly discuss how the role of KE can be applied and used in shaping and producing praiseworthy traits among Malaysian youth in accordance with

the concept and process of self-determination based on the Goleman Mixed Model, and some suggestions guidance on the development of the admirable and personal qualities of the youth.

Keywords: *Emotion, Emotional Intelligence, Youth, Intellectual Intelligence, Terrorism*

PENGENALAN

Selama ini kecerdasan emosi (KE) dipandang rendah dan sepi oleh para pengkaji. Pengkaji-pengkaji malah termasuk juga ibu bapa hanya memandang bahawa kecerdasan intelektual (KI) sebagai satu aspek yang sangat penting dan diagung-agungkan. Oleh itu mereka berusaha untuk meningkatkan keupayaan KI anak-anak mereka dengan pelbagai cara. Malah ada dalam kalangan ibu bapa menghantar anak-anak mereka dalam pelbagai kursus motivasi bagi meningkatkan KI anak-anak mereka sehinggakan aspek KE dan kecerdasan spritual (KS) dipinggirkan. Bukan itu sahaja dari segi perubatan moden dan Islam banyak ubat-ubatan, vitamin dan makanan-makanan tambahan yang muncul bagai cendawan tumbuh selepas hujan dan dipromosi secara besar-besaran bagi tujuan meningkatkan KI seseorang individu. Hinggakan peperiksaan awam menjadi keutamaan kepada ibubapa yang mengharapkan anak-anak mereka mendapat keputusan yang cemerlang. Malahan jumlah A yang dikumpul oleh anak-anak mereka sangat diutamakan. Kesannya anak-anak mengalami tekanan yang melampau disebabkan tindakan ibubapa mereka ini.

Kajian mengenai KI manusia, terlalu banyak dilakukan oleh para pengkaji. Namun begitu sejak istilah KE digunakan pada sekitar tahun 1990an oleh Peter Salovey dan John Mayer maka KE ini telah mula mendapat perhatian serius (Salovey & Mayer, 1990). Ini kerana menurut mereka KE dapat digunakan bagi menjelaskan kualiti-kualiti diri dan ciri-ciri kepimpinan, khususnya yang terdapat pada emosi supaya seseorang dapat mencapai kejayaan terutama dalam hidup bermasyarakat dan berorganisasi. Ini selaras dengan maksud konsep tarbiyah dalam Islam seperti yang dibincangkan dalam buku Wasail al-Tarbiyah 'Inda al-Ikhwan al-Muslimin yang ditulis oleh 'Ali' Abdul al-Halim Mahmud (1989) mantan Syeikh Unversiti Al Azhar. Menurut beliau tarbiyah merupakan "cara ideal dalam berinteraksi dengan fitrah manusia, baik secara langsung melalui kata-kata maupun secara tidak langsung dalam bentuk keteladanan, sesuai dengan sistem dan peringkat khusus yang diyakini, untuk memproses perubahan dalam diri manusia menuju kondisi yang lebih baik".

Di sini jelas bahawa tarbiyah islamiyah adalah proses penyiapan manusia yang soleh, yakni agar tercipta suatu keseimbangan dalam potensi, tujuan, ucapan dan tindakannya secara keseluruhan. Jadi kesimpulannya keseimbangan manusia boleh dibentuk secara peringkat demi peringkat dengan pelbagai cara kerana ianya tidak lahir bersama genetik. Semua proses ini akan membawa kepada pembinaan dan perkembangan KE yang lebih baik, tinggi dan sempurna jika dapat dirancang dengan teratur dan lancar dari mula pertumbuhan dan perkembang manusia.

PERNYATAAN MASALAH

Ramai belia khusus para pelajar sama ada pelajar sekolah mahupun mahasiswa/i universiti beranggapan kegiatan kokurikulum tidak penting dan banyak membuang masa kerana ianya tidak mendapat tempat dan dinilai sebagaimana kegiatan yang melibatkan akademik. Dewasa ini pelajar terlalu mementingkan peperiksaan hinggakan kegiatan kokurikulum yang juga sebahagian daripada pembelajaran tidak mendapat perhatian. Penglibatan pelajar dalam

aktiviti kokurikulum terutamanya di sekolah dan universiti-universiti tempatan tidak lagi berdasarkan kepada semangat kerelaan atau kesukarelaan. Kebanyakan pelajar melibatkan diri hanya untuk mendapatkan sesuatu imbuhan sama ada untuk menetap di kolej atau untuk mendapat anugerah-anugerah yang diperkenalkan oleh sekolah dan universiti atau kolej masing-masing atau peringkat kebangsaan. Bahkan ada juga sekolah, kolej dan universiti yang secara mandatori terpaksa menetapkan kewajipan pelajar terlibat dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum bagi mendedahkan pelajar-pelajar mereka memperolehi *soft skill* (kemahiran insaniah) yang bersesuaian dengan keperluan pekerjaan selepas pelajar-pelajarnya menamatkan pengajian.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (2005) mendapati dari 12 kriteria yang disenaraikan oleh 115 majikan dalam satu tinjauan pengangguran yang dijalankan, salah satu dari tiga kriteria teratas yang disenaraikan oleh pihak majikan ialah kemahiran komunikasi yang baik manakala pencapaian akademik pula berada di kedudukan yang ke lapan (Marlina, 2005).

Adham Baba (Berita Harian, 2004) yang menyatakan bahawa sektor awam dan swasta kini memerlukan siswazah yang memiliki kemampuan berkomunikasi, menguasai banyak bahasa, berfikiran kritis, mampu bekerja di dalam pasukan serta memiliki sifat-sifat kepimpinan yang mana semua ini hanya boleh diperolehi melalui penglibatan dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum dan semua ini berkait rapat secara langsung dalam dimensi-dimensi KE.

TINJAUAN LITERATUR

a. Kecerdasan Emosi

Secara ringkasnya emosi yang dialami oleh seseorang akan memberi kesan dan mempengaruhi keseluruhan hidup seseorang sama ada dari segi psikologikal ataupun dari segi kehidupan bersosial. Oleh itu, emosi merupakan proses yang mengarahkan atau mengerakkan tingkah laku yang berpunca dari perasaan dalaman.

Kecerdasan pula merupakan keupayaan mental manusia dalam mencapai apa yang diingini. Menurut Chaplin (1981) kecerdasan boleh dirumuskan kepada tiga aspek yang mana ia mempunyai persamaan dari segi makna iaitu :-

- a. Keupayaan menghadapi dan penyesuaian diri terhadap situasi baru secara cepat dan efektif.
- b. Keupayaan penggunaan konsep abstrak secara efektif yang meliputi tiga unsur seperti memahami, memberi pendapat dan mengkritik.
- c. Keupayaan memahami pertalian-pertalian dan proses pembelajaran dengan cepat dan pantas.

Emosi pula berasal dari perkataan latin iaitu *motere* yang bermaksud bergerak, yang mana setiap emosi ini berkeupayaan boleh nampak dan berlaku yang melibatkan perasaan kegembiraan, kegusaran, kasih sayang, benci, takut, cemburu, keseronokan ataupun berlakunya gangguan pada perasaan dan sebagainya (Goleman, 1995). Ia merupakan suatu perasaan yang kuat dari segi dalaman manusia. Ia melibatkan dari aspek naluri seperti kasih sayang ataupun perasaan takut.

Oleh itu secara keseluruhan KE lebih memaparkan kepada keupayaan yang ditunjukkan dan dimiliki oleh seseorang individu dalam menghadapi sesuatu situasi.

Berdasarkan pernyataan ini dapatlah dirumuskan bahawa setiap manusia mempunyai keupayaan yang berbeza-beza dalam mengendalikan dan menguruskan emosi masing-masing. Kemampuan dan keupayaan inilah akan menentukan tahap kematangan intelektual, kesejahteraan emosi dan perkembangan diri seseorang individu. Oleh itu individu yang berkemampuan atau berkeupayaan dalam menggunakan dimensi perasaan yang ada pada dirinya dan perihatin terhadap diri orang lain merupakan individu yang dikatakan memiliki kualiti yang tinggi dalam KE.

b. Kecerdasan Emosi Dan KoKurikulum

Menurut Falsafah Pendidikan Negara (FPN), dalam usaha melahirkan pelajar-pelajar yang seimbang dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS), kokurikulum dapat menyumbang untuk melahirkan pelajar dan warga belia yang seimbang dari semua segi tersebut. Dalam konteks inilah peranan kokurikulum sebagai pelengkap kepada kurikulum dalam memainkan peranannya yang mana ianya boleh diperolehi di luar kelas, bilik kuliah atau penglibatan dalam organisasi-organisasi belia. Menerusi kurikulum semata-mata adalah sukar untuk sesebuah institusi pendidikan atau negara dalam melahirkan individu yang seimbang terutama para belia secara sempurna. KI boleh dikembangkan menerusi kurikulum tetapi KE agak sukar dikembangkan menerusi kurikulum. KE lebih mudah dikembangkan dan ditingkatkan hanya menerusi aktiviti-aktiviti kokurikulum dan badan-badan belia.

KI penting dalam menentukan kejayaan seseorang pelajar dalam alam pembelajaran, tetapi KE lebih penting dalam menentukan kejayaan seseorang selepas alam persekolahan atau universiti iaitu dalam alam pekerjaan dan kehidupan sebenar. Ini sesuai dengan kenyataan Goleman, bahawa 80 peratus kejayaan seseorang dalam hidup, bermasyarakat atau berorganisasi adalah berkait dengan KE, manakala 20 peratus hanya melibatkan KI.

Dari segi kepimpinan dan perkembangan sosial jelas menunjukkan penglibatan dalam semua kegiatan kokurikulum dapat menyumbangkan kepada pembentukan diri sebagai pemimpin dan manusia sosial yang berwibawa dan berkesan. Proses kepimpinan terbentuk apabila seorang ketua mampu untuk mengemudi kumpulan atau orang yang dipimpin dengan baik (Gary, 2001). Dalam konteks kokurikulum, kemahiran kepimpinan merupakan aspek yang diterapkan apabila melibatkan aktiviti gerak kerja luar yang memerlukan seorang pemimpin dalam kalangan pelajar atau belia untuk menjadi ketua bagi menjamin aktiviti yang dijalankan berlangsung dengan lancar dan jayanya. Pendapat ini disokong oleh Helen (2001) yang menyatakan bahawa melalui penglibatan dalam aktiviti kokurikulum, seseorang individu mampu untuk memimpin kerana telah berorganisasi dan mempunyai matlamat tertentu untuk dicapai.

Jelas bahawa aktiviti kokurikulum dapat memberikan latihan awal dari segi kepimpinan organisasi, sahsiah diri dan hubungan kemasyarakatan dalam kalangan pelajar atau kalangan warga belia. Kepimpinan dapat dilatih melalui pelbagai aktiviti seperti pakaian seragam, persatuan, kelab, kebudayaan, keagamaan dan sukan. Ini menunjukkan bahawa penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum akan dapat meningkatkan dan memantapkan KE seseorang pelajar atau para belia.

Semua yang dibincangkan ini jelas berkaitan dengan dimensi-dimensi yang terdapat dalam KE yang dapat melahirkan modal insan yang seimbang, matang, berketerampilan, mudah bersosial, boleh mengawal emosi dan hebat dari segi kepimpinan. Ini menunjukkan bahawa KE boleh ditingkatkan dari semasa ke semasa melalui tarbiyah dan galakkan penglibatan dalam semua aktiviti kokurikulum kepada para pelajar atau mahasiswa/i

universiti dan kolej serta para belia di Malaysia.

MODEL CAMPURAN GOLEMAN

Goleman (1998) menyatakan KE merupakan aspek yang penting dalam meramal dan menentukan kebahagiaan dan kejayaan seseorang individu baik di rumah, tempat kerja dan sebagainya lagi. Malahan menurutnya lagi, 80 peratus kejayaan seseorang dibantu dan disumbangkan oleh KE. Sebaliknya KI hanya menyumbangkan 20 peratus sahaja atau mungkin kurang dari itu. Bagi beliau KE merupakan keupayaan seseorang dalam mengenali perasaan diri sendiri, orang lain, dapat memotivasi diri sendiri dan dapat juga mengelola emosi sendiri dengan baik dalam berinteraksi dengan orang lain di persekitarannya.

Model KE campuran yang diperkenalkan oleh Goleman ini dipilih pengkaji kerana ia bersesuaian dalam semua aspek kajian dan perbincangan penulis. Ia bukan sahaja sesuai kepada para belia, mahasiswa/i, pemimpin, semua golongan pekerja baik golongan berpangkat tinggi mahupun yang berpangkat rendah, malahan boleh dan sesuai diaplikasikan kepada semua jenis kerjaya dan kumpulan sasaran. Boyatzis, Goleman dan Hay/McBer (1999) berpendapat, model KE campuran Goleman ini boleh diaplikasikan kepada semua jenis kerjaya, manusia serta latar kehidupan. Disebabkan oleh kesesuaian inilah maka pengkaji beranggapan bahawa model ini boleh diaplikasikan kepada warga belia, mahasiswa/i universiti dan kolej atau dalam segala bidang yang mereka terlibat.

Model KE campuran Goleman ini mempunyai beberapa gugusan komponen yang mana ia memberi tumpuan kepada bakat dan kebolehan khusus manusia yang mana ini boleh meramal dan menentukan kejayaan seseorang. Melalui model KE Goleman ini, beliau seterusnya telah menghasilkan dua model utama iaitu model asal dan model yang telah diperbaharui. Namun kedua-dua model ini tidak banyak perbezaannya. Pada peringkat asal, modelnya telah dipecahkan kepada lima komponen dan apabila dirangka semula dan diperbaharui ia telah dikurangkan menjadi empat komponen sahaja. Namun begitu kedua-duanya tidak menampakkan perbezaan yang jelas. Selain itu model yang diperkenalkan oleh Goleman ini juga ada persamaan dengan model-model lain seperti yang dikemukakan oleh Salovey dan Mayer serta Bar-On, yang mana Goleman telah melakukan beberapa penyesuaian dengan tujuan bagi memudahkan pemahaman dan kesesuaian.

Jadual 1 : Model Kecerdasan Emosi Campuran Goleman (Asal)

Pembahagian Lima Dimensi Kecerdasan Goleman	
1. Mengenali Emosi • Kesedaran emosi • Ketepatan penilaian diri • Keyakinan 2. Mengelola Emosi • Kawalan diri • Amanah • Berhemah • Penyesuaian • Inovasi 3. Memotivasi Diri • Orientasi pencapaian • Komitmen • Inisiatif • Optimis	4. Mengenali Emosi Orang Lain • Empati • Kesedaran organisasi • Orientasi perkhidmatan • Membantu orang lain • Mencari kelainan 5. Membina Hubungan Dengan Orang Lain • Kepimpinan • Komunikasi • Pengaruh • Pemangkin perubahan • Pengurusan konflik • Menjalin ikatan • Bekerjasama • Kemampuan berkumpul

Sumber: Goleman, (1998)

Jadual 2 : Model Kecerdasan Emosi Campuran Goleman (Baru)

Pembahagian Empat Dimensi Kecerdasan Goleman	
1. Mengenali Emosi Diri	• Kesedaran emosi dan apa yang signifikan (berkaitan) • Mempunyai pengetahuan yang realistik mengenai kekuatan dan kelemahan • Mempunyai keyakinan diri
2. Pengurusan Diri	• Kawalan emosi • Amanah dan berhemah • Fleksibel dan dedikasi
3. Kecekapan Sosial	• Empati • Peka dan sensitif terhadap dinamik kumpulan dan antara kumpulan • Fokus terhadap keperluan
4. Kemahiran sosial	• Membantu orang lain • Kepimpinan yang berkesan • Perubahan kemahiran pengurusan • Keupayaan menyelesaikan perbualan dan perbalahan • Kemahiran mempengaruhi • Kemahiran komunikasi interpersonal • Keupayaan menyuburkan dan membina perhubungan yang baik • Kemahiran bekerjasama dan berkumpulan

Sumber: Goleman, (1998)

Dalam model KE Goleman (Asal) beliau membincangkan lima dimensi utama yang mana dalam tiga dimensi yang pertama membincangkan mengenai diri individu itu sendiri. Manakala dalam dua dimensi seterusnya beliau membincangkan mengenai aspek luaran individu iaitu yang berkaitan dengan aspek perhubungan sosial.

Dalam dimensi pertama beliau membincangkan mengenai keperluan seseorang individu perlu mengenali emosinya sendiri. Ini penting yang mana ia boleh membantu seseorang dalam usaha membuat persediaan bagi menghadapi sebarang keadaan dan kesulitan.

Bila seseorang telah dapat mengenai emosinya sendiri ia akan membantu seseorang dalam pengurusan diri mereka sendiri dengan baik dan berkesan. Bagi Goleman seseorang yang mempunyai KE yang tinggi akan dapat mengurus diri dengan berkesan. Ini kerana mereka boleh mengawal emosi mereka agar dapat disalurkan pada masa dan tempat yang sesuai.

Dimensi yang ketiga yang melibatkan dalam diri individu itu sendiri ialah kebolehan dalam memotivasi diri sendiri atau mendorong diri sendiri untuk melakukan sesuatu. Goleman dalam dimensi ini telah memasukkan beberapa unsur lain yang berkaitan iaitu orientasi pencapaian, komitmen, inisiatif dan optimis.

Dimensi keempat ialah berkaitan dengan kemahiran bersosial yang dimiliki oleh

seseorang yang mempunyai KE yang tinggi. Kebolehan mengenali emosi orang lain dapat membantu dalam membina perhubungan yang positif dan berkesan. Pool (1977) menyatakan, seseorang yang mempunyai KE yang tinggi dan menjalinkan hubungan sosial dengan baik akan memperoleh perhubungan sosial yang penuh dengan keseronokan, kepuasan dan kegembiraan.

Dimensi yang terakhir iaitu kelima yang dibincangkan ialah keupayaan membina hubungan sosial dengan orang lain. Keupayaan ini perlulah melibatkan beberapa aspek utama seperti kepimpinan, komunikasi, keupayaan mempengaruhi, dapat mengurus dan menyelesaikan konflik, bekerjasama dan berkemampuan dalam kerja berkumpulan. Dalam membina perhubungan sosial yang baik dan berkesan seseorang perlulah berkemampuan dalam membaca segala yang lisan dan bukan lisan yang ditunjukkan oleh orang lain (Pool, 1997).

Bagi edisi model KE campuran Goleman yang baru, beliau telah mengurangkan dimensinya menjadi hanya empat dimensi sahaja. Empat dimensi tersebut ialah dua melibatkan dimensi dalam diri individu itu sendiri iaitu yang melibatkan emosi dan dua lagi berkaitan dengan kemahiran bersosial.

Dalam dimensi pertama beliau masih lagi membincangkan mengenai keperluan mengenali emosi sendiri. Dalam dimensi ini beliau membahagikan dimensi ini kepada tiga sub dimensi yang berkaitan iaitu pertama ialah kesedaran emosi dan apa yang signifikan, kedua ialah mempunyai pengetahuan yang realistik mengenai kekuatan dan kelemahan diri dan yang ketiga ialah keperluan mempunyai keyakinan diri. Dimensi yang kedua ialah berkaitan dengan pengurusan diri sendiri dan dibahagikan juga kepada tiga sub dimensi iaitu pertama ialah berkaitan dalam kawalan emosi, kedua ialah amanah dan berhemah, dan akhirnya iaitu ketiga berkaitan dengan aspek fleksibel dan dedikasi.

Bagi dimensi yang melibatkan hubungan sosial pula, Goleman telah memasukkan dimensi kecekapan sosial dalam dimensi yang ketiga. Sub dimensi bagi kecekapan sosial ini telah dibahagikan kepada tiga sub iaitu (i) empati, (ii) peka dan sensitif terhadap dinamik kumpulan dan antara kumpulan dan (iii) fokus terhadap keperluan kumpulan dan orang lain. Manakala bagi dimensi yang keempat dan terakhir dalam hubungan sosial ini Goleman telah memasukkan unsur kemahiran bersosial yang mana terdapat lapan sub dimensi dalam bahagian ini iaitu (i) membantu orang lain, (ii) kepimpinan yang berkesan, (iii) perubahan kemahiran pengurusan, (iv) keupayaan menyelesaikan perbincangan dan perbalahan, (v) kemahiran mempengaruhi, (vi) keupayaan menyuburkan dan membina perhubungan yang baik, dan akhir sekali (vii) kemahiran bekerjasama dan berkumpul.


Hasil dari sentuhan kedua-dua model Campuran Goleman ini telah memberi inspirasi dan gambaran yang jelas bagi penulis membina satu model baru yang dapat digunapakai dan disesuaikan dengan persekitaran sosial dan budaya mahasiswa/i kolej, universiti dan warga belia tempatan keseluruhannya di negara kita.

MODEL PKE5D

Goleman (1998) menyatakan KE merupakan aspek yang penting dalam meramal dan menentukan kebahagiaan dan kejayaan seseorang individu baik di rumah, dalam berorganisasi, di tempat kerja dan sebagainya. Bagi beliau KE merupakan keupayaan seseorang dalam mengenali perasaan diri sendiri, orang lain, dapat memotivasi diri sendiri dan dapat juga mengelola emosi sendiri dengan baik dalam berinteraksi dengan orang lain

di persekitarannya. Berdasarkan dimensi-dimensi dan pernyataan Goleman, penulis telah membentuk satu model khusus yang bersesuaian dalam usaha membina dan meningkatkan tahap KE dalam kalangan para belia, mahasiswa-mahasiswi kolej dan universiti di Malaysia.

MODEL PKE5D : PENINGKATAN (KE) DALAM KALANGAN BELIA MALAYSIA BERDASARKAN MODEL CAMPURAN GOLEMAN



PANDUAN DAN STRATEGI

Berikut di bawah ini dicadangkan beberapa langkah dan panduan bagi melahirkan warga belia, pelajar, dan mahaiswa/i memiliki tahap KE yang sempurna dan tinggi. Antaranya ialah ;

A. Belia Sekolah, Kolej dan Universiti

1. Mengadakan aktiviti yang merangkumi semua elemen dalam KE.
2. Setiap semester pelajar wajib terlibat minima sekurang-kurangnya satu aktiviti berpersatuan, sukan dan lain-lain.
3. Pelajar wajib sekurang-kurangnya memegang satu jawatan sepanjang berada di sekolah, kolej atau universiti.
4. Hanya pelajar memenuhi kriteria tertentu sahaja dibenarkan tinggal di kolej atau asrama.
5. Sijil tidak laku sekiranya tidak terlibat dalam aktiviti atau program-program yang diadakan.
6. Tidak boleh digraduatkan sekiranya tidak memenuhi kriteria kokurikulum yang ditetapkan oleh pihak universiti.
7. Mengadakan sistem yang sesuai bagi pelajar melihat kecukupan atau memantau sendiri penglibatan mereka dalam setiap aktiviti yang ditetapkan.
8. Penglibatan dalam aktiviti perlulah dicatatkan dalam slip keputusan peperiksaan setiap semester.
9. Dicatat nilai kredit penglibatan kokurikulum dalam skor ataupun ijazah yang mereka perolehi.
10. Menetapkan jumlah jam yang sepatutnya dipenuhi dalam aktiviti kokurikulum sepanjang mereka di alam persekolah atau kolej/universiti.

11. Insentif kepada mereka yang mencapai tahap dalam kokurikulum yang telah ditetapkan.

B. Belia Awam (Bekerja/Bekerja Sendiri)

1. Penglibatan dalam aktiviti-aktiviti kesukanan.
1. Penglibatan dalam aktiviti-aktiviti kepimpinan.
2. Penglibatan dalam aktiviti-aktiviti kerohanian.
3. Penglibatan dalam aktiviti-aktiviti keusahawanan.
4. Penglibatan dalam persatuan pakaian seragam.
5. Penglibatan dalam organisasi-organisasi belia.
6. Anugerah atau pengiktirafan kepada belia-belie yang berjaya sama ada peringkat kawasan, daerah atau kebangsaan.

PERBINCANGAN

Berdasarkan model PKE5D yang diubahsuai melalui model Goleman, jelas kepada kita bahawa peranan bagi meningkatkan tahap KE para belia sama ada belia pelajar atau belia awam (Bekerja/Bekerja Sendiri) adalah terletak di tangan semua pihak dari pihak diri individu itu sendiri mahupun pihak berkuasa kolej/universiti atau kerajaan Malaysia. Penekanan dan pendedahan kepada aktiviti kokurikulum perlulah diperjelaskan kepentingannya dalam membentuk perkembangan *soft skill*, kepimpinan serta perkembangan KE mereka. Jumlah kredit yang besar dan keistimewaan khas perlulah diberikan kepada mereka yang melibatkan diri dalam segala gerakkerja kokurikulum. Ini sangat penting bagi mewajibkan semua pelajar dan belia baik lelaki dan perempuan melibatkan diri. Walaupun ia boleh berlaku secara sukarela atau paksaan dan mandatori namun ia sudah pasti akan memberi manfaat yang besar secara langsung dan tidak langsung kepada para pelajar terutama selepas mereka bergraduat kelak dan kepada para belia keseluruhannya.

Memandangkan tahap perkembangan KE tidak dipengaruhi oleh faktor genetik (Goleman, 1995) atau diwarisi (Syed Sofian *et. al.*, 2012), maka KE boleh dipertingkatkan dengan terancang. Pihak universiti dan kerajaan melalui Kementerian Belia dan Kementerian Pendidikan perlulah memaksa semua pelajar sama ada yang tinggal di kolej atau luar kampus dan para belia negara terlibat dalam aktiviti kokurikulum dan persatuan-persatuan yang ada.

Aktiviti kokurikulum dapat memberikan latihan awal dari segi kepimpinan, sahsiah dan kemasyarakatan dalam kalangan pelajar dan para belia. Kepimpinan dapat dilatih melalui semua aktiviti yang terdapat di universiti atau kolej seperti pakaian seragam, persatuan, kelab dan sukan. Ini jelas menunjukkan semua yang berkaitan dengan kepimpinan wujud hasil dari perkembangan KE yang terhasil melalui penglibatan pelajar dan para belia dalam segala aktiviti kokurikulum di kolej atau universiti serta di luar organisasi berkenaan.

Kebanyakan kajian yang dilakukan jelas menunjukkan apabila KE tinggi, seseorang itu akan lebih melibatkan diri dan berjaya dalam segala bidang yang dibeberai. Ini selaras dengan pendapat Goleman (1995) bahawa 80 peratus kejayaan seseorang individu ditentukan oleh KE berbanding dengan KI yang menyumbangkan hanya 20 peratus sahaja. Namun begitu semua ini bergantung dan terletak secara langsung kepada kesungguhan dan kesanggupan seseorang dalam penglibatan yang sepenuhnya terhadap apa sahaja bidang yang mereka ceburi sama ada dalam berpersatuan atau dalam kerjaya yang telah mereka pilih.

Selain itu, Goleman (1998) dalam kerangka teoritikalnya juga jelas berpendapat bahawa kecemerlangan seseorang di persekitaran organisasinya bergantung kepada kebolehannya menggunakan segala aspek kecekapan emosi yang terdapat dalam KEnya. Ini

menunjukkan kecekapan emosi meliputi pengurusan dan motivasi diri yang sangat berkuasa dalam mengarah pernyataan dalaman atau gerak hati seseorang individu ke arah mencapai sesuatu matlamat.

Bagi mencapai tujuan murni ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, berbagai langkah boleh diikuti seperti yang telah dicadangkan didalam penulisan ini dan salah satu yang terbaik ialah melalui pendekatan tarbiyah Islamiyah dengan cara berinteraksi dengan fitrah manusia, baik secara langsung melalui kata-kata dan pujukan, maupun secara tidak langsung dalam bentuk paparan keteladanan, sesuai dengan sistem dan peringkat khusus yang diyakini, untuk memproses perubahan dalam diri manusia menuju kondisi yang lebih baik (Abdul Halim Mahmud, 1989). Di sini jelas bahawa tarbiyah islamiyah adalah proses penyiapan manusia yang soleh, yakni agar tercipta suatu keseimbangan dalam potensi, tujuan, ucapan dan tindakannya secara keseluruhan. Kaedah ini memberi kesan dalam penggalakan para belia keseluruhannya terlibat dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum seperti yang dirancang.

Oleh itu dapatlah dirumuskan bahawa KE amat berperanan dalam membentuk pembangunan kepimpinan dan semua hal ehwal kehidupan manusia sama ada warga mahasiswa/i atau warga belia di Malaysia. Ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Deborah (2002) yang juga menyatakan bahawa ciri-ciri kepimpinan dan sosial dapat diterapkan melalui aktiviti-aktiviti luar dari kelas atau dewan kuliah. Semua yang dibincangkan ini baik secara langsung dan tidak langsung adalah berkaitan dengan dimensi-dimensi KE seperti yang terdapat dalam model baru PKE5D yang dibentuk dan dipaparkan oleh pengkaji.

RUMUSAN

Secara keseluruhan, dapatlah dirumuskan bahawa KE amat berperanan dalam membentuk pembangunan dalam semua aspek kehidupan manusia yang mana ini dapat dicapai melalui peranan individu itu sendiri dalam keupayaannya mengetahui emosinya, dapat mengelola emosi sendiri, dan berkeupayaan memotivasi diri sendiri. Selain itu, individu yang mempunyai KE yang tinggi juga dapat mengenali emosi orang lain di persekitarannya, terutama di persekitaran tempat berorganisasi dan juga dapat membina hubungan yang baik dan selesa dengan orang lain di persekitaran organisasi dan kemasyarakatan mereka. Oleh itu ini akan dapat melahirkan situasi dalam perhubungan sosial dan dapat mewujudkan proses komunikasi yang harmoni pada semua peringkat dan akhirnya akan membawa kepada peningkatan produktiviti diri, organisasi serta merasai nikmat kepuasan dalam apa sahaja yang mereka lakukan (Syed Sofian *et. al.*, 2012).

RUJUKAN

‘Ali’, A.H.M, (1989). Wasail al-Tarbiyah ‘Inda al-Ikhwan al-Muslimin. Mansourah, Mesir: Dar al-Wafa’ Li al-Tiba’ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi’.

Berita Harian. (2004). Misi UTHM lahirkan Mahasiswa Seimbang. 4 April 2004.

Boyatzis, R.E., Goleman, D., & Hay/McBer. (1999). *Emotional competence Inventory*. Boston: Hay/McBer Group.

Chaplin, J.P. (1981). *Dictionary of Psychology*. New York: Dell Publishing Company.

Deborah, H. (2002). *Guiding Corporate Behaviour : A Leadership Obligation, Not a Choice*.

Vol 1. 15-19.

- Gary, Y. (2001). *Leadership In Organizations*. <http://www.ncsl.org.uk/media-F7B-97-randdleaders-business-yukl.pdf>. Dicapai pada 15 September 2008.
- Goleman, D. (1995). *Emotional intelligence: Why it can matter more than IQ*. New York: Bantam Books.
- Goleman, D. (1998). *Working With Emotional Intelligence*. New York: Bantam Books.
- Helen, M. G. (2001). *Leaders and Leadership in Education*. London : Paul Chapman Publishing.
- Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN). (2005). *Pendaftaran Siswazah Menganggur dan Guna Tenaga di kalangan Siswazah*. <http://www.neac.gov.my>.
- Marlina, A. (2005). *Tahap Penguasaan Kemahiran Berfikir Kritis di Kalangan Pelajar Pendidikan Fizik di Universiti Teknologi Malaysia*. Tesis Sarjana: Universiti Teknologi Malaysia.
- Martinez, P. (1997). The relation of emotional intelligence with selected areas of personal functioning. *Imagination, Cognition and Personality* 17 (1): 3-13.
- Pool, C.R. (1977). Up with emotional health. *Educational Leadership* 55: 12-14.
- Salovey, P. & Mayer, J.D. (1990). Emotional Intelligence. *Imagination, Cognition and Personality* 9 : 185-211.
- Syed Sofian, S.S., Rohany, N., Mohammad, A.S.M.A., and Muhammad B.M. (2012). The role of emotional intelligence on job satisfaction among school teachers. *The Social Sciences*, 7(1). 125-129.

Profil Penulis:

Syed Sofian Syed Salim, PhD

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900

Tanjung Malim, Perak, Malaysia

sofian@fpm.upsi.edu.my

PERALIHAN DARI ALAM PERSEKOLAH KE ALAM PEKERJAAN – DARI PERSPEKTIF BELIA DAN MAJIKAN DI MALAYSIA

MOHD AMIRUL RAFIQ ABU RAHIM

ABSTRAK

Proses peralihan dari alam persekolahan ke pasaran buruh merupakan peringkat yang kritikal dalam kalangan belia yang akan memerlukan mereka mempunyai peranan dan komitmen dalam masyarakat. Sehubungan itu, kualiti dan keadaan kehidupan masa hadapan belia sangat bergantung kepada kejayaan mereka menempuhi proses peralihan ini. Disebalik tanggapan bahawa belia hari ini merupakan generasi terbaik dari segi pendidikan, mereka didapati masih menghadapi cabaran dalam proses peralihan dari alam persekolahan ke pasaran buruh. Menggunakan data kajian Peralihan dari alam Pendidikan ke alam Pekerjaan (SWTS) yang menemubual sebanyak 23,785 responden dalam kalangan belia dan majikan di Malaysia, artikel ini menganalisis kedudukan belia dalam pasaran buruh dan menilai sejauh manakah cabaran yang dihadapi belia dalam proses peralihan dari pendidikan ke alam pekerjaan. Analisis meliputi (i) aspirasi dan kehendak belia terhadap alam pekerjaan (ii) proses peralihan belia dari alam pendidikan ke alam pekerjaan (iii) status dan keadaan pekerjaan belia dalam pasaran buruh dan (iv) mengenalpasti kehendak majikan terhadap belia. Analisis juga mendapati wujud ketidakpadanan dari segi aspirasi dan pendidikan belia dan keperluan majikan dalam pasaran buruh. Selain menganalisis ciri-ciri dan keadaan belia dalam pasaran buruh dan mengenalpasti ketidakpadanan yang wujud antara permintaan dan penawaran, adalah diharapkan agar intervensi polisi kearah pasaran buruh yang lebih baik dapat dilaksanakan.

Kata Kunci: Kebolehan pasaran belia, Pengangguran belia, Peralihan, Pekerjaan, Pasaran buruh

ABSTRACT

The process of transitioning from education to the labour market is a critical juncture of transition among youth. Despite the notion that today's youth are highly educated, they still face challenges in the process of transitioning from education to work. Using the School-to-Work Transition of Young Malaysians (SWTS) survey data of 23,785 respondents among youth and employers in Malaysia, this article analyses youths' condition in the labor market and assesses the challenges faced by youth in the process of transitioning from education to employment. The analysis covers (i) youth aspirations towards life and work (ii) the process of transitioning from education to employment (iii) youth employment status and conditions in the labor market and (iv) identifying employers' expectations on youth. The analysis also found that there was a mismatch in terms of aspirations and youth education, as well as the demand of employers on youth in the labor market. In addition, despite of analysing the characteristics and challenges faced by youth in the labor market and identifying the mismatches that exist between demand and supply, it is hoped that better policy interventions towards the labor market can be implemented near future.

Keywords: Youth unemployment, SWTS, Transition, Jobs, Labor market

PENGENALAN

Hampir satu per empat populasi dunia (kira-kira 1.8 bilion) terdiri daripada belia berumur

15-29 tahun. Manakala sejumlah kira-kira 1.2 bilion belia didunia berumur 15-24 tahun dan 1 bilion daripadanya merupakan penduduk negara-negara membangun (United Nations, Department of Economic and Social Affairs, Population Division, 2019). Belia kerap dirujuk sebagai populasi membonjol (*bulge population*) untuk kebanyakan negara. Populasi belia yang tinggi ini merupakan dividen demografi yang menjadi cabaran dan juga peluang kepada pembangunan sesebuah negara (Rahim, 2019). Di Malaysia, belia berumur 15-29 tahun merangkumi satu pertiga daripada jumlah keseluruhan penduduk di Malaysia pada tahun 2018 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2018). Jumlah ini menggambarkan pentingnya peranan golongan belia dalam memacu ekonomi negara seiring dengan hasrat dan wawasan kerajaan bagi mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi. Menyedari kepentingan ini, belia seharusnya diurus dengan baik dari semua aspek, sama ada pendidikan, ekonomi, politik dan budaya (Siti Raba'ah Hamzah, 2019).

Penekanan terhadap kepentingan pembangunan modal insan bagi pembangunan sesebuah negara bukanlah satu perkara yang asing. Dalam konteks ini, peranan dan komitmen belia diberi perlu penekanan khusus kerana belia merupakan agen utama untuk perubahan sosial, pembangunan ekonomi dan inovasi (International Year of Youth 2010-2011, 2010). Dokumen Rancangan Malaysia ke Sebelas (RMKe-11) telah memberi penekanan khusus terhadap pembangunan modal insan bagi menuju status negara maju. *“Pembangunan modal insan merupakan faktor kritikal bagi menjana dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Ketersediaan tenaga kerja berkemahiran tinggi adalah penting untuk menyokong peralihan semua sector ekonomi ke arah aktiviti berintensifkan pengetahuan, menjana produktiviti buruh dan menarik pelaburan ke Malaysia. Pasaran buruh yang cekap dan inklusif akan memastikan pepadanan antara penawaran dengan permintaan tenaga kerja, dan membolehkan warga Malaysia menyertai serta menerima manfaat daripada pertumbuhan ekonomi negara. Pelaburan dalam bidang pendidikan juga memainkan peranan yang penting dalam menambah baik mobiliti sosial dan kesejahteraan rakyat”* (Unit Perancang Ekonomi, 2015). Tiga fokus utama dinyatakan dalam dokumen RMKe-11 melalui Bab 5 Pembangunan Modal Insan ialah (1) perluasan akses kepada pendidikan TVET berkualiti, (2) peningkatan kemahiran pekerja melalui pembelajaran sepanjang hayat dan (3) penambahbaikan akses kepada pendidikan yang berkualiti.

Namun, kebanyakan belia Malaysia, selepas meninggalkan sistem pendidikan, menghadapi cabaran yang serius memasuki pasaran buruh. Proses peralihan dari alam pendidikan ke alam pekerjaan selalunya sukar, memakan masa dan tidak berjaya (Institut Penyelidikan Khazanah, 2018). Ketidakpadanan antara penawaran dan permintaan terhadap golongan belia dalam pasaran buruh adalah fenomena yang serius. Fenomena ini bukan sahaja berlaku di Malaysia malah turut dihadapi negara-negara membangun yang lain. Kesannya, pengangguran dalam kalangan belia semakin meningkat (Modestine, 2010).

Isu kebolehpasaran dan pengangguran belia bukanlah satu perkara baharu di Malaysia. Statistik menunjukkan bahawa kadar pengangguran dalam kalangan belia berumur 25-29 telah meningkat melebihi kadar pengangguran keseluruhan sejak tahun 2013 (Institut Penyelidikan Khazanah, 2016). Analisis pengangguran belia berumur 15-24 tahun di Malaysia sejak tahun 2011 juga menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun, daripada 9.94 peratus pada 2011 kepada 10.92 peratus pada 2018. Ini menunjukkan isu pengangguran di Malaysia lebih tertumpu kepada belia, dengan nisbah pengangguran belia-dewasa (*youth-to-adult*)¹ berterusan melebihi 1.0 sejak 2011 (Sazali, 2019). Pengangguran dalam kalangan belia bukanlah satu isu yang boleh dipandang mudah, kerana kesannya akan

1 Nisbah pengangguran belia-dewasa dikira sebagai kadar pengangguran belia 15-24 tahun keatas kadar pengangguran dewasa berumur 24-64 tahun.

menyebabkan golongan belia terpaksa menerima bentuk pekerjaan yang tidak setara dengan tahap pendidikan mereka dan fenomena ini merupakan pembaziran sumber kewangan (dari segi pelaburan kepada pendidikan) dan sumber manusia. Selain itu, fenomena pengangguran belia juga menyebabkan belia terpaksa menghadapi aturan kerja yang tidak formal, keadaan kerja yang tidak selamat dan aturan kerja yang tidak menentu akibat terdesak menerima apa sahaja sumber mata pencarian yang ada. Di samping itu, belia juga turut terdedah kepada kadar kemiskinan yang lebih tinggi berbanding orang dewasa, jurang antara jantina yang berterusan dalam pasaran buruh dan peningkatan kadar belia tidak aktif mencari kerja akibat kekecewaan yang dialami (Institut Penyelidikan Khazanah, 2018).

Secara umumnya, artikel ini akan membincangkan persoalan adakah sesuatu yang mustahil bagi belia di Malaysia untuk mendapatkan pekerjaan yang baik, stabil dan memuaskan (*decent*) dalam landskap pasaran buruh yang menunjukkan peningkatan dalam pengangguran belia sejak tahun 2013 (Institut Penyelidikan Khazanah, 2016). Justeru, artikel ini akan membincangkan analisis kajian berdasarkan empat objektif utama, iaitu:

- i. mengenalpasti aspirasi dan kehendak belia terhadap alam pekerjaan;
- ii. menilai proses peralihan belia dari alam pendidikan ke alam pekerjaan;
- iii. mengkaji status dan keadaan pekerjaan belia; dan
- iv. mengenalpasti kehendak majikan terhadap belia.

Sebahagian analisis daripada artikel ini adalah berdasarkan data, analisis dan laporan kajian Peralihan dari Alam Pendidikan ke Alam Pekerjaan (*The School-to-Work Transition Survey of Young Malaysians -SWTS*) oleh Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) yang telah dilaksanakan pada tahun 2018.

Kajian Peralihan dari Alam Pendidikan ke Alam Pekerjaan (*The School-to-Work Transition Survey of Young Malaysians -SWTS*)

Instrumen SWTS telah digunakan oleh lebih 30 buah negara untuk mendapatkan maklumat pasaran buruh dalam kalangan belia. Ia telah dihasilkan pada asalnya oleh International Labour Organization (ILO) sebagai alat kajian untuk menekankan kepentingan pekerjaan yang baik (*decent employment*), produktif dan berkualiti yang dihadapi oleh golongan belia (International Labour Organization, 2019). Di Malaysia, kajian SWTS pertama kali dilaksanakan oleh KRI pada tahun 2017/2018 bagi mendapatkan maklumat pasaran buruh belia berumur 15 hingga 29 tahun. Pengumpulan data melibatkan seramai 23,785 responden dari 5 kategori, iaitu i. belia di peringkat menengah atas (tingkatan 5 dan 6 atas), ii. belia di institusi pengajian tinggi, iii. belia sedang mencari kerja, iv. belia sedang bekerja dan v. majikan. pengumpulan data merangkumi belia dan majikan di seluruh Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak.

KAEDAH KAJIAN

Sumber dan data kajian

Lima kategori responden SWTS adalah seperti berikut:

- i. **Belia di peringkat sekolah menengah (n=7,680)** – melibatkan belia yang sedang berada dalam tingkatan 5 dan tingkatan 6 atas pada tahun 2017;
- ii. **Belia di peringkat pendidikan tertiar (n=3,572)** – melibatkan belia yang sedang mengikuti pendidikan tertiar di institusi pendidikan tinggi awam dan swasta, termasuk institusi kemahiran di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia;
- iii. **Belia sedang mencari kerja (n=5,696)** – melibatkan belia yang pertama kali memasuki pasaran buruh selepas tamat pendidikan, telah bekerja sebelum ditemubual

- dan aktif mencari kerja atau sedang bekerja tetapi aktif mencari peluang kerja lain;
- iv. **Belia sedang bekerja (n=5,871)** – melibatkan belia yang sedang bekerja sama ada sebagai majikan, pekerja akaun sendiri atau pekerja keluarga tanpa upah; dan
 - v. **Majikan (n=1,620)** – melibatkan majikan yang menggaji pekerja dalam kalangan syarikat besar, sederhana, kecil dan mikro.

Sumber: Institut Penyelidikan Khazanah, 2018

Kaedah pengumpulan data adalah berbeza untuk ke lima-lima kategori responden, bergantung kepada ketersediaan rangka pensampelan. Pensampelan berstrata dua peringkat telah digunakan untuk belia di peringkat sekolah menengah, tertiar dan majikan manakala pensampelan kuota² dan mudah (*convenience*) digunakan untuk belia sedang mencari kerja dan sedang bekerja. Justeru, limitasi bagi dapatan untuk belia bekerja dan sedang mencari kerja adalah terhad menggambarkan sampel terpilih bagi kajian ini sahaja. Kaedah dan struktur pensampelan bagi SWTS telah dibantu oleh Bahagian Metodologi, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Di samping itu, KRI juga mendapat kerjasama daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk pensampelan belia di peringkat sekolah menengah. Pembangunan soal selidik telah menggunakan soal selidik SWTS oleh International Labour Organization (ILO) (International Labour Organization, n.d), disesuaikan dengan objektif kajian serta landskap pasaran buruh di Malaysia. Maklumat lanjut dan laporan penuh mengenai kajian SWTS Malaysia boleh diperolehi di laman web KRI, www.krinstitute.org.

ANALISIS & PERBINCANGAN

Profil belia dan majikan

Jadual 1 menunjukkan taburan profil responden kajian. Kajian ini melibatkan seramai 22,819 orang belia dari kategori (i) belia di peringkat sekolah menengah (ii), belia di peringkat pendidikan tertiar, (iii) belia sedang mencari kerja dan (iv) belia bekerja. Bagi belia di peringkat sekolah menengah, lebih separuh daripadanya terdiri belia bandar, dan tiga perempat dalam kalangan pelajar tingkatan 5. Hampir 60 peratus pelajar merupakan wanita manakala dari segi taburan etnik, majoritinya (74%) adalah Bumiputera.

Taburan belia di peringkat pendidikan tertiar pula menunjukkan bilangan lelaki hanya 40 peratus berbanding wanita 60 peratus. Mengikut taburan etnik, 73 peratus belia merupakan etnik Bumiputera, diikuti Cina 12 peratus dan India 4.0 peratus. Taburan belia sedang mencari kerja pula menunjukkan lebih satu pertiga merupakan pencari kerja untuk kali pertama. Sebanyak 36 peratus pula pernah bekerja dan selebihnya sedang bekerja tetapi mencari pekerja lain (26%) – menunjukkan tahap kepuasan yang rendah terhadap pekerjaan terkini memandangkan mereka mempunyai niat untuk mencari pekerjaan lain. Dari segi taburan umur pula, majoriti belia sedang mencari kerja (52.0%) berada dalam kumpulan umur 20-24 tahun.

Taburan belia sedang bekerja pula menunjukkan 64 peratus merupakan pekerja sepenuh masa dan hampir satu pertiga merupakan pekerja bukan standard³. Selebihnya, sebanyak 7 peratus bekerja sendiri. Tiga perempat belia bekerja adalah daripada kawasan

2 Pensampelan kuota ditentukan di peringkat strata (bandar dan luar bandar) jantina berdasarkan pecahan umur penduduk di setiap negeri di Malaysia melalui angka unjuran populasi penduduk oleh Jabatan Perangkaan Malaysia 2017.

3 Pekerja bukan standard terdiri daripada pekerja separuh masa, sepenuh masa sementara dan pekerja kasual/bergaji hari/*on-call*

bandar dan majoriti nya juga terdiri dalam kumpulan umur 20-29 tahun (87%). Taburan etnik juga menunjukkan ia hampir menyamai populasi penduduk belia di Malaysia iaitu Bumiputera sebanyak 88.0 peratus, diikuti Cina (7.3%) dan India (4.5%). Manakala dari segi taburan status perkahwinan menunjukkan majoritinya masih bujang (81.0%).

Responden majikan terdiri daripada syarikat bersaiz besar, sederhana, kecil dan mikro. Bagi mendapatkan maklumat mengenai sikap majikan terhadap pekerja muda dan peranan mereka dalam mempertingkatkan kebolehpasaran belia, kajian ini juga mendapatkan maklumbalas daripada majikan. Sebanyak 1,620 majikan terdiri daripada pertubuhan besar (1.1%), sederhana (1.6%), kecil (21.6%) dan mikro (75.6%). Memandangkan majoriti pertubuhan dan syarikat di Malaysia terdiri daripada syarikat kecil dan mikro, perwujudan pekerjaan harus memfokus kepada syarikat mikro, kecil dan sederhana. Maklumat oleh SME Corp menunjukkan bahawa pertubuhan mikro, kecil dan sederhana di Malaysia merangkumi 99 peratus pertubuhan di Malaysia pada 2016 dan mereka menggaji sejumlah 65 peratus pekerja (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017).

Jadual 1: Profil responden kajian

Pembolehubah	%	Pembolehubah	%
<i>Belia di peringkat sekolah menengah</i>		<i>Belia sedang bekerja</i>	
Strata		Status pekerjaan	
Bandar	56.5	Bekerja sepenuh masa	64.0
Luar Bandar	43.5	Pekerjaan bukan standard	29.0
Peringkat persekolahan		Bekerja sendiri	7.0
Tingkatan 5	77.5	Strata	
Tingkatan 6 atas	15.3	Bandar	77.5
Lain-lain	7.2	Luar Bandar	15.3
Jantina		Umur	
Lelaki	42.5	15 - 19	13.0
Perempuan	57.5	20 -24	45.4
Etnik		25 - 29	41.6
Bumiputera	83.0	Jantina	
Cina	12.8	Lelaki	39.8
India	4.0	Perempuan	60.2
Lain-lain	0.2	Etnik	
<i>Belia di peringkat pendidikan tertiar</i>		Bumiputera	87.9
Jantina		Cina	7.3
Lelaki	37.6	India	4.5
Perempuan	62.4	Lain-lain	0.2
Etnik		Status perkahwinan	
Bumiputera	73.4	Bujang	80.5
Cina	16.8	Berkahwin	18.7

India	9.5	Berceraai/berpisah	0.8
Lain-lain	0.3	<i>Majikan</i>	
<i>Belia sedang mencari kerja</i>		Saiz pertubuhan	
Status pekerjaan		Besar	1.1
Pertama kali mencari kerja	37.5	Sederhana	1.6
Bekerja sebelumnya tetapi sekarang tidak bekerja	36.4	Kecil	21.6
Bekerja tetapi sedang mencari kerja lain	26.1	Mikro	75.6
Umur		Jenis pertubuhan	
15 - 19	26.5	Pertubuhan tunggal	49.6
20 -24	52.0	Perniagaan keluarga	17.2
25 - 29	21.5	Syarikat sendirian berhad	26.2
Jantina		Syarikat senaraian awam	1.4
Lelaki	40.7	Pemilikan-luar/ multinasional	1.8
Perempuan	59.3	Sektor awam/agensi kerajaan	0.7
Strata		Lain-lain	3.1
Bandar	74.8		
Luar bandar	25.2		
Etnik			
Bumiputera	87.3		
Cina	7.6		
India	4.8		
Lain-lain	0.3		

Sumber: Institut Penyelidikan Khazanah, 2018

Latar belakang keluarga

Sekurang-kurangnya 80 peratus belia dari semua kategori menilai latar belakang keluarga mereka sebagai berpendapatan sederhana (Jadual 2). Belia dari latar belakang keluarga yang berpendapatan rendah cenderung untuk lemah dalam pendidikan dan akses kepada pekerjaan yang baik juga terhad disebabkan oleh kurangnya penyampaian maklumat dan pengetahuan. Di samping itu, wujud tekanan untuk mendapatkan pekerjaan memaksa belia tertekan melaksanakan pelbagai jenis pekerjaan untuk mendapatkan gaji akibat tekanan tersebut (Institut Penyelidikan Khazanah, 2018).

Jadual 2: Status ekonomi keluarga responden

Status	Kategori belia (%)			
	Menengah	Tertiari	Mencari kerja	Bekerja
Berpendapatan rendah	16.4	11.5	17.0	17.0
Berpendapatan sederhana	80.4	86.4	80.0	79.0
Berpendapatan tinggi	3.3	2.1	3.0	3.0

Sumber: Institut Penyelidikan Khazanah, 2018

Aspirasi belia terhadap kehidupan dan kerjaya

Matlamat hidup belia, pencapaian dan jangkaan terhadap pekerjaan membentuk jati diri dan pilihan mereka terhadap pendidikan dan pekerjaan. 'Berjaya dalam pekerjaan' merupakan matlamat paling penting dalam hidup belia, konsisten untuk kesemua kategori belia (Jadual 3). Berjaya dalam pekerjaan berkait rapat dengan matlamat kerjaya yang jelas dan prospek perkembangan kerjaya yang baik. Semakin meningkat umur, belia dilihat lebih mengutamakan keluarga dengan memberi lebih keutamaan kepada kehidupan berkeluarga yang baik.

Jadual 3: Matlamat Paling Penting Dalam Hidup Belia

Matlamat utama dalam hidup	Kategori belia (%)			
	Menengah	Tertiari	Mencari kerja	Bekerja
Berjaya dalam pekerjaan	33.3	35.9	26.1	25.6
Menyumbang kepada masyarakat	6.6	8.1	9.2	6.9
Menyertai politik	0.5	0.7	0.7	0.6
Memartabatkan kepercayaan agama	3.5	3.5	4.3	5.1
Menjadi kaya	5.6	6.2	7.8	6.7
Menjadi terkenal	0.4	0.6	0.6	0.9
Mempunyai kehidupan berkeluarga yang baik	25.2	20.4	17.3	18.9
Mempunyai masa lapang	1.6	0.9	1.7	0.9
Mempunyai pelbagai pengalaman	10.6	11.0	12.6	12.5
Bekerja/menatap di negara lain	1.3	1.1	3.9	4.3
Mempunyai matlamat kerjaya yang jelas	10.5	10.5	14.1	16.2
Lain-lain	1.0	0.9	1.8	1.3
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0

Sumber: Institut Penyelidikan Khazanah, 2018

Belia, terutamanya dalam lingkungan umur yang lebih muda mempunyai keutamaan yang jelas untuk bekerja berbanding mewujudkan pekerjaan mereka sendiri (seperti berniaga). Keutamaan belia adalah jelas untuk bekerja dengan sektor awam, terutamanya sebagai profesional di dalam bidang pendidikan, kesihatan dan kerja sosial. Hanya mereka yang telah bekerja menunjukkan keutamaan yang lebih ketara untuk memulakan perniagaan sendiri. Di samping itu hanya sekitar 3 hingga 6 peratus belia menyatakan sektor pembuatan sebagai sektor keutamaan walaupun data menunjukkan sektor pembuatan merupakan penyumbang terbesar kepada pekerjaan di Malaysia (Jadual 4).

Jadual 4: Bidang Pekerjaan Keutamaan Belia

Sektor	Kategori belia (%)			
	Menengah	Tertiari	Mencari kerja	Bekerja
Pendidikan	16.4	13.8	13.0	8.4
Kesihatan dan kerja sosial	12.6	10.5	6.3	5.5
Pentadbiran awam/perkhidmatan beruniform/perkhidmatan awam	11.7	8.3	17.9	9.0
Seni, hiburan dan rekreasi	8.2	7.4	3.8	3.2
Kewangan dan insuran	6.9	12.8	6.5	4.5
Berkaitan IT	6.4	8.8	5.9	4.3
Aktiviti penginapan dan perkhidmatan makanan dan minuman	5.1	3.3	5.0	10.7
Perniagaan atas talian	4.7	5.7	5.8	3.0
Pembinaan	4.1	4.2	4.0	3.2
Pemborongan dan peruncit	4.0	3.9	6.9	22.1
Pembuatan	3.2	3.8	5.5	6.8
Perlombongan termasuk petroleum dan gas	3.2	2.5	3.3	2.0
Lain-lain sektor	13.7	14.9	16.0	17.4
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0

Nota: Lain-lain sektor termasuk utiliti, maklumat dan komunikasi, profesional dan aktiviti teknikal, pertanian dan perhutanan, pengangkutan dan penstoran, hartanah, aeroangkasa, keagamaan dan pentadbiran dan aktiviti sokongan perkhidmatan

Sumber: Institut Penyelidikan Khazanah, 2018

Analisis juga menunjukkan ciri-ciri pekerjaan yang paling penting bagi belia berubah mengikut umur (di peringkat pendidikan ke pekerjaan). Belia di dalam sistem pendidikan didapati sangat mengutamakan keseimbangan kehidupan dan kerjaya dan juga mengutamakan pekerjaan yang menarik, bukan setakat pekerjaan yang stabil (Jadual 5). Tetapi, sebaik sahaja mereka memasuki pasaran buruh, keutamaan lebih cenderung kepada pekerjaan yang stabil.

Jadual 5: Ciri Pekerjaan Yang Paling Penting Bagi Belia

Ciri pekerjaan	Kategori belia (%)			
	Bekerja	Pencari kerja	Tertiari	Menengah
Pendapatan yang lumayan	12.5	13.7	13.3	13.3
Menarik untuk dilakukan	14.3	16.6	16.2	13.6
Pekerjaan yang tetap/terjamin	22.7	22.5	17.8	22.0
Pekerjaan yang menggunakan kemahiran dan kebolehan	12.5	11.8	12.4	12.7
Mempunyai keseimbangan kehidupan dan kerjaya	22.2	20.1	25.2	24.3

Peluang kenaikan pangkat/laluan kerjaya yang jelas	7.0	7.3	5.9	5.7
Diberikan ruang untuk bekerja sendirian	2.5	1.5	1.5	0.8
Pekerjaan yang dipandang tinggi oleh orang/status pekerjaan	2.1	1.8	1.4	1.5
Mempunyai banyak waktu untuk bercuti	1.0	1.0	1.3	0.5
Peluang untuk mengembara	1.4	2.1	3.5	4.0
Boleh bekerja dari rumah	1.5	1.2	1.0	0.5
Lain-lain	0.5	0.3	0.4	0.9
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0

Pendidikan dan latihan kebolehpasaran belia

Isu pendidikan TVET dan penerimaannya dalam kalangan belia di Malaysia dilihat masih berada pada tahap rendah, berbanding aspirasi untuk melahirkan 1 juta tenaga kerja TVET pada tahun 2020 seperti dinyatakan dalam pelan RMKe-11 (Institut Penyelidikan Khazanah, 2018). Kajian ini mendapati hanya 13 peratus pelajar peringkat sekolah menengah berada dalam bidang TVET manakala di peringkat tertiar, hanya 9 peratus belia berada di politeknik, dan 6 peratus berada di kolej komuniti (Jadual 6). Jumlah ini mungkin lebih rendah berbanding statistik rasmi memandangkan skop kajian hanya terhad kepada institusi di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), namun angka penyertaan TVET dalam kalangan belia Malaysia masih rendah.

Jadual 6: Taburan Belia Di Peringkat Sekolah Menengah Dan Tertiar

Belia peringkat sekolah menengah	%	Belia peringkat tertiar	%
SMK, Sekolah berasrama/penuh, Tingkatan 6 atas	68.5	Universiti awam	37.9
TVET	12.9	Universiti swasta	1.0
SMKA	11.8	Kolej	1.8
Sekolah swasta/Antarabangsa	6.8	Politeknik	8.6
		Kolej Universiti	1.7
		Kolej Matrikulasi	28.7
		Kolej Komuniti	5.9
		Kolej Cawangan Luar Negara	1.6
		Institut Pendidikan Guru	12.7
Jumlah	100.0	Jumlah	100.0

Sumber: Institut Penyelidikan Khazanah, 2018

Bagaimanapun, belia yang sedang berada di dalam pasaran buruh berpandangan bahawa TVET merupakan kelayakan yang paling berguna untuk mendapatkan pekerjaan yang baik (Jadual 7). Dari segi keutamaan dalam menggajikan pekerja dalam kalangan majikan pula, didapati majikan lebih cenderung kepada belia berkelulusan universiti untuk

kerja profesional dan berkemahiran; dan belia lepasan sekolah menengah untuk pekerjaan kemahiran rendah atau kerja manual (Jadual 8). Majikan juga membayar gaji pekerja berkelulusan TVET lebih rendah berbanding graduan universiti dan hanya sedikit lebih daripada mereka yang mempunyai kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Jadual 7: Pendidikan Dan Latihan Yang Paling Berguna Untuk Mendapatkan Pekerjaan

Pendidikan/latihan	Kategori belia (%)			
	Menengah	Tertiari	Pencari kerja	Bekerja
Kelayakan profesional	21.2	20.8	16.7	15.2
Latihan kemahiran teknikal/vokasional	18.0	12.4	20.2	25.7
Pasca siswazah/ijazah lanjutan	11.4	9.4	6.5	4.9
Perantisan/Latihan industry/pengalaman kerja	11.1	15.2	12.7	11.8
Latihan dalam pekerjaan	10.7	12.2	14.1	17.0
Ijazah pengurusan perniagaan	9.7	10.7	8.0	7.7
Sains universiti	5.9	6.1	5.9	4.2
Sastera/sains sosial universiti	5.6	4.8	6.3	4.9
Lain-lain	6.5	8.4	9.7	8.6
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0
Lain-lain termasuk Ijazah sains komputer, sosial sains (menengah) dan sains (menengah)				

Sumber: Institut Penyelidikan Khazanah, 2018

Jadual 8: Keutamaan majikan dalam memilih pekerja belia

Keutamaan	Berkemahiran/profesional (%)	Kemahiran rendah/pekerja manual (%)
<i>Umur</i>		
Bawah 25 tahun	14.5	23.1
25-29 tahun	24.9	21.3
30-39 tahun	14.1	9.9
40-54 tahun	3.3	2.1
55 tahun dan ke atas	0.2	0.6
Tiada keutamaan	43.0	43.0
<i>Jantina</i>		
Perempuan	22.6	19.6
Lelaki	16.4	19.8
Tiada keutamaan	61.0	60.5
<i>Status perkahwinan</i>		
Tidak berkahwin	12.3	11.4
Berkahwin	6.6	5.3
Tiada keutamaan	81.1	83.2
<i>Tahap kelulusan</i>		
Ijazah (dalam negara)	21.3	5.4

Ijazah (luar negara)	2.0	1.9
Pasca siswazah (dalam negara)	3.3	1.1
Pasca siswazah (luar negara)	1.0	0.6
Graduan dari institusi TVET	12.9	6.2
SPM	59.5	84.8
<i>Kemahiran bahasa</i>		
Bahasa Inggeris	12.1	6.8
Melayu	18.6	24.4
Mandarin	3.2	3.5
Tamil	0.5	0.4
Bahasa etnik tempatan	0.2	0.3
Mahir lebih satu bahasa	16.5	12.3
Tiada keutamaan	48.9	52.2

Sumber: Institut Penyelidikan Khazanah, 2018

Walaupun terdapat pelbagai usaha yang telah dilakukan dalam sektor pendidikan negara, beberapa matlamat utama yang dinyatakan di dalam *Malaysia Education Blueprint 2013-2025* (MEB) masih belum tercapai. Analisis mendapati terdapat kecenderungan dalam kalangan belia untuk bekerja tetap berbanding mewujudkan pekerjaan sendiri. Manakala belia sama ada di peringkat sekolah ataupun belia yang telah berada di pasaran buruh dilihat tidak menyedari kepentingan kemahiran keusahawanan untuk pekerjaan, sama ada untuk memulakan perniagaan ataupun untuk berjaya dalam ekonomi gig.

Isu berkaitan menanam minat keusahawanan dalam kalangan belia sejak di peringkat persekolahan lagi bukanlah satu isu yang baharu. Di dalam *Malaysia Education Blueprint 2013-2025* juga ada meletakkan penekanan untuk menanam minda keusahawanan dan melahirkan graduan dengan keutamaan mencipta pekerjaan berbanding mencari pekerjaan. Namun, analisis mendapati peratusan belia yang menyatakan kemahiran keusahawanan sebagai ciri terpenting untuk mendapatkan pekerjaan adalah terlalu rendah.

MEB juga ada menekankan mengenai kemahiran yang diperlukan di alam pekerjaan, selain akademik, kelayakan profesional atau kemahiran, kemahiran komunikasi, termasuk fasih berbahasa Inggeris, berfikiran kritikal adalah kompetensi yang diperlukan dalam pekerjaan. Analisis mendapati golongan majikan dan belia sendiri mengakui kesemua kemahiran tersebut adalah penting untuk memperolehi pekerjaan (Jadual 9). Majikan juga menekankan kepentingan kemahiran insaniah, termasuk etika kerja, dan pengalaman kerja berbanding kelayakan formal mahupun kemahiran teknikal dalam menggaji pekerja (Jadual 10). Kedua-dua pencari kerja dan belia bekerja mengiktiraf pengalaman kerja penting untuk mendapatkan pekerjaan yang baik.

Jadual 9: Kemahiran Dan Kelayakan Yang Penting Untuk Mendapatkan Pekerjaan Yang Baik

Ciri paling penting yang diambil oleh majikan untuk mengambil pekerja	Ciri paling penting yang harus dimiliki untuk mendapatkan pekerjaan oleh belia sedang bekerja	Ciri paling penting yang harus dimiliki untuk mendapatkan pekerjaan oleh belia sedang mencari bekerja
Ciri-ciri		
1. Kejujuran dan kerja keras	1. Pemikiran kreatif dan analitikal	1. Kemahiran komunikasi
2. Disiplin dan komitmen	2. Kemahiran komunikasi	2. Pemikiran kreatif dan analitikal
3. Kemahiran teknikal dan profesional	3. Kejujuran dan kerja keras	3. Kejujuran dan kerja keras
4. Kelayakan akademik	4. Kebolehsuaian organisasi	4. Kebolehsuaian organisasi
5. Kemahiran komunikasi	5. Kemahiran kerja berpasukan	5. Kemahiran berbahasa Inggeris
6. Kemahiran kerja berpasukan	6. Kemahiran berbahasa Inggeris	6. Kemahiran kerja berpasukan
Kelayakan pendidikan		
1. Sekolah menengah	1. TVET	1. TVET
2. Ijazah	2. Ijazah profesional	2. Ijazah profesional
3. Graduan TVET	3. Ijazah pengurusan perniagaan	3. Ijazah pengurusan perniagaan
4. Pascasiswazah	4. Ijazah universiti	4. Ijazah universiti
	5. Pascasiswazah	5. Pascasiswazah
	6. Sains komputer	6. Sains komputer
	7. Sekolah menengah	7. Sekolah menengah

Sumber: Institut Penyelidikan Khazanah, 2018

Jadual 10: Kemahiran paling penting untuk menggaji pekerja mengikut saiz pertubuhan (majikan)

Saiz pertubuhan	Kemahiran insaniah	Kemahiran teknikal	Pengalaman kerja
Besar	50.3	38.8	17.7
Sederhana	67.6	25.0	20.1
Kecil	58.3	23.8	22.7
Mikro	47.7	28.2	33.4
Keseluruhan	50.3	27.3	30.7

Sumber: Institut Penyelidikan Khazanah, 2018

Belia dilihat secara amnya merasakan tahap pendidikan dan bidang pengajian mereka berguna kepada pekerjaan mereka sekarang. Namun demikian, ketidakpadanan antara kelulusan dan peringkat kemahiran kerja adalah jelas. Jadual 11 menunjukkan 95 peratus belia dalam pekerjaan tidak berkemahiran dan 50 peratus belia di dalam pekerjaan manual berkemahiran rendah adalah dibawah kelulusan pendidikan (*over-educated*).

Jadual 11: Status Pekerjaan Belia Bekerja Berbanding Tahap Pendidikan

Status pekerjaan	Tahap kemahiran			
	Tidak berkemahiran	Manual berkemahiran	Bukan manual berkemahiran rendah	Bukan manual kemahiran tinggi
Kelayakan yang sepadan	2.9	60.4	48.4	60.3
Pendidikan lebih rendah (<i>Under-educated</i>)	1.7	2.5	1.3	31.8
Terlebih pendidikan (<i>Over-educated</i>)	95.4	37.1	50.2	7.9

Sumber: Institut Penyelidikan Khazanah, 2018

Peralihan belia dari alam persekolahan ke alam pekerjaan

Dalam kalangan belia ditemubual yang berada di dalam fasa peralihan, 38 peratus daripadanya memasuki pasaran buruh untuk kali pertama, 36 peratus pernah bekerja sebelumnya tetapi tidak bekerja sekarang and selebihnya sebanyak 26 peratus sedang bekerja tetapi aktif mencari kerja lain (Jadual 1).

Cabaran dan halangan utama dihadapi belia untuk mendapatkan pekerjaan yang dikehendaki ialah persaingan dan peluang pekerjaan yang tidak mencukupi (Jadual 12). Bagi pencari kerja kali pertama, kekurangan pengalaman kerja adalah halangan kedua paling utama. Belia yang sedang bekerja kekurangan pendidikan dan latihan yang diperlukan dalam pekerjaan yang pilihan atau kekurangan sumber untuk memulakan perniagaan. Tetapi, keseluruhannya, kebanyakan pencari kerja tidak merasakan mereka didiskriminasi, sama ada dari segi umur mahupun jantina.

Jadual 12: Halangan utama mendapatkan kerja dalam kalangan belia sedang mencari kerja

Jenis halangan	Pencari kerja pertama kali	Pernah bekerja dan sedang menganggur	Sedang bekerja tetapi mencari kerja lain	Keseluruhan
Persaingan terlalu banyak	24.0	25.0	22.3	24.1
Kurang peluang pekerjaan	16.5	21.6	18.2	18.9
Tiada pengalaman bekerja	21.4	10.7	8.4	14.3
Pendidikan/latihan tidak sepadan dengan keperluan pekerjaan	10.7	11.1	16.3	12.4
Kurang kemahiran bahasa	7.0	7.2	6.3	6.9
Tiada peluang latihan yang sesuai	4.1	4.0	4.0	4.1

Pekerjaan yang diiklankan tidak berkaitan dengan bidang pengajian	3.0	4.9	4.3	4.0
Kekurangan sumber untuk memulakan perniagaan sendiri	2.6	3.9	6.3	4.0
Kurang kemahiran vokasional yang sesuai	3.0	2.4	3.2	2.9
Dianggap terlalu muda/majikan lebih berminat mengambil pekerja yang lebih berumur	2.1	3.5	2.8	2.8
Gaji terlalu rendah untuk pekerjaan sedia ada	1.7	2.1	3.4	2.3
Lain-lain	3.9	3.6	4.5	3.4
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0

Sumber: Institut Penyelidikan Khazanah, 2018

Status dan keadaan pekerjaan di pasaran buruh

Daripada jumlah belia bekerja yang terlibat di dalam kajian ini, 64 peratus daripadanya adalah pekerja sepenuh masa di mana mereka mempunyai kontrak pekerjaan dan dilindungi oleh undang-undang buruh dan perlindungan sosial pekerjaan. Sebanyak 29 peratus pula berada di dalam pekerjaan tidak formal atau pekerjaan bukan standard (*non-standard employment*) sebagai pekerja sepenuh masa sementara, pekerja separuh masa dan kasual/*on-call/daily paid*. Antara jenis pekerjaan tersebut ialah pekerja bebas (*freelance*) di dalam ekonomi gig yang menawarkan fleksibiliti tetapi pendapatan yang tidak menentu serta tiada perlindungan sosial lain. Seramai 7 peratus belia bekerja berstatus bekerja sendiri sebagai pekerja akaun sendiri, ataupun majikan menggaji pekerja lain (Jadual 1). Belia yang berada di dalam kategori pekerja akaun sendiri, penyumbang pekerja keluarga dikenali sebagai pekerja tidak formal atau terdedah kerana jenis pekerjaan ini sering dianggap pendapatan yang tidak mencukupi, produktiviti yang rendah dan kesukaran keadaan kerja (International Labour Organization, 2017).

Ketidakpadanan antara kemahiran dan pekerjaan belia telah dikenalpasti melalui kajian ini. Selaras dengan bukti ketidakpadanan kemahiran yang ditemui (Jadual 11), pekerjaan dan sektor terkini belia bekerja bukanlah merupakan pekerjaan dan sektor pilihan (Jadual 13). Satu per tiga daripada pekerjaan terkini belia ialah sebagai pekerja perkhidmatan dan jualan tetapi hanya 3 peratus menyatakan bidang ini adalah bidang pekerjaan pilihan mereka. Walaupun hanya 6 peratus belia bekerja di dalam bidang perniagaan, sektor ini dilihat merupakan sektor pilihan belia bekerja (32%). Pekerjaan pilihan paling utama ialah profesional (38%) tetapi hanya satu per empat belia bekerja di dalam bidang pekerjaan tersebut dan peratusan belia yang bekerja di dalam bidang perniagaan atas talian, perkhidmatan awam, pendidikan, kesihatan dan kerja sosial adalah lebih kecil berbanding peratusan pilihan mereka terhadap sektor-sektor ini.

Jadual 13: Jenis pekerjaan sekarang dan pekerjaan pilihan belia sedang bekerja

Jenis pekerjaan	Sekarang	Pilihan
	%	%
Pengurus	2.4	6.2
Profesional	24.8	38.2
Juruteknik dan profesional bersekutu	14.6	6.6
Kakitangan perkeranian sokongan	6.7	2.4
Perkhidmatan dan jualan	33.4	3.2
Pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan mahir	0.5	0.6
Kraf dan pekerja perdagangan yang berkaitan	2.4	1.2
Pengendali loji dan mesin dan pemasang	3.1	0.7
Pekerjaan asas	3.3	0.2
Tentera	1.7	5.7
Berkaitan perniagaan	5.7	32.2
Lain-lain	1.4	2.9
Jumlah	100.0	100.0

Sumber: Institut Penyelidikan Khazanah, 2018

Disebabkan dapatan kajian menunjukkan ramai belia yang tidak bekerja di dalam bidang pekerjaan pilihan, dan mereka terlebih kelayakan untuk pekerjaan yang sedang dilakukan (Jadual 11), belia didapati tidak mempunyai kepuasan terhadap pekerjaan, tidak berjaya dalam proses peralihan dari alam pendidikan ke alam persekolahan dan mencari peluang kerja lain. Hanya 18 peratus yang bekerja sementara, separuh masa atau kasual berpuas hati dengan pekerjaan sekarang manakala 38 peratus menyatakan niat untuk bertukar kerja lain. Belia yang bekerja sepenuh masa atau bekerja sendiri lebih cenderung untuk berpuashati dengan pekerjaan mereka dan tidak mempunyai niat untuk mencari pekerjaan lain (Jadual 14).

Jadual 14: Perancangan untuk bertukar kerja mengikut status pekerjaan

Perancangan untuk tukar pekerjaan	Pekerjaan tetap	Bukan pekerjaan standard	Bekerja sendiri	Keseluruhan
Berpuashati, tiada perancangan untuk bertukar kerja	40.0	18.0	47.6	34.2
Tidak pasti	27.7	30.9	31.6	28.9
Merancang untuk bertukar kerja	23.5	38.2	15.0	27.2
Tidak berpuas hati dan tiada perancangan untuk bertukar kerja	8.7	13.0	5.8	9.7
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0

Sumber: Institut Penyelidikan Khazanah, 2018

Tanggapan bahawa belia mengharapkan jumlah permulaan gaji yang tinggi adalah mitos. Hasil analisis (Jadual 15) menunjukkan gaji terendah yang sanggup diterima oleh belia untuk sesuatu pekerjaan (*reservation wage*) dan gaji sebenar yang diterima.

Jadual 15: Purata gaji terendah yang sanggup diterima oleh belia untuk sesuatu pekerjaan (*reservation wage*) dan gaji sebenar yang diterima

Status pekerjaan	<i>Reservation wage</i> (RM)	Gaji sebenar (RM)
Belia bekerja	1,555	1,846
Bekerja sepenuh masa	1,577	1,961
Bekerja sepenuh masa sementara	1,471	1,486
Separuh masa (part time)	1,514	1,319
<i>Casual/on call</i> /bayaran harian	1,387	1,621
Pekerja akaun sendiri	1,669	2,378
Pekerja keluarga (<i>contributing family worker</i>)	1,598	1,550
Majikan belia	1,641	3,190
Pencari kerja	1,715	-
Belia tertuari	2,435	-

Nota: Jadual 16 menggunakan maklumat purata gaji (RM)

Sumber: Institut Penyelidikan Khazanah, 2018

Manakala Jadual 16 menunjukkan julat gaji yang dibayar oleh majikan kepada belia lepasan sekolah, lepasan TVET, lepasan universiti (ijazah dan pasca siswazah). Analisis menunjukkan kebanyakan belia, terutamanya mereka yang bekerja separuh masa dan pekerja keluarga memperoleh gaji yang lebih rendah berbanding gaji terendah yang sanggup diterima untuk sesuatu pekerjaan. Dapatan ini juga selari dengan laporan '*Cost of Talent*' oleh Universum Global, melalui hasil maklumbalas daripada 29 buah negara mendapati graduan Malaysia mempunyai aspirasi paling rendah terhadap gaji permulaan, dan hanya lebih tinggi sedikit berbanding graduan Indonesia dan Kazakhtan (Universum Global, 2017).

Jadual 16: Status julat gaji yang dibayar oleh majikan kepada belia lepasan sekolah, lepasan TVET, lepasan universiti (ijazah dan pasca siswazah)

Pendidikan pekerja belia	Minimum (RM)	Maksimum (RM)
Lepasan sekolah	1,024	1,529
Graduan TVET	1,270	2,066
Graduan ijazah	1,703	2,682

Pasca siswazah 1,628 2,809

Nota: Jadual 16 menggunakan maklumat purata gaji (RM)

Sumber: Institut Penyelidikan Khazanah, 2018

Di samping itu, penyertaan belia dalam skim sekuriti sosial juga agak rendah (Jadual 17). Didapati secara keseluruhannya, 43 peratus belia bekerja tidak menyertai mana-mana skim sekuriti sosial. Jika dibandingkan pula dengan kategori pekerjaan, 82 peratus belia bekerja sendiri tidak dilindungi oleh mana-mana skim sekuriti sosial, menunjukkan status pekerjaan mereka yang terdedah dan tidak menentu. Manakala satu per tiga dalam kalangan mereka yang bekerja sepenuh masa dan separuh daripada pekerja bukan standard tidak menyertai mana-mana skim perlindungan sosial.

Jadual 17: Status penyertaan dalam skim sekuriti sosial

Penyertaan	Pekerjaan tetap	Bukan pekerjaan standard	Bekerja sendiri	Keseluruhan
Tidak menyertai mana mana skim	34.2	53.0	82.0	43.0
Menyertai satu skim sahaja	26.8	31.0	10.0	25.6
Menyertai lebih dari satu skim	39.0	16.0	8.0	31.4

Sumber: Institut Penyelidikan Khazanah, 2018

Permintaan terhadap belia oleh majikan

Majikan dilihat mempunyai penilaian yang positif terhadap belia, tetapi kesukaran tetap wujud. Disebalik komen dan pandangan mempersoalkan kebolehpasaran belia, terutamanya dari segi kemahiran insani dan teknikal, analisis mendapati, majikan yang ditemubual mempunyai penilaian yang positif kepada belia. Majikan secara umumnya menyatakan ciri-ciri kemahiran insani dan akademik belia adalah baik. Di samping itu, majikan juga meletakkan kemahiran insani melebihi kelulusan akademik atau kemahiran teknikal/profesional (Jadual 10). Analisis juga mendapati belia menyatakan bahawa kelayakan pendidikan tidak mencukupi dan mengakui bahawa mereka kekurangan kemahiran insani dan pengalaman kerja yang diperlukan untuk mendapatkan pekerjaan yang baik (Jadual 12).

KESIMPULAN

Analisis telah merungkai kesukaran yang dihadapi belia Malaysia dalam proses peralihan dari alam pendidikan ke alam pekerjaan. Analisis juga mendapati wujud ketidakpadanan dan persepsi yang salah kepada belia mengenai kesediaan dan permintaan terhadap belia dalam pasaran buruh yang memerlukan polisi intervensi, terutamanya dalam keadaan perubahan yang pesat terhadap keadaan pekerjaan dalam pasaran buruh kini. Beberapa kesimpulan penting daripada analisis ini ialah seperti berikut:

- Dari segi aspirasi belia terhadap kehidupan dan kerjaya, berjaya dalam pekerjaan merupakan matlamat utama belia, namun semakin meningkat umur belia, keutamaan adalah tertumpu kepada kehidupan berkeluarga yang baik. Belia juga dilihat lebih cenderung untuk 'makan gaji' berbanding mencipta peluang pekerjaan untuk dirinya sendiri. Dari segi ciri pekerjaan, belia lebih mengutamakan pekerjaan yang stabil sebaik memasuki alam pekerjaan, berbanding belia di institusi Pendidikan yang lebih mementingkan pekerjaan

yang menarik;

- ii. Dari aspek pendidikan dan kebolehpasaran belia pula, penerimaan belia terhadap pendidikan TVET masih rendah, namun belia yang berada di pasaran buruh mengakui TVET merupakan bidang yang penting untuk mendapatkan pekerjaan. Dari perspektif majikan pula, mereka lebih cenderung menggaji graduan lepasan universiti berbanding TVET dan bayaran gaji kepada graduan TVET juga adalah lebih rendah berbanding lepasan universiti. Disebalik penekanan pihak kerajaan agar belia menceburkan diri dalam bidang keusahawanan, analisis mendapati belia tidak merasakan bahawa kemahiran keusahawanan merupakan ciri penting untuk mendapatkan pekerjaan. Majikan pula dilihat lebih cenderung menekankan kemahiran insani berbanding kemahiran teknikal ataupun kelayakan pendidikan. Namun, bagi belia, pengalaman kerja adalah penting untuk mendapatkan pekerjaan yang diinginkan. Analisis juga mendapati ketidakpadanan yang jelas wujud antara tahap pendidikan dan status pekerjaan belia – majoriti belia bekerja di bawah kelayakan pendidikan yang dimiliki.
- iii. Belia juga dilihat mengalami kesukaran dalam proses peralihan ke pasaran buruh dari alam pendidikan. Cabaran utama yang dihadapi ialah belia merasakan persaingan yang tinggi dan peluang pekerjaan yang tidak mencukupi. Untuk memulakan perniagaan pula, mereka tidak mempunyai akses yang cukup dari segi maklumat dan kewangan. Namun demikian, bagi belia bekerja, mereka tidak merasakan sebarang diskriminasi di dalam pekerjaan mereka, sama ada dari segi umur, jantina mahupun gaji.
- iv. Dari segi keadaan belia di pasaran buruh pula, ketidakpadanan antara kemahiran dan bidang pekerjaan juga dikenalpasti di mana kebanyakan belia tidak bekerja di dalam bidang pilihan. Di samping itu, analisis mendapati, belia tidaklah terlalu memilih dan mengharap majikan membayar gaji permulaan yang tidak realistik memandangkan belia sanggup menerima gaji yang tidak jauh dari gaji terendah yang sanggup diterima (*reservation wage*) atau lebih rendah berbanding gaji sebenar mereka. Data juga tidak menunjukkan perbezaan yang ketara antara julat gaji ditawarkan majikan berbanding purata gaji yang diterima belia.
- v. Disebalik persepsi negatif yang diwar-warkan oleh media terhadap kemahiran dan kebolehpasaran belia, analisis mendapati majikan mempunyai persepsi positif terhadap kemahiran insani dan kelayakan pendidikan belia. Majikan juga meletakkan kemahiran insani melebihi kelulusan akademik dan kemahiran teknikal/profesional untuk menggaji pekerja belia. Belia juga menyedari bahawa kelayakan akademik semata-mata bukanlah pengukuran untuk pekerjaan yang baik dan mereka mengakui bahawa mereka kekurangan kemahiran insani dan pengalaman kerja untuk mendapatkan sesuatu pekerjaan yang diinginkan. Namun, adalah penting untuk merapatkan jurang antara pihak majikan dan institusi pendidikan bagi penambahbaikan kualiti kemahiran (Mansor, 2019) belia dalam era pasaran buruh yang berevolusi secara berterusan.

Oleh itu, polisi intervensi yang berkaitan bagi menambah baik pasaran buruh di Malaysia dan memastikan kelancaran proses peralihan belia dari alam pendidikan ke alam pekerjaan adalah penting memandangkan belia merupakan penggerak kepada kemakmuran ekonomi negara

pada masa hadapan. Dalam menghadapi fenomena negara tua menjelang 2030, Malaysia seharusnya memanfaatkan kebolehan belia dalam pasaran buruh agar dapat memaksimumkan output hasil lebih pendapatan dan simpanan untuk menampung keperluan masa hadapan. Tambahan pula, penambahbaikan pasaran buruh merupakan sebahagian keutamaan dalam teras strategi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (*Shared Prosperity Vision 2030*) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan “*sekiranya golongan muda ini tidak dapat bekerja secara produktif dalam keadaan kemajuan teknologi yang pesat ini, ia secara tidak langsung akan merencat pertumbuhan ekonomi negara pada masa hadapan*” (Mohamad, 2019).

RUJUKAN

- International Labour Organization. (2013). *Global Employment Trends for Youth: A Generation at Risk*. Geneva: International Labour Organization.
- Institut Penyelidikan Khazanah. (2016). *The State of Households 2*. Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan Khazanah.
- Institut Penyelidikan Khazanah. (2018). *The School-to-Work Transition of Young Malaysians*. Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute.
- International Labour Organization. (2017). *Global Employment Trends for Youth 2017: Path to a Better Working Future*. Geneva: International Labour Organization.
- International Labour Organization. (2019). *School-to-Work Transition Survey (SWTS)*. Didapatkan dari International Labour Organization: https://www.ilo.org/employment/areas/youth-employment/work-for-youth/WCMS_191853/lang--en/index.htm
- International Labour Organization. (n.d). *ILOSTAT Database*. Geneva: International Labour Organization.
- International Labour Organization. (n.d). *School-to-Work Transition Survey*. Geneva: International Labour Organization.
- International Year of Youth 2010-2011. (2010). Didapatkan dari Department of Economic and Social Affairs, Inclusions, United Nations: <https://social.un.org/youthyear/docs/policy%20guide.pdf>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). *Banci Ekonomi 2016: Semua Sektor*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). *Tinjauan Pasaran Buruh*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2018). *Anggaran Penduduk Semasa Malaysia 2018*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Mansor, J. (2019, May 20). Mempertingkatkan tahap kemahiran belia – majikan lepas tangan? Berita Harian.
- Modestine, A. S. (2010). *Mismatch in the Labor Market: Measuring the Supply of and Demand for Skilled Labor in New England*. United Kingdom: New England Public Policy

Center. Didapatkan dari file:///C:/Users/amirul.rahim/Downloads/neppcrr1002.pdf

Mohamad, M. B. (2019, May 9). *Keynote Address: First-Year Anniversary of The Pakatan Harapan Government*. Didapatkan dari Pejabat Perdana Menteri Malaysia: <https://www.pmo.gov.my/2019/05/perutusan-perdana-setahun-malaysia-baharu-2/>

Rahim, M. A. (2019, July 31). Optimum Potensi Dividen Demografi. *Berita Harian*.

Sazali, T. (2019, June 13). *A Statistical Snapshot of Youth Unemployment, 2011 to 2018*. Didapatkan dari Khazanah Research Institute: http://www.krinstitute.org/What_We_Are_Reading-@-A_Statistical_Snapshot_of_Youth_Unemployment,_2011_to_2018.aspx

Siti Raba'ah Hamzah, T. S. (2019). Profil Sukarelawan Belia Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 19, 18-37. Didapatkan dari file:///C:/Users/amirul.rahim/Downloads/MJYS%20Vol%2019%20Dec%202018.pdf

SME Corp . (2017). *SME Annual Report 2016/2017*. Kuala Lumpur: SME Corporation Malaysia.

Unit Perancang Ekonomi. (2015). *Rancangan Malaysia Ke Sebelas 2016-2020*. Putrajaya: Economic Planning Unit.

United Nations, Department of Economic and Social Affairs, Population Division. (2019). *World Population Prospects 2019*. United Nations. Didapatkan dari <https://population.un.org/wpp/DataQuery/>

Universum Global. (2017). *The Global Cost of Talent*. Stockholm: Universum.

Profil Penulis:

Mohd Amirul Rafiq Abu Rahim

Bahagian Penyelidikan, Institut Penyelidikan Khazanah (KRI),

50470 Kuala Lumpur, Malaysia

amirul.rahim@krinstitute.org

PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA DAN SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG): SATU ANALISIS KRITIS DARI PERSPEKTIF ISLAM DAN KEPIMPINAN

MOHD. HIDAYAT MAHADI, MARINA ABU BAKAR & MOHD ZUHAILI KAMAL BASIR

ABSTRAK

Golongan belia Malaysia merupakan kumpulan demografi yang sangat signifikan dalam menentukan halatuju pembangunan negara. Malaysia juga adalah antara negara yang telah menandatangani dan bersetuju untuk mencapai Sustainable Development Goals (SDG) yang dikeluarkan oleh United Nations. Namun realitinya, belia di Malaysia khususnya pada hari ini didapati menyimpang jauh dari nilai-nilai positif sebagaimana yang dipelajari di mana-mana institusi pendidikan. Hal ini boleh didapati dalam laporan media massa dan juga media sosial yang saban hari memaparkan permasalahan sosial di kalangan remaja yang begitu serius. Justeru, sebagai sebuah negara yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi dalam perlembagaan, adalah perlu bagi pembangunan belianya mengikut perspektif Islam dan kepimpinan, seiring dengan cita-cita untuk mencapai Sustainable Development Goals (SDG). Komuniti pembangunan global di bawah kepimpinan United Nations telah mengumumkan Sustainable Development Goals pada hujung tahun 2015 apabila Millenium Development Goals yang dilaksanakan sebelum ini tidak dapat dicapai sepenuhnya. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis pembangunan belia Malaysia dan peranan mereka dalam mencapai Sustainable Development Goals (SDG) menurut perspektif Islam dan kepimpinan. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif, di mana data dikumpul melalui dokumen-dokumen dan dianalisis menggunakan metode analisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa belia memainkan peranan yang signifikan dalam mencapai Sustainable Development Goals (SDG) di Malaysia. Kajian ini diharap dapat membantu pihak-pihak yang berkepentingan untuk menitikberatkan aspek Islam dan kepimpinan dalam pembangunan belia selaras dengan matlamat SDG yang bakal dicapai pada tahun 2030.

Kata Kunci: *Belia Malaysia, Sustainable Development Goals, Islam, Kepimpinan*

ABSTRACT

Malaysian youths are a very important demographic group in determining the direction of national development. Malaysia is also among the countries that have signed and agreed to the Sustainable Development Goals (SDG) issued by the United Nations. But the reality is, youth in Malaysia today are found to deviate far from the positive values learned in any educational institution. This can be found in mass media reports as well as social media which daily presents social issues among teenagers. Thus, as a country that has made Islam the official religion of the constitution, it is necessary for its development in accordance with Islamic perspective and leadership, in line with the ambition of achieving the Sustainable Development Goals (SDG). The global development community under the leadership of the United Nations announced the Sustainable Development Goals in late 2015 when the previously implemented Millennium Development Goals could not be fully realized. The objective of this study is to analyze the development of Malaysian youth and their role in achieving the Sustainable Development Goals (SDG) from an Islamic and leadership perspective. This study was qualitative, in which data were collected through documents and analyzed using content analysis methods. The findings show that youth play a significant role in achieving the Sustainable Development Goals (SDG) in Malaysia. It is hoped that this study will help stakeholders to emphasize on aspects of Islam and leadership

in youth development in line with SDG's goals to be achieved by 2030.

Keywords: *Malaysian Youth, Sustainable Development Goals, Islam, Leadership*

PENGENALAN

Malaysia sentiasa menerima pakai pembangunan mampan dalam agenda nasional. Dalam hal ini, komitmen kepada Agenda 2030 bagi Pembangunan Lestari (Agenda 2030) telah diwajibkan dengan strategi dan inisiatif Rancangan Malaysia ke 11 bagi menyokong Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Untuk itu, Malaysia akan melalui beberapa fasa yang telah dirangka oleh kementerian yang berkaitan. Pelan hala tuju tersebut mengambil kira kapasiti dan keupayaan negara dalam mencapai matlamat dan sasaran yang ditetapkan dalam Agenda 2030.

SDG atau dalam Bahasa Melayunya dikenali sebagai Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*) merupakan satu agenda global apabila Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah memperkenalkan 17 matlamat yang perlu dicapai oleh semua negara bangsa menjelang tahun 2030. Pada peringkat awal, Perdana Menteri Malaysia ke 6 telah menyahut cabaran dengan menyatakan komitmen Malaysia dalam beberapa forum yang telah dihadiri oleh beliau. Unit Perancang Ekonomi pula telah diberikan mandat untuk menyelaraskan tindakan dari pelbagai pihak untuk mencapai matlamat ini.

Sustainable Development Goals (SDGs) di Malaysia

Agenda Pembangunan Lestari bukan satu perkara yang baharu. Ianya telah dilancarkan di peringkat global ketika Sidang Kemuncak Bumi (*United Nation Conference on Environment and Development*) di Rio de Janeiro pada tahun 1992 (Abdul Samad Hadi *et. al.* 2004). Walaupun banyak inisiatif global telah dilancarkan, penerapan dan sambutan oleh kebanyakan negara masih lagi terbatas. Untuk memastikan kejayaan agenda ini, gerakan yang berasaskan prinsip akar umbi atau ‘bawah ke atas’ perlulah dilaksanakan. Lebih dikenali sebagai agenda tindakan untuk manusia, planet dan kemakmuran, SDGs adalah kesinambungan daripada Matlamat Pembangunan Millenium (*Millenium Development Goals-MDGs*) yang merangkumi semua isu pembangunan lestari (Unit Perancang Ekonomi. 2017). Manakala menurut Menteri Hal Ehwal Ekonomi iaitu Dato Seri Mohamed Azmin Ali menyatakan dalam prakata beliau di Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020:

“Kerajaan akan mengimbangi objektif pertumbuhan ekonomi dan inisiatif pengukuhan fiskal bagi memastikan pembangunan yang berterusan dan inklusif tanpa merencatkan prospek pertumbuhan. Justeru, projek pembangunan sosioekonomi berimpak tinggi akan diteruskan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat. Selain itu, jurang pembangunan yang masih wujud antara negeri akan dikurangkan dengan memberikan penekanan yang lebih besar kepada negeri yang kurang membangun, terutamanya Sabah dan Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah, dan Perlis bagi memastikan pertumbuhan wilayah yang seimbang. Banyak langkah juga akan dilaksanakan untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli rakyat, khasnya bagi isi rumah yang berpendapatan 40% terendah (B40)”.

Ini menunjukkan bahawa Malaysia tidak ketinggalan dalam usaha menuju ke arah

negara maju dan inklusif menjelang tahun 2030. Malaysia juga mempunyai perancangan untuk memperkukuhkan pembangunan ke arah masyarakat yang saksama. Pembangunan inklusif yang dimaksudkan ini adalah penting kerana ia dapat meningkatkan kesejahteraan rakyat dari sudut sosioekonomi, selain mengekalkan pertumbuhan ekonomi untuk tempoh masa yang lebih panjang.

Konsep pembangunan lestari ini hakikatnya merupakan satu usaha yang dijalankan secara global, untuk menjaga kesejahteraan persekitaran fizikal yang mana ianya dihuni oleh sekumpulan manusia yang akan berusaha untuk memastikan persekitaran fizikal tersebut berada dalam keadaan yang baik serta mampu untuk memenuhi keperluan untuk hidup. Usaha ke arah pencapaian kualiti hidup yang baik bukan sahaja dilihat dari segi persekitaran binaan, malah keupayaan persekitaran tersebut dalam menyediakan peluang ekonomi kepada penduduk setempat. Seiring dengan konsep pembangunan lestari, kehidupan yang berkualiti juga turut menuntut kepada keseimbangan ekonomi dan penjagaan kepada alam sekitar.

Kehidupan berkualiti sebenarnya melibatkan perubahan dalam masyarakat dan sistem sosial yang bermula daripada kesedaran setiap individu tersebut untuk mengamalkan cara hidup sihat, berupaya mengecapi segala keperluan untuk kelangsungan hidup dan bebas untuk mengembangkan potensi yang ada pada diri individu tersebut (Ahmad Syahir Sarani. 2008). Jelas ini menunjukkan bahawa pembangunan sendiri terhadap golongan remaja dan belia adalah penting dalam usaha untuk membina sebuah negara yang maju dan terkehadapan.

Selain itu, dengan meningkatkan pembangunan modal insan di kalangan rakyat Malaysia, ia turut berfungsi untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Malaysia adalah sebuah negara yang sangat terkenal dengan keaktifannya dalam mengekalkan aktiviti kelestarian di peringkat antarabangsa (B. Bakhtiar *et. al.* 2010). Kesejahteraan rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang sosioekonomi atau lokasi akan dipertingkatkan apabila setiap rakyat mempunyai akses kepada penjagaan kesihatan, rumah mampu milik yang berkualiti, kawasan kejiranan yang selamat, selain mengamalkan integrasi sosial dan gaya hidup sihat melalui aktiviti sukan dan fizikal. Dengan cara sedemikian, golongan remaja dan juga belia yang akan meningkat naik mewarisi tampuk kepimpinan negara akan sentiasa bersedia dari segi mental dan fizikal, rohani serta jasmani dalam menempun arus globalisasi yang sentiasa berubah-ubah dan kompetitif.

Timbalan Perdana Menteri sendiri iaitu Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail menyatakan dalam ucapan beliau ketika menghadiri Mesyuarat Pemimpian Asia di Ulaanbaatar, Mongolia iaitu terdapat 3 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dalam Rangka Kerja Sendai, yang didapati adalah sangat relevan dengan negara Malaysia (Harian Metro. 4 Julai 2018). Antara yang dimaksudkan oleh beliau itu adalah mengenai perkara Kemiskinan, Bandar dan Komuniti Lestari, serta Tindakan Iklim.

Usaha untuk mengatasi kemiskinan di Malaysia, perlulah seiring dengan usaha meningkatkan upaya modal insan di kalangan belia. Ini kerana ia adalah aspek yang sangat penting dan amat berkait rapat dengan pertumbuhan ekonomi negara. Dalam teks ucapan bersempena Majlis Pelancaran Laporan Tahunan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) pada 12 Mei 2014, Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak yang merangkap sebagai Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu menyebutkan bahawa ETP menggabungkan dua komponen, iaitu 12 Bidang Ekonomi Utama Negara atau NKEA yang memfokuskan pertumbuhan ekonomi dan keduanya adalah 6 inisiatif Pembangunan Strategik (SRI) yang merangkumi dasar dan prosedur yang dilaksanakan bagi mewujudkan

persekitaran perniagaan yang berdaya saing dan dinamik. Gabungan NKEA dan SRI ini didasarkan untuk melonjakkan Pendapatan Negara Kasar Per Kapita atau dikenali sebagai PNK kepada AS\$15,000, dan mencipta 3.3 juta peluang pekerjaan baharu serta menarik pelaburan yang berjumlah AS\$444 bilion menjelang tahun 2020 (Shmavonian dan Hershman 2012).

Maka atas dasar itulah pembangunan insan yang diusahakan oleh rancangan kerajaan, perlulah diikuti oleh belia di Malaysia. Paling penting dan utama ialah pembangunan belia itu adalah mencakupi pembangunan rohani dan juga jasmani. Ini adalah kerana golongan belia yang akan memegang tampuk kepimpinan negara di masa hadapan, dapat menjalankan tanggungjawab dan tugas dengan penuh integriti dan juga beretika.

BELIA MALAYSIA DAN KEPIMPINAN

Dasar Pembangunan Belia Negara 1997 telah mentakrifkan bahawa belia itu sebagai mereka yang berusia antara 15 hingga 4 - tahun (Norizan Sharif. 2003), manakala klasifikasi belia oleh Azimi Hamzah *et. al* (2007), adalah mereka yang berumur antara 15 hingga 35 tahun sahaja dengan pembahagian tiga kumpulan umur iaitu awal belia (15-20), pertengahan belia (21-24) dan akhir belia (25-35). Manakala Indeks Belia Malaysia 2015 (IBM 15) telah membuat pindaan terhadap takrifan umur belia kepada 15 sehinggalah 30 tahun sebagai satu intipati penting dalam perubahan dan penambahbaikan, seiring dengan keperluan semasa belia. Namun begitu, takrifan ini hanya terpakai sepenuhnya pada tahun 2018 (Lilis Suriani Omar. Utusan Malaysia, 18 November 2014). Oleh yang demikian, kertas kerja dan kajian ini member fokus kepada golongan belia yang berada dalam lingkungan umur awal belia sehingga akhir, iaitu kadar umur di antara (15-40) tahun berdasarkan had umur seperti mana ditetapkan oleh Dasar Pembangunan Belia Negara, iaitu golongan belia Melayu yang berumur antara 15 hinggalah 40 tahun.

Golongan belia Malaysia adalah merupakan kumpulan demografi yang sangat signifikan dalam menentukan halatuju pembangunan negara. Setakat tahun 2018. Golongan belia adalah kelompok terbesar dengan peratus populasi kependudukan hampir 46.0% daripada 31.7 juta bilangan penduduk di negara ini (Utusan Malaysia 2018). Peratusan ini memberikan gambaran bahawa belia merupakan kelompok yang sangat kritikal daripada aspek pengurusan dan pembangunan. Untuk menambat hati golongan ini ianya memerlukan pengurusan modal insan yang bersifat holistik dan konkrit supaya belia menjadi aset yang bernilai kepada negara dan bukannya liabiliti yang perlu ditangani.

Golongan belia pada kacamata masyarakat adalah usia yang melambangkan kepantasan, kemudaan, keteguhan, keseronokan, kegembiraan dan segala keindahan serta kesempurnaan. Desakan hati mereka sememangnya ingin bebas tanpa kongkongan dan sekatan dengan etikata yang salah (tidak boleh dibentuk, dihalang dan ditegur keinginan mereka). Mereka lebih cenderung kepada perkara-perkara yang tidak bermoral sekiranya fokus dan penumpuan terhadap pembinaan kerohanian yang sempurna dan mantap tidak dititikberatkan (Mohd Ismail. 2005).

Namun belia apabila digarap dan dibimbing, ia akan melahirkan satu potensi yang mana dapat memupuk ciri-ciri kepimpinan yang diam terpendam dalam diri belia itu sendiri. Sebagai contoh, penyertaan belia dalam kepimpinan kerajaan secara tidak langsung dapat menyekat golongan dewasa iaitu pihak kerajaan sendiri, dari menyalahgunakan kuasa mereka ke atas golongan belia (Safiah Suhaimi *et. al* 2016). Keadaan ini akan

menimbulkan kestabilan dalam organisasi kepimpinan seperti menggalakkan kesejahteraan, membangunkan kemahiran kepimpinan dan juga meningkatkan keyakinan di tahap yang tertinggi, disamping dapat melindungi golongan belia daripada perkara-perkara yang merosakkan dan memudaratkan (World Youth Report. 2003; Alexander, 2008; Australian Infant, Child, Adolescent and Family Mental Health Association. 2008).

Pemikiran beragama golongan belia, dasar dan prinsip keyakinan serta ajaran asas agama, pada dasarnya diterima oleh seseorang sejak dari kecil. Ajaran asas agama yang diterima ini akan berkembang, subur dan semakin mantap apabila belia itu berpegang kepada prinsip dalam agama (Mashitah Sulaiman *et. al.* 2018). Justeru, belia akan berpegang teguh kepada prinsip agama yang telah disemai semenjak dari kecil, sebagai satu falsafah khasnya apabila memegang tanggungjawab untuk meningkatkan ekonomi, sosial, dan juga pembangunan insan di Malaysia sebagaimana matlamat dalam Matlamat Pembangunan Lestari Malaysia 2030.

Hakikatnya golongan muda dalam usia sebagaimana yang telah dinyatakan di seluruh dunia sebenarnya amat prihatin dengan isu global dan berhasrat untuk mencari penyelesaian terhadap isu berkenaan (Ahmad Khairol. 2017). Terdapat 70% daripada generasi muda sedar akan wujudnya pelbagai peluang buat mereka dan separuh dari mereka percaya bahawa mereka mampu untuk menyumbang kepada usaha penggubalan dasar di negara masing-masing. Dapatan berkenaan merupakan kajian daripada *Global Shapers Survey*, sebuah inisiatif *World Economic Forum* (WEF). Kajian pada tahun 2016 ini melibatkan 26 000 generasi muda dari 181 negara di seluruh dunia. Ia menunjukkan isu perubahan iklim, peperangan dan konflik agama menjadi kebimbangan utama golongan muda. Generasi muda yang terdiri dari golongan belia masa kini turut ingin terlibat dalam usaha penyelesaian isu-isu antarabangsa. Justeru itu, suara mereka juga perlu didengari di peringkat antarabangsa mahupun di peringkat nasional.

Generasi belia sebenarnya perlulah dilatih untuk menjadi pemimpin yang mampu memimpin komuniti, institusi atau organisasi serta dapat mempengaruhi pengikut secara positif dalam membuat sebarang keputusan. Elemen utama yang dilihat pada pemimpin generasi muda adalah kredibiliti pemimpin, mesra pengikut, diikuti personaliti kepimpinan yang baik, jujur dan amanah serta tidak mengamalkan rasuah (Noor Hidayah 2014).

Rasionalnya mengapa belia adalah golongan yang sesuai untuk dilantik sebagai pemimpin adalah kerana golongan belia sendiri memenuhi ciri-ciri kepimpinan. Pemimpin adalah individu yang menguruskan dan mempengaruhi sebuah kumpulan untuk mencapai matlamat organisasi (Roach & Behling 1984). Takrifan utama kepimpinan merangkumi perkara berikut: i) memudahkan proses dalam kumpulan; ii) memiliki sifat personaliti yang unik; iii) memberi motivasi kepada pengikut; iv) mempengaruhi individu lain secara positif; v) membentuk tingkah laku yang tertentu; vi) mempengaruhi orang lain; vii) memantapkan hubungan antara pemimpin dan pengikut; viii) menetapkan matlamat yang boleh dicapai dan yang terakhir; ix) membangunkan struktur organisasi (Bass 1990).

Berdasarkan kajian yang dijalankan tentang komunikasi kepimpinan dan komitmen pengikut di organisasi kerajaan oleh Syed Abdul Rahman dan Mohamed Zin (2004) menunjukkan bahawa wujud hubungan yang positif antara kepimpinan dan komitmen. Antara kriteria penting pemimpin yang disokong oleh belia adalah jujur dan amanah, mempunyai karisma dan ketokohan, mementingkan perpaduan kaum dan agama, mempunyai pendidikan yang tinggi, dan pemimpin tersebut adalah daripada golongan orang muda.

Ciri-ciri tersebut dilihat oleh pengundi dapat menyerlahkan tokoh kepimpinan seseorang pemimpin yang mereka pilih di samping mempunyai personaliti yang baik. Personaliti yang baik bermaksud pemimpin tersebut mestilah bersikap terbuka, mudah ditemui, mesra rakyat dengan mengadakan lawatan atau 'turun padang' ke kawasan mereka (Junaidi *et. al* 2016). Mereka juga menginginkan pemimpin yang senang mendampingi rakyat tanpa sebarang protokol yang menyukarkan rakyat untuk bertemu dan mengadu masalah yang dihadapi oleh mereka. Responden juga mementingkan pemilihan pemimpin yang mempunyai kaliber dan berkarisma dengan kepetahan berucap serta berpengalaman dalam melakukan aktiviti kemasyarakatan.

KONSEP KEPIMPINAN BARAT

Menurut Robbins (2003: 34), beliau mendefinisikan kepimpinan itu sebagai satu kemampuan untuk mempengaruhi orang-orang lain untuk bertindak, dengan ianya sendiri memiliki kemahiran-kemahiran moral, intelektual dan sosial yang diperlukan untuk mengambil peluang kedudukan tersebut. Manakala Yukl (2002: 51) mengatakan bahawa kepimpinan itu ialah proses struktur, kuasa, mendorong, merangsang, sumber ilham, menentukan matlamat, mencipta wawasan dan tanggungjawab memberikan motivasi kepada mereka yang berada di bawah pimpinannya.

Kepimpinan juga boleh ditakrifkan sebagai satu proses untuk mempengaruhi pemimpin dan pengikut untuk mencapai suatu objektif melalui perubahan. Selain itu, kepimpinan juga boleh ditakrifkan sebagai satu proses untuk mengarahkan tingkah laku orang lain dalam menyelesaikan satu objektif (Certo. 2002). Malah kepimpinan dalam masyarakat manusia itu sendiri terdiri daripada dua kelompok iaitu pemimpin dan juga yang dipimpin. Secara teorinya, orang yang dipilih menjadi pemimpin biasanya memiliki kualiti yang lebih baik daripada orang yang dipimpin (Ahmad Tarmizi Zakaria. 2017).

Dalam satu definisi yang lain pula, kemahiran kepimpinan didefinisikan sebagai alat, tingkah laku, keupayaan, yang seseorang perlukan untuk menjadi lebih bermotivasi serta mampu memberikan arahan kepada orang lain (Training. 2010). Oleh itu, kemahiran kepimpinan merupakan satu perkara yang mesti ada dalam diri seorang belia. Hal ini kerana belia perlu mempunyai perancangan jangka pendek dan jangka panjang yang jelas, menggalakkan pendapat yang kritikal serta pemikiran yang tidak terkongkong, tidak mengamalkan sifat pilih kasih dan berat sebelah dalam melaksanakan suatu pembuatan keputusan, tidak membiarkan perbezaan status menjadi penghalang atau menjejaskan sesuatu proses pembuatan keputusan yang hendak dicapai (Nik Safiah Nik Abdullah *et. al* 2015).

Sekiranya diperhalusi, dapat ditemui bahawa elemen positif yang terdapat dalam idea Barat juga boleh didapati dalam kaedah metode Islam. Ini kerana, kaedah Islam dan Barat semuanya bertujuan untuk membimbing manusia ke arah melahirkan masyarakat yang cemerlang, bermoral, bermaruah, berhemah tinggi, berkemahiran dan berkualiti. Cumanya pendekatan Islam lebih menekankan amar makruf dan nahi mungkar iaitu melaksanakan apa yang diperintahkan oleh Allah SWT dan meninggalkan apa yang dilarang oleh syarak. Semua ini adalah bermatlamatkan untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT. Inilah penanda aras yang menjadikan perbezaan antara pendekatan konsep kepimpinan Barat, dan jua konsep kepimpinan Islam (Ahmad Redzuwan Mohd Yunus 2001: 31).

Sekiranya dilihat dari aspek kepimpinan, generasi belia sebenarnya perlu dilatih untuk menjadi pemimpin yang mampu memimpin komuniti, institusi atau organisasi serta dapat

KEPIMPINAN BELIA DALAM ISLAM

Konsep Islam dalam pembangunan belia adalah bersumberkan kepada Al Quran dan juga as Sunnah menerusi landasan akhlak, akidah, dan juga syariah. Aspek terpenting yang lahir dari komponen tersebut adalah untuk membangunkan belia melalui pembangunan spiritual ummah berasaskan kepada kekuatan rohani untuk membina suatu peradaban yang cemerlang dan mampan (Fadillah & Tengku Sarina. 2008). Firman Allah SWT dalam al Qur'an menyatakan:

Surah Yusuf: 22-23

In conclusion, participation in outdoor education will benefit the students of higher education in terms of positive changes in their soft skills. It was discovered that demographic factors do not make significant differences. However, soft skills can be achieved through activities such as outdoor learning and individual values and qualities. Additionally, the study discovered that after exposure given to outdoor learning programs to learners for a certain amount of time, positive behavioral changes occur. The study shows that outdoor learning should be part of curriculum education to meet the goal of producing balanced individuals upon graduation. It is adamant for the educational policymakers who intend to produce balanced human capital to include outdoor learning activities into the existing curriculum where interaction outside the classroom is implemented.

Outdoor learning programs and other co-curricular activities which involve interaction outside the classrooms are proven beneficial in producing future human capital with all the soft skills needed to survive in the 21st century. Outdoor learning programs, to inculcate positive personality, must be specially designed to meet the needs of these students at the start of their educational program. To ensure positive personalities remain and become part of them, regular workshops should be carried out throughout their undergraduate journey to strengthen and maintain this positive attitude. This learning program involves the change of values, feelings, skills, and knowledge gained by the students through various outdoor activities. The outdoor learning program must be carefully planned by staff and teachers using the environment, nature and meaningful teaching and learning. All knowledge and experiences will be acquired via hands-on or first-hand experience. Since the learning process is centered on the participants' direct experience, teaching and learning happen faster and more effective, whereby quality knowledge will be acquired better coined with a great experience. Experience, in this case, is very important in developing knowledge and a highly immersive process of socialization.

Outdoor learning plays an important role in building diversity groups. The group unites better when more members of the group are attracted to each other, thereby increasing the cooperation within the group. Participation in group activities allows students to work as a team, through the spirit of friendship, cooperation and tolerance to achieve certain goals successfully. This action leads to a change of values which will then instill a positive attitude.

REFERENCES

- Abdul Rahim Abdul Halim. (1994). *Teacher Education Series: Management co.* London: Cavendish Publishing Ltd.
- Boss, J.A. (1999). *Outdoor education and the development of civic responsibility.* Charleston, WV: ERIC Clearinghouse ED425051.

- Buntat, Yahya, Muhammad Sukri Saud, & Hairul Anuar Hussain. (2008). "Cabaran Politeknik Sultan Ahmad Shah (POLISAS) Membangunkan Modal Insan Seajar Dengan Keperluan Sektor Industri." International Conference on Education.
- Burridge, P. (2000). Do journey style outdoor education programs lead to change? – What the participants think. *Journal of Outdoor Education*. 1-26.
- Cimatti, B. (2016). Definition, development, assessment of soft skills and their role for the quality of organizations and enterprises. *International Journal for Quality Research*, 10(1), 97-130.
- Conrad, L.H. (1967). LB Sharp's philosophy of education. *Journal of Outdoor Education*, 1(3), 6-8.
- Department of Statistics Malaysia. 2018. <https://www.statistics.gov.my/> [Access on: 26 June 2018]
- Dewey, J. 1998. "The Pattern of Inquiry: From Logic: The Theory of Inquiry (1938)." In *The Essential Dewey: Ethics, Logic, Psychology*.
- Gair, N.P. (1997). Outdoor education. London, UK: Cassell. www.ccsenet.org/ass Asian Social Science Vol. 9, No. 16; 2013
- Gardner, H. (1991). *The unschooled mind: how children think and how schools should teach*. New York: Basic Books Inc.
- Gass, M.A. (1995). Adventure family therapy: An innovative approach answering the question of lasting change with adjudicated youth. *Monograph on Youth in the 1990s*. 4, 103-117.
- Goleman, D. (1995). *Emotional intelligence: Why it can matter more than IQ*. New York: Bantam Books. Chicago.
- Gray, T.L. & Perusco, D. (1993). Footprints in the sand: The value of outdoor education in the school curriculum. *The ACHPER National Journal*, Autumn, 17-20.
- Harmon, P. (1978). The measurement of the Affective domain. *Journal of Physical Education and Dance*, 67(8), 41-44.
- Hattie, J.A., Marsh, H.W., Neill, J.T. & Richard, G.E. (1997). Adventure Education and Outward Bound: Out-of-class Experience that has a Lasting Difference. *Review of Educational Research*, 43-87. <http://dx.doi.org/10.3102/00346543067001043>
- Higgins, P. & Humberstone, B. (1999). Outdoor education and experiential learning in the UK. Germany: Verlag Erlebnispädagogik-Lüneberg.
- Higgins, P & Nicol, R. (2002). *Outdoor Education: Authentic learning in the context of landscape (Volume 2)*. Sweden: Kisa.
- Higher Education Department. 2008. <https://jpt.mohe.gov.my> [Access on: 26 June 2018]

- Karim, F. (2004). Bangsa Malaysia: A reality in community patterns. Article presented at the Congress of Education, Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. 3 to 5 August 2004.
- Knapp, C.E. (1981). What is environmental values and ethics in education? In *Accord with Nature: Helping Students Form an Environmental Ethics Using Outdoor Experience and Reflection*. Clearinghouse on Rural Education and Small Schools, Charleston, WV.
- Knapp, C.E. (1990). Processing the adventure experience. In J. Miles & S. Priest (Eds), *Adventure Programming*. State College, PA: Venture Publishing.
- Kolb, D.A. (1984). *Experiential learning: Experience as the source of learning and development*. New Jersey: Prentice-Hall
- Kraft, R. & Sakofs, M. (Eds.). (1991). *The theory of experiential education*. Boulder, CO: Association of Experiential Education.
- Lynch, P. (1993). *Outdoor education: Semantics and definitions*. Christchurch, New Zealand: Lincoln University.
- Mazuki Mohd Yasim, Azlizam Aziz, Md Amin Md Taf and Jaffry Zakaria. (2014). Outdoor education: Its relations to outdoor recreation. *Malaysian Journal of Sport, recreation and Education-2014*, 1(1). 60-64.
- Mohd Faizullah Bin Mohamed, (2014). Penerapan kemahiran insaniah dalam konteks membina insan berkepemimpinan di kalangan pelajar melalui aktiviti kokurikulum di universiti. <https://www.researchgate.net/publication/269405582> [Access on: 6 June, 2018]
- Noh, N.C.M. (1982). A study on the effect of participation in sports and some social psychological variables on adjustments and academic Achievement. Washington, DC: National University of Malaysia.
- Noh, N.C.M. (1985). Some considerations in the management and administration of co-curricular programs in schools. *Journal of the Ministry of Education Malaysia*, 67.
- Norliana Hashim dan Chang P.K. (2016). STOPS: Merungkai isu kebolehpasaran graduan di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysia Journal of Communication*. Jilid 32 (2) 2016: 139-164
- Norliza Mohd Zain, Velantina Aspah, Nor Aina Mohmud, Normazni Abdullah & Mansoureh Ebrahimi. (2017). Challenges and Evolution of Higher Education in Malaysia. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. Vol. 4, No. 1-1, 78-87.
- Islam, R. (2011). Prioritizing the nine challenges of Malaysia Vision 2020. *Proceeding of the International Symposium on the Analytic hierarchy Process 2011*. 1-27.
- Siti Hajar Abdul Rauf & Maimunah Abdul Rauf. (2012). Keberkesanan Program Skim Latihan Graduan bagi Mengurangkan Kadar Pengangguran dalam Kalangan Siswazah, *JURNAL ISLAM dan Masyarakat Kontemporari* Jilid 5 (Julai), 2012, 3-12.

Vasudevan T.A. (1991). Extra-curricular activities, supervision and administration. New York: Oxford University Press.

Ministry of Education. (1998). Syllabus for Health and Physical Education for Secondary Schools. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Vasudevan, T.A. (1989). Asas Pendidikan Jasmani. 4th ed. Petaling Jaya, Malaysia: Fajar Bakti.

Walker, V.N. (2002). "Office of Co-Curricular Life." Sweet Briar: Sweet Briar College. <http://sbc.edu/cocurricular/about/>. Access on 10th June 2016.

Wagner, R.J. & Roland, C.C. (1992). How effective is outdoor training? Training and Development. 61-66. July.

Author' Profile :

Kasawani Ibrahim

*Centre for Fundamental & Liberal Education,
Universiti Malaysia Terengganu
Kuala Terengganu, Terengganu*

Masduki Mohammad Morni

*Centre for Fundamental & Liberal Education,
Universiti Malaysia Terengganu
Kuala Terengganu, Terengganu*

Mohd Yusri Ibrahim

*Centre for Fundamental & Liberal Education,
Universiti Malaysia Terengganu
Kuala Terengganu, Terengganu*

Mohammad Mahdi Abas

*Centre for Fundamental & Liberal Education,
Universiti Malaysia Terengganu
Kuala Terengganu, Terengganu*

Azza Jauhar Ahmad Tajuddin

*Centre for Fundamental & Liberal Education,
Universiti Malaysia Terengganu
Kuala Terengganu, Terengganu*

Azhar Mohd Sinin

*Centre for Fundamental & Liberal Education,
Universiti Malaysia Terengganu
Kuala Terengganu, Terengganu*

Hamdan Aziz

Centre for Fundamental & Liberal Education,

*Universiti Malaysia Terengganu
Kuala Terengganu, Terengganu*

Mat Rahimi Yusof
*School of Education & Modern Language
Universiti Utara Malaysia
Sintok, Kedah*

POTENSI DAN CABARAN DI DALAM PROSES PEMBANGUNAN BELIA POSITIF (PYD) DI KALANGAN BELIA BERSEKOLAH DI NEGERI SELANGOR

M SYAFIQ RIDZWAN JAMALUDDIN, MOHD MURSYID ARSHAD & SITI RABA'AH HAMZAH

ABSTRAK

Usaha pembangunan belia di Malaysia menuntut kerjasama dan komitmen daripada pelbagai pihak. Kepesatan pembangunan serta keterbukaan fizikal mahupun alam maya menambah kerencaman dan cabaran di dalam usaha memperkasa dan mengupaya potensi belia sejak dari awal. Di negeri Selangor sahaja, sehingga Jun 2019 seramai 207,228 murid terdiri daripada kumpulan belia bersekolah yang berumur di antara 15 hingga 18 tahun. Seperti yang terkandung di dalam Dasar Belia Malaysia (2015), Pembangunan Belia Positif, (PYD) merupakan teras pertama dalam memperkasa dan membangun potensi belia di Malaysia. Pembangunan Belia Positif (PYD) ditakrifkan sebagai pencapaian belia yang memiliki pengetahuan, tingkah laku, kompetensi dan sikap positif berlandaskan hubungan di antara individu dan konteks yang menyumbang kepada pembangunan sendiri, keluarga, komuniti serta masyarakat awam. Pada masa yang sama, selaras dengan pindaan baharu 2019 Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia, yang menurunkan had umur belia kepada diantara 15 hingga 30 tahun, serta pindaan Perlembagaan Persekutuan yang telah meminda had umur mengundi kepada umur 18 tahun, menuntut suatu kajian empirikal dan pelan tindakan khusus bagi memperkasa golongan belia awal sebagai pelapis tampuk kepimpinan serta modal insan yang berkualiti. Selain itu, Teori Sistem Ekologi mencadangkan pembangunan manusia adalah hasil daripada interaksi diantara manusia dan persekitaran. Justeru, kertas konsep ini membincangkan potensi pemeraksanaan aset dalam dan aset ekologi dalam usaha pendayaupayaan kelompok belia bersekolah yang akan menyumbang kepada pembangunan karekter serta membantu didalam usaha pembinaan Pembangunan Belia Positif (PYD). Tuntasnya kertas konsep ini diharapkan dapat membantu pihak-pihak pemegang taruh di dalam agenda pembangunan belia untuk merangka program-program pembangunan karekter yang lebih berfokus kepada kelompok belia bersekolah berpandukan model PYD.

Kata Kunci: *Pembangunan Belia Positif (PYD), Aset Individu, Aset Ekologi, Teori Sistem Ekologi, Belia Bersekolah*

ABSTRACT

The youth development effort in Malaysia demands the cooperation and commitment of the various parties. Rapid development as well as physical and virtual openness adds to the complexity and challenges of empowering and reaching the potential of our youth from the beginning. In Selangor alone, as of June 2019, a total of 207,228 pupils are made up of 15- to 18-year-old school-aged youths. As embodied in the Malaysian Youth Policy (2015), Positive Youth Development (PYD) is the first core of empowering and building the potential of youth in Malaysia. Positive Youth Development (PYD) is defined as youth achievement with knowledge, behavior, competence and positive attitude based on the relationships between individuals and contexts that contribute to the development of self, family, community and the public. At the same time, in line with the new amendments to the 2019 Youth and Youth Development Act, which reduced the age limit to 15 to 30 years, as well as the amendments to the Federal Constitution, which increased the voting age limit to 18, demanding an empirical study and plan specific actions to empower the early youth as a leader in quality

leadership and human capital. In addition, Ecological Systems Theory proposes that human development is the result of interactions between humans and the environment. As such, this conceptual paper discusses the potential of strengthening internal and ecological assets in the efforts of school-based youth groups to contribute to character development and assist in the development of Positive Youth Development (PYD). The completion of this concept paper is expected to assist stakeholders in the youth development agenda to develop character development programs that focus more on youth groups based on the PYD model.

Keywords: Positive Youth Development (PYD), Individual Assets, Ecological Assets, Ecological Systems Theory, Youth Education

PENDAHULUAN

Usaha pembangunan belia di Malaysia menuntut kerjasama dan komitmen daripada pelbagai pihak. Kepesatan pembangunan serta keterbukaan fizikal mahupun ruang lingkup alam maya menambah kerencaman dan cabaran di dalam usaha memperkasa dan mengupaya potensi belia sejak dari usia awal. Di negeri Selangor sahaja, sehingga Jun 2019 seramai 207,228 murid terdiri daripada kumpulan belia bersekolah yang berumur di antara 15 hingga 18 tahun (Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, 2019). Pembangunan belia di Malaysia hari ini di selaras oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan berpandukan kepada Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015 yang merupakan suatu kerangka dasar komprehensif yang meliputi pelbagai aspek dalam membangunkan modal insan belia. Tiga teras utama yang digariskan di dalam DBM 2015 ini adalah pembangunan belia positif, dari belia untuk belia dan belia sebagai sumber dan aset negara (Dasar Belia Malaysia, 2015).

Pembangunan Belia Positif (PYD) ditakrifkan sebagai pencapaian belia yang memiliki pengetahuan, tingkah laku, kompetensi dan sikap positif berlandaskan hubungan di antara individu dan konteks yang menyumbang kepada pembangunan sendiri, keluarga, komuniti serta masyarakat awam (Lerner at al., 2005; Lerner, Lerner & Benson 2011). Pada masa yang sama, selaras dengan pindaan baharu 2019 Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia, yang menurunkan had umur belia kepada diantara 15 hingga 30 tahun, serta pindaan Perlembagaan Persekutuan yang telah meminda had umur mengundi kepada umur 18 tahun, menuntut suatu kajian empirikal dan pelan tindakan khusus bagi memperkasa golongan belia awal sebagai pelapis tampuk kepimpinan serta modal insan yang berkualiti.

Pembangunan seseorang individu tidak akan berlaku tanpa sokongan dan hubungan dengan aktor sosial yang lain. Individu yang membangun dengan positif sentiasa berinteraksi secara dwiarah dengan komponen kontekstual dan lingkungan ekologi yang paling hampir hingga yang terjauh serta mampu memberi sumbangan diantara keduanya. Teori Sistem Ekologi mencadangkan pembangunan manusia adalah hasil daripada interaksi diantara manusia dan persekitaran (Bronfenbrenner, 1979). Teori ini menekankan setiap lapisan persekitaran mempengaruhi pembangunan individu secara mikrosistem, mesosistem, eksosistem, makrosistem dan kronosistem.

Oleh yang demikian, kertas konsep ini bertujuan untuk membincangkan cabaran dan potensi usaha pemerkasaaan aset dalaman dan aset ekologi seperti yang dibincangkan berdasarkan model Pembangunan Belia Positif (PYD) serta hubung kait diantara Teori Sistem Ekologi oleh Bronfenbrenner, (1979) yang akhirnya akan membantu didalam usaha pembangunan kelompok belia bersekolah di negeri Selangor. Selain itu, perbincangan juga berfokus kepada apakah aset ekologi lain yang berperanan dalam menyediakan peluang dan mendeda upayakan kelompok belia bersekolah di Negeri Selangor serta menyumbang kepada pembangunan karakter individu, keluarga, komuniti dan negara. Tuntasnya, kertas

kerja konsep ini juga berhasrat untuk membantu Kementerian Belia dan Sukan Malaysia serta Kementerian Pelajaran Malaysia dalam merangka program-program pembangunan karakter yang lebih berfokus kepada kelompok belia bersekolah berpandukan model PYD.

SOROTAN LITERATUR

Pembangunan Belia Positif (PYD)

Pembangunan Belia Positif (PYD) ditakrifkan sebagai pencapaian belia yang memiliki pengetahuan, tingkah laku, kompetensi dan sikap positif berlandaskan hubungan di antara individu dan konteks yang menyumbang kepada pembangunan sendiri, keluarga, komuniti serta masyarakat awam (Lerner *et al.*, 2005; Lerner, Lerner & Benson 2011). Menurut Lerner *et. al.* (2015), interaksi antara individu dan konteks menyebabkan berlakunya proses *plasticity* (perubahan) dalam pembangunan manusia yang secara langsung membentuk potensi individu kearah positif. Terdapat lima komponen utama yang digariskan di dalam model PYD ialah adalah kompetensi (*competence*), keyakinan (*confidence*), karakter (*character*), pengikatan (*connection*) dan kasih sayang (*caring*) atau ringkasnya '5C' (Lerner *et. al.*, 2005; 2011; 2013; Agans *et. al.*, 2014). Pembentukan nilai '5C' ini perlu didorong oleh pembangunan 2 aset utama terlebih dahulu iaitu aset individu serta aset ekologi (Lerner *et al.*, 2005; Agans *et. al.*, 2014). Menurut Benson, Scales dan Syversten (2011), aset individu dalam PYD adalah aset kemahiran, kompetensi serta nilai belia yang boleh dibangunkan melalui komitmen untuk belajar, nilai, kompetensi sosial dan identiti yang positif. Sementara aset ekologi merupakan akses belia untuk memperoleh kemahiran kehidupan, membina dan mengekalkan hubungan (Agans *et. al.*, 2014).


Golongan belia ini juga merupakan aset dan sumber yang seharusnya dibangunkan serta di perkasa, golongan ini merupakan agen yang dapat memberi sumbangan kepada individu serta konteks ekologi yang disosialisasikan mereka (Jelicic, Bobek, Phelp, Lerner & Lerner, 2007; Lerner, Almerigi Theokas & Lerner, 2005; Lerner, Dowling & Anderson, 2003). Setiap Belia mempunyai kekuatan dan aset tersendiri yang harus dipupuk dan disemai untuk memastikan aset tersebut dipraktikkan dengan kaedah yang sesuai terhadap keperluan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Kedua-dua aset dalaman dan luaran yang dibangunkan mampu mengembangkan dan memperkasa potensi belia itu sendiri (Theokas, Almerigi, Lerner, Dowling, Benson, Scales & Von Eye, 2005).

Selaras dengan kepesatan globalisasi, berlaku perubahan nilai dan budaya yang dicerminkan oleh golongan belia yang mana mempengaruhi gaya hidup seharian mereka. Hal ini disokong oleh dapatan kajian yang dilakukan oleh Taylor Nelson Sofres Malaysia dengan kerjasama Yayasan Belia Asia (2012), yang mendapati terdapat perubahan dalam gaya pemikiran dan cara bersosial para belia di Malaysia yang meliputi pandangan mengenai identiti diri, nilai kekeluargaan, perpaduan, kesihatan, penglibatan dalam aktiviti fizikal, keagamaan, dan perkongsian maklumat di dalam kalangan belia (Indeks Belia Malaysia 2015, ms 16). Secara umumnya gaya pemikiran dan gaya hidup generasi belia di Malaysia kini banyak dipengaruhi oleh transformasi sosial yang berlaku dan berkembang di sekeliling mereka.

Dapatan kajian Indeks Belia Malaysia 2015 yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) mendapati bahawa kelompok belia awal iaitu belia yang berumur antara 15 hingga 18 tahun mempunyai skor keseluruhan pada skala sederhana iaitu 69.44. Domain Pembangunan Kendiri, Domain Identiti dan Domain Potensi Diri antara yang terendah di tahap sederhana dengan skor kurang daripada 70 (Indeks Belia Malaysia 2015). Indeks Belia Malaysia adalah suatu petunjuk kepada kesejahteraan hidup generasi belia di Malaysia. Ianya dibangunkan bertujuan untuk pemegang taruh yang

berkaitan dengan pembangunan belia agar lebih sensitif dengan perubahan indikator yang diukur, disamping membantu pelbagai pihak dalam menilai semula keberkesanan program yang dilaksanakan serta menambahkan program akan datang.

Usia remaja merupakan suatu tempoh pembangunan yang kompleks daripada segi mental, fizikal dan sosial (Casey & Jones, 2008). Tempoh transisi ke alam dewasa ini melibatkan pelbagai perubahan yang menuntut belia untuk membuat keputusan yang berisiko, namun kadangkala ianya juga mampu memberi peluang kepada pembentukan karakter positif di kalangan belia (Ernst, Pine & Hardin, 2006; Silveri, Tzilos, Pimentel & Yurgelum-Todd, 2004; Steinberg L, 2004). Pembangunan karakter kelompok belia awal amat berkait rapat dengan lingkungan persekitaran sosial mereka. Usia remaja adalah tempoh perkembangan yang sangat dipengaruhi oleh persekitaran luaran dan merupakan tempoh dimana kelompok belia membina identiti mereka melalui aktiviti perkumpulan (Steinberg L, 2004), dan kebiasaannya waktu ini pengaruh perubahan perkembangan belia bertukar fokus daripada sistem keluarga kepada sistem jaringan rakan sebaya (Wyn & White, 1996). Oleh kerana kesan pengaruh yang kuat diantara persekitaran sosial dan pembangunan belia, suatu kajian perlu dilakukan sebagai langkah intervensi dan meneroka potensi pembangunan belia positif dikalangan kelompok belia awal ini. Pembangunan belia yang berkesan dalam mempromosikan PYD berlaku melalui tiga elemen utama iaitu penerusan perhubungan yang positif diantara golongan dewasa dan belia, aktiviti pembinaan kemahiran serta penglibatan dan kepimpinan belia (Lerner, Brittan & Fay, 2007) seperti dalam Rajah 1:



Rajah 1: Model Pembangunan Belia Efektif (Lerner, Brittan & Fay, 2007)

Model pembangunan belia positif (PYD) seperti yang telah diterangkan melibatkan pengukuhan aset individu dan aset ekologi bagi melahirkan belia yang positif menuntut suatu kajian dijalankan bagi melihat sejauh mana institusi sekolah mampu menyediakan ekosistem yang positif kepada pembangunan belia di Negeri Selangor. Membangunkan pengetahuan, tingkah laku, kompetensi dan sikap positif adalah elemen terpenting dalam sesebuah proses pembangunan belia yang turut diperlukan di dalam pembinaan PYD (Silbereisen & Lerner, 2007; Lerner *et. al.*, 2005; 2011). Oleh yang demikian, pengukuhan elemen '8C' melalui persekitaran sekolah yang positif memerlukan dapatan empirikal bagi menyokong andaian awal bahawa institusi sekolah berpotensi menjadi pemangkin dalam pembinaan PYD di kalangan belia bersekolah.

Dasar Belia Malaysia 2015 mengkategorikan belia di Malaysia kepada lapan kumpulan sasaran berdasarkan peringkat umur, salah satu daripadanya adalah kelompok belia bersekolah yang terdiri daripada peringkat belia amal yang berumur daripada 15 hingga 18 tahun. Umum mengetahui bahawa sebahagian besar kelompok belia awal ini menghabiskan


masa disekolah samada mengikuti proses pembelajaran mahupun proses kokurikulum yang membentuk pembinaan karakter belia. Institusi sekolah mempunyai potensi dan peluang yang besar untuk bertindak sebagai pusat mempromosi dan memperkasa pembangunan belia positif (PYD) (Gomez & Ang, 2007). Pengalaman positif di sekolah serta peluang berinteraksi sosial di sekolah menyumbang kepada pembangunan positif (Olsson, Bond, Burns, Vella-Brodrick & Sawyer, 2003). Sekolah juga mampu menyediakan warga yang positif, persekitaran dan kawasan yang positif, dan peluang yang positif kepada belia untuk membantu pembangunan belia positif (PYD) (Pittman *et. al.*, 2003; Roth, Brooks-Gunn, Murray & Foster, 1998). Di negeri Selangor sahaja, sehingga Jun 2019 seramai 207,228 murid terdiri daripada kumpulan belia bersekolah yang berumur di antara 15 hingga 18 tahun (Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, 2019). Organisasi seperti sekolah boleh dimodelkan dengan menggunakan Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner dan dianalisis menggunakan teori kerumitan sebagai alternatif yang sesuai dan berguna kepada model linear yang sering menjadi asas penyelidikan dan dasar pendidikan (Eileen S. Johnson, 2008). Hal ini menuntut suatu kajian dan pelan tindakan khusus bagi membangunkan dan memperkasa potensi belia bersekolah.

Teori Sistem Ekologi

Peranan belia sebagai aset dan sumber yang penting menyebabkan pembangunan mereka perlu disediakan, dibangunkan, difahami secara teori dan praktis (Lerner & Steinberg 2009; Lerner *et. al.*, 2005) supaya mereka mampu membangun dengan maju, sihat dan berjaya (Scales, Benson & Roehlkepartain, 2011; Lerner, Dowling & Anderson, 2003). Belia yang membangun, berkembang, berjaya dan bersedia menghadapi alam dewasa merupakan belia yang mampu membangunkan dirinya sendiri serta menyumbang kepada konteks ekologi yang paling hampir seperti keluarganya serta ibu bapa, diikuti dengan rakan sebaya, institusi komuniti dan sebagainya yang mempengaruhi pembangunan belia untuk berkembang secara positif (Bowers, Geldhof, Johnson, Lerner & Lerner, 2014). Keperluan aset ekologi terhadap pembangunan belia memerlukan kekuatan individu belia itu sendiri untuk membangun dan berkembang baik. Gabungan aset individu dan ekologi (ibubapa, rakan sebaya dan institusi) dapat membangunkan spiritual dan amalan keagamaan seseorang belia yang boleh mempengaruhi pembangunan belia positif (King & Roeser, 2009).

Teori Sistem Ekologi yang diperkenalkan oleh Urie Bronfenbrenner pada tahun 1979 boleh diperhalusi untuk memahami konteks serta dinamik pembangunan individu yang dipengaruhi oleh kualiti dan konteks persekitarannya (Härkönen, 2007). Kebarangkalian kerumitan wujud sejak daripada struktur perkembangan dan kematangan fizikal serta kognitif individu (Paquette & Ryan 2001). Teori Bronfenbrenner (1979) memberikan penekanan kepada perkembangan manusia dan mengikuti perkembangan seseorang sehingga menjadi ahli masyarakat yang kompeten. Di Finland misalnya, teori ini dijadikan asas dan diaplikasi di dalam bidang psikologi dan pedagogi dalam perkembangan pendidikan dan pelajaran.

Menurut Bronfenbrenner (1979), pembangunan dan sosialisasi dipengaruhi oleh kelebaran bulatan yang berlainan dalam lingkungan interaksi yang mana seseorang individu berada di dalam hubungan yang aktif. Ini termasuk dengan tiga andaian yang signifikan iaitu: 1) Seseorang individu itu merupakan pemain yang aktif yang mempengaruhi persekitarannya, 2) Persekitaran mempunyai tarikan untuk seseorang individu itu menyesuaikan diri dan 3) Persekitaran difahami terdiri daripada entiti yang pelbagai saiz yang diletakkan satu di dalam yang lain (Bronfenbrenner, 1979; Saarinen *et. al.*, 1994). Rajah 2 menunjukkan bulatan perhubungan Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner



Rajah 2: Model Perhubungan Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner (Bronfenbrenner, 1979)

Menurut Teori Ekologi Bronfenbrenner (1989), terdapat empat lapisan sistem persekitaran yang berinteraksi secara kompleks dan berupaya mempengaruhi dan dipengaruhi oleh perkembangan seseorang. Beliau kemudian menambah lapisan kelima yang terdiri daripada unsur masa, Kronosistem (Bronfenbrenner, 1995). Teori ini amat sesuai untuk menerangkan perhubungan kompleks diantara sekolah-sekolah di sesuatu daerah. Perincian untuk setiap daripada empat lapisan sistem pada Rajah 2 diterangkan di bawah.

Mikrosistem

Mikrosistem ditakrifkan sebagai corak aktiviti, peranan, serta pengalaman hubungan interpersonal yang dialami oleh individu yang sedang membangun dalam suasana, ciri-ciri fizikal, material, personaliti, dan sistem kepercayaan yang tertentu (Bronfenbrenner, 1995, p. 227). Tuntasnya, lapisan ini membentuk satu set struktur yang berhubungan secara langsung dengan seseorang belia yang mana pengaruh antara belia dan struktur ini adalah secara dwi-arah. Seseorang itu mampu mempengaruhi dan dipengaruhi oleh mikrosistem. Di dalam perbincangan teori ini, dengan meletakkan belia bersekolah sebagai subjek kajian, mikrosistem yang terlibat termasuklah, ibu bapa, ahli keluarga, institusi sekolah, pihak pentadbiran, guru, dan masyarakat sekitarnya.

Mesosistem

Mesosistem terdiri daripada hubungan antara mikrosistem (Bronfenbrenner, 1995, ms 227). Mesosistem mempengaruhi setiap unsur secara dwi-arah diantara pelbagai struktur ini. Paquette dan Ryan (2001) mendefinisikan mesosistem sebagai lapisan yang menghubungkan antara mikrosistem belia itu sendiri, seperti hubungan di antara guru dan ibu

bapa atau insitisi kekeluargaan dan kejiiranannya.

Eksosistem

Eksosistem mewakili sistem sosial yang lebih besar merangkumi peristiwa, keputusan, dan dasar di luar pengaruh dan kawalan seseorang belia. Eksosistem bertindak secara satu arah sama ada secara langsung atau tidak langsung. Eksosistem seseorang belia boleh terdiri daripada struktur seperti, undang-undang tempatan dan polisi, struktur sosioekonomi tempatan dan sebagainya (Eileen S. Johnson, 2008).

Makrosistem

Makrosistem boleh dianggap sebagai “social blue-print” sesebuah masyarakat, atau dalam konteks sosial yang lebih luas ianya terdiri daripada corak dan nilai-nilai yang menyeluruh, sistem kepercayaan, gaya hidup, ideologi serta adat budaya. Lapisan ini dianggap mempunyai pengaruh satu arah bukan sahaja kepada belia, malah kepada lapisan mikro, meso-, dan eksosistem belia itu juga. Makrosistem belia bersekolah tidak hanya berkaitan dengan iklim budaya, politik, sosial, dan ekonomi komuniti tempatan, tetapi pada negara secara keseluruhannya.

PERBINCANGAN

Program-program penyerlahan potensi dan mendaya upaya belia mampu memberi impak positif kepada pembangunan belia. Belia yang terlibat dalam aktiviti berstruktur seperti sukan, kelab, program belia, dan lain-lain lebih cenderung mengalami perubahan positif daripada mereka yang menghabiskan masa mereka dengan rakan-rakan mereka (Mahoney & Stattin, 2000). Walau bagaimanapun, bentuk program yang berbeza dari segi reka bentuk dan kualiti, menuntut para pengamal untuk mengenal pasti dan melaksanakan aktiviti pembangunan belia yang terbaik. Pelbagai kajian dalam usaha mengenal pasti amalan yang berkaitan dengan program-program yang baik (Catalano, Berglund, Ryan, Lonczak, & Hawkins, 2002; Eccles & Gootman, 2003), namun pelaksanaannya tidak semudah yang disangka.

Berdasarkan pemahaman daripada Teori Sistem Ekologi yang diterangkan sebelum ini, proses pembangunan potensi di dalam kelompok belia bersekolah mempunyai hubungkait yang kuat diantara seseorang individu dan unit mikrosistemnya iaitu institusi keluarga, sekolah, institusi keagamaan serta rakan sebaya. Umum mengetahui, sebahagian besar masa kelompok belia bersekolah ini dihabiskan di sekolah samada untuk mengikuti proses pembelajaran mahupun aktiviti kokurikulum yang membantu di dalam pembentukan karakter belia. Justeru, secara logiknya pengalaman dan proses yang berlaku di institusi sekolah mempengaruhi perkembangan belia serta memberi kesan yang signifikan kepada masyarakat. Bagaimana sekolah menyumbang kepada pembangunan belia dan bagaimana proses yang berlaku di sekolah akan mempengaruhi apa yang berlaku di dalam masyarakat menuntut suatu kajian yang terperinci oleh para pemegang taruh pembangunan belia. Sekolah juga merupakan tempat di mana seseorang individu akan memperoleh dan memperkembangkan karakter dan nilai (Zeigler J. M, 2004).

Pelbagai program telah, sedang dan akan dilaksanakan di peringkat kementerian dan agensi membuktikan usaha yang dimainkan oleh kerajaan memperkasa dan mendaya upaya golongan belia bersekolah ini. Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang pernah dijalankan suatu masa dahulu merupakan antara program yang baik bagi mencungkil potensi belia-belia walaupun terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaannya. Program Rakan Muda yang amat terkenal dan aktif dahulu dilihat memberi impak yang sangat baik di dalam usaha pembangunan belia yang positif. Program Rakan Muda ini adalah salah satu contoh bagaimana Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner diterjemahkan kepada praktis dengan

menembusi serta menggerakkan aktiviti pemeraksanaan dan penyerlahan potensi belia di setiap lapisan mikro-, meso-, ekso- serta makrosistem.

Namun, dunia hari ini yang bersifat amat terbuka dan amat dipengaruhi oleh dunia digital dan alam maya dilihat amat kritikal dan perlu ditangani dengan lebih tersusun daripada semua. Belia hari ini terutama golongan belia bersekolah merupakan antara generasi yang menjadikan dunia digital ini sebagai platform mengekspresi diri dan bersosial menuntut usaha yang lebih kreatif untuk menarik minat para belia untuk beraktiviti. Segala konteks ekologi dan kehendak golongan ini perlu difahami di dalam usaha merancang dan melaksana sesuatu program agar ianya tidak berakhir dengan kegagalan.

Pindaan terbaru had umur belia oleh pihak kerajaan baru-baru ini serta pindaan perlembagaan bagi umur mengundi juga perlu diberi perhatian secara serius dan dijadikan sebagai suatu penunjuk indikator utama dalam memastikan program-program pemeraksanaan belia ini mampu memberi impak maksimum kepada para belia bersekolah ini agar golongan ini diperkasa dengan program-program yang berkualiti. Iltizam ini perlu dijadikan fokus utama oleh dua kementerian yang menjadi pemegang taruh utama di dalam agenda pembangunan belia iaitu. Usaha sama diantara kedua-dua institusi ini perlu diolah agar input yang baik melalui penyelidikan para sarjana di Kementerian Pendidikan mampu di terjemahkan oleh golongan pembuat dasar dan pelaksanaan program pemeraksanaan belia di Kementerian Belia dan Sukan.

Program Sekolah Pemimpin Masa Depan (Malaysia Future Leadership School) yang sedang digarap oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan dilihat amat baik namun perlu diperkasa dan ditambah baik dengan modul-modul yang lebih tersusun dan berfokus kepada bidang keutamaan belia seperti yang terkandung di dalam Dasar Belia Malaysia 2015. Pandangan dan sumbang saran daripada semua pemain dan pemegang taruh pembangunan belia perlu dilibatkan dalam usaha memperkasa setiap lapisan sistem ekologi belia itu sendiri yang bagi memastikan impak dan kesan yang menyeluruh kepada pembangunan belia secara amnya.

KESIMPULAN

Program pendayaupayaan dan pemeraksanaan belia yang dirancang dengan baik mampu memainkan peranan penting di dalam usaha penyerlahan potensi belia bersekolah. Semua pihak pemegang taruh agenda pembangunan belia perlu bekerjasama mempromosikan, merencana serta melaksana program yang terbaik. Usaha ini dilihat akan menjadi lebih efektif dengan mengamalkan serta mempraktikkan perspektif yang lebih holistik di dalam agenda perkembangan belia seperti yang dicadangkan melalui Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner dan model Pembangunan Belia Positif (PYD). Berdasarkan kedua-dua perspektif teori dan model ini, semua pemain dan pemegang taruh agenda pemeraksanaan belia perlu mempromosikan interaksi positif antara belia dan aset dalaman melalui pemeraksanaan elemen 8C seseorang individu belia serta aset ekologinya melalui penglibatan keluarga, ibu bapa, komuniti, institusi agama dan sebagainya. Walaupun usaha ini kelihatan terlalu teoretikal berdasarkan kajian yang penyelidikan para sarjana, namun pendekatan sedemikian akan memastikan perancangan dan pelaksanaan program belia yang cenderung untuk mempengaruhi semua lapisan ekologi belia dan memberikan kesan yang lebih menyeluruh. Secara tidak langsung, kertas konsep ini akan membantu kepada penjelasan empirikal melalui penyelidikan terutama di Malaysia perlu diatasi dengan teratur. Bidang penyelidikan berkaitan Pembangunan Belia Positif di Malaysia masih baru dan memerlukan lebih banyak kajian dilakukan supaya dapat membantu pemahaman yang lebih baik tentang subjek ini yang akhirnya dapat disesuaikan dengan budaya dan persekitaran kita.

RUJUKAN

- Agans, J. P., & Geldhof, J. (2012). Trajectories of participation in athletics and positive youth development: The influence of sport type. *Applied Developmental Science*, 16, 151–165.
- Arshad, M. M (2016). Pembangunan Belia Positif melalui Proses Pementoran dalam program Kepimpinan Belia di Malaysia. Serdang, Universiti Putra Malaysia
- Brendan J. Gomez & Patricia Mei-Mei Ang (2007): Promoting Positive Youth Development in Schools, Theory into Practice, 46:2, 97-104
- Bronfenbrenner, U. (1986). Recent advances in research on human development. In R. K. Silbereisen, K. Eyferth, & G. Rudinger (Eds.), *Development as action in context: Problem behavior and normal youth development* (pp. 287-309). New York: Springer.
- Bronfenbrenner, U. (1989). Ecological systems theory. *Annals of child development*, 6, 187-249.
- Bronfenbrenner, U., & Crouter, A. C. (1983). The evolution of environmental models in developmental research. In H. Mussen, *Handbook of child psychology: Vol. I. History, theory, and methods* (pp. 357-414). New York: Wiley.
- Bronfenbrenner, U. (1995). Developmental ecology through space and time: A future perspective. In P. Moen & G. H. Elder, Jr., (Eds.), *Examining lives in context: Perspectives on the ecology of human development* (pp. 619-647). Washington, DC: American Psychological Association.
- Catalano, R. F., Berglund, M. L., Ryan, J. A. M., Lonczak, H. S., & Hawkins, J. D. (2002). Positive youth development in the United States: Research findings on evaluations of positive youth development programs. *Prevention & Treatment*, 5(1), 1-117.
- Catalano, R. F., Berglund, M. L., Ryan, J. A. M., Lonczak, H. S., & Hawkins, J. D. (2004). Positive youth development in the United States: Research findings on evaluations of positive youth development programs. *The ANNALS of the American Academy of Political and Social Science*, 591(1), 98-124.
- Catalano, R. F., & Hawkins, J. D. (1996). The social development model: A theory of antisocial behavior. In J. D. Hawkins (Ed.), *Delinquency and crime: Current theories* (pp. 149–197). New York: Cambridge University Press.
- Dasar Belia Malaysia (2015). Ringkasan Eksekutif: Dasar Belia Malaysia. Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Eccles, J. S., & Gootman, J. A. (2003). *Community programs to promote youth development*. Washington, D.C.: National Academy Press.
- Eileen S. Johnson (2008). Ecological Systems and Complexity Theory: Toward an Alternative Model of Accountability in Education. *International Journal of Complexity and Education*, 5 (1), 1-10.
- Hamzah, S. R. A., Mohamed, N. H., Ismail, I. A., Abu Samah B. (2019). Pembangunan

Belia Positif: Pelajar Kolej Komuniti di Malaysia. *Monograf Penyelidikan*. Serdang. Universiti Putra Malaysia.

- Härkönen, U. (2007). The impact of theories on the early childhood education culture – The impact of the new systems theory on the early childhood education culture. Article in U. Härkönen & E. Savolainen (eds.) *International views on early childhood education*. Ebook. University of Joensuu. Savonlinna Department of Teacher Education. In Press.
- Indeks Belia Malaysia (2015). Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Putrajaya, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Jelicic, H., Bobek, D. L., Phelps, E., Lerner, R. M., & Lerner J. V. (2007). Using Positive youth development to predict contribution and risk behavior in early adolescence: Finding from the first two waves of the 4-H Study of Positive Youth Development. *International Journal of Behavioral Development*, 31 (3), 263-273. doi: 10.1177/0165025407076439
- Kaniūšonytė, G., & Žukauskienė, R. (2017). Relationship with parents, identity styles, and positive youth development during the transition from adolescence to emerging adulthood. *Emerging Adulthood Special Issue*, 1-11. doi: 10.1177/2167696817690978
- King P. E., & Roesner, R. W (2009). Religion and spirituality in adolescent development. In R.M. Lerner & L. Steinberg (Eds.) *Handbook of Adolescent Psychology* (pp 435-478). Hoboken, NJ: John Wiley & Sons, Inc. doi:10.1002/9780470479193.adlpsy001014
- Lerner, R. M., Almerigi, J. B., Theokas, C., & Lerner, J. V. (2005). Positive Youth Development: A view of the issues. *Journal of Early Adolescence*, 25 (1), 10–16.
- Lerner, R. M., Brittan, A., & Fay, K. (2007). Mentoring: A Key Resource for Promoting Youth Development. *Research in Action*, 1(1). 3-15.
- Lerner. R. M (2005). Positive youth development participation in community youth development programs, and community contribution of fifth-grade adolescents: Finding form the first wave of the 4-H study of positive youth development. *The Journal of Early Adolescence*, 25(1) 17-71.
- Lerner R. M., & Steinberg, L. (2009). *Handbook of Adolescent Psychology, Individual Bases of Adolescent Development* (Vol 1). Canada: John Wiley & Sons.
- Mahoney, J. L., & Stattin, H. (2000). Leisure activities and adolescent antisocial behavior: The role of structure and social context. *Journal of Adolescence*, 23(2), 113-127.
- Mat D. Duerden & Peter A. Witt (2010). An Ecological Systems Theory Perspective on Youth Programming. *Journal of Parkland recreation Administration*, 28 (2) 108-120
- Miranda, C. E (2015). Integration of Positive Youth Development in Community Based Youth Development Organizations (doctoral dissertation). Boston University, United States.
- Nissen L. B. (2011). Community-directed engagement and positive youth development: Developing positive and progressive pathways between youth and their communities in reclaiming futures. *Children and Youth Services Review*, 33 (1) S32-S28.

- Paquette, D. & Ryan, J. 2001. Bronfenbrenner's Ecological Systems Theory. Saarinen, P., Ruoppila, I. & Korkiakangas, M. (1994). Problems in Educational Psychology. University of Helsinki: Lahti's Centrum of Education and Research Scales, P. C., Benson, P. L., & Roehlkepartain, E. C. (2011). Adolescent thriving: The role of sparks, relationships, and empowerment. *Journal of Youth and Adolescence*, 40 (3), 263-277
- Silbereisen, R. K. & Lerner R. M. (2007). Approaches to positive youth development. London: Sage Publication.
- Theokas, C., Almerigi, J.B., Lerner, R. M., Dowling, E. M., Benson P. L., Scales, P. C., & von Eye, A (2005). Conceptualizing and modeling individual and ecological asset components of thriving in early adolescence. *The Journal of Early Adolescence* 25(1), 113- 143
- Zeigler J. M. Can High Schools Foster Youth Development? (2004). *The Youth Development Handbook* (pp 127-146). Thousand Oaks, California: Sage Publications, 2004. DOI: <http://dx.doi.org/10.4135/9781452232560.n6>

Profil Penulis:

M Syafiq Ridzwan Jamaluddin, PhD

Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor, Malaysia
syafiqridzwanpeg@gmail.com

Mohd Mursyid Arshad, PhD

Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor, Malaysia

Siti Raba'ah Hamzah, PhD

Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor, Malaysia

KESALAHAN TRAFIK DAN KEMALANGAN JALAN RAYA DI KALANGAN PENUNGGANG MOTOSIKAL SEKOLAH MENENGAH

SHARIFAH LIEW

ABSTRAK

Malaysia merupakan negara ASEAN yang mencatat kadar kematian ketiga tertinggi akibat nahas jalan raya dengan rekod kematian 23.6 per 100 000 populasi selepas Thailand (32.7) dan Vietnam (26.4) (WHO, 2016). Pada tahun 2017, sebanyak 59.2% kes kematian melibatkan penunggang motosikal dan daripada jumlah itu, 1,162 kematian adalah dalam lingkungan umur 16 hingga 20 tahun dan 1,000 kematian berumur 21 hingga 25 tahun (PDRM, 2017). Sebanyak 448 orang pelajar daripada 7 buah sekolah menengah di kawasan Kajang, Semenyih, Bandar Baru Bangi dan Bandar Sungai Long berumur 15 hingga 19 tahun terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa penunggang motosikal yang pernah melakukan kesalahan trafik mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemalangan jalan raya. Antaranya ialah melanggar isyarat lampu ($P=0.002$), menunggang melebihi had laju ($P=0.000$), menggunakan telefon bimbit semasa menunggang ($P=0.006$), memotong di garisan berkembar ($P=0.000$) dan merempit ($P=0.000$). Justeru, di samping usaha untuk memperketatkan penguatkuasaan yang sedia ada, kerajaan juga perlu mempertimbangkan rombakan semula syarat-syarat yang ditetapkan untuk mendapatkan lesen motosikal. Ia termasuklah menetapkan “Ujian Khas” bagi calon untuk mendapatkan lesen motosikal, penetapan waktu menunggang, menyekat menggunakan jalan-jalan tertentu untuk calon yang baru mendapat lesen serta menetapkan syarat untuk mendapatkan lesen motosikal kelas B1 dan kelas B.

Kata Kunci: Penunggang Motosikal, Kemalangan Jalan Raya, Kesalahan Trafik

ABSTRACT

Malaysia is the ASEAN country with the third highest death rate from road crashes with a record 23.6 per 100 000 population deaths after Thailand (32.7) and Vietnam (26.4) (WHO, 2016). In 2017, 59.2% of fatalities involved motorcyclists and out of that, 1,162 deaths were between the ages of 16 and 20 and 1,000 deaths between the ages of 21 and 25 (PDRM, 2017). A total of 448 students from 7 secondary schools in Kajang, Semenyih, Bandar Baru Bangi and Bandar Long Long aged 15 to 19 were involved in the study. The study found that motorcyclists who have committed traffic accidents have a significant relationship with road accidents. These included breaking the light signal ($P = 0.002$), riding above the speed limit ($P = 0.000$), using a mobile phone while riding ($P = 0.006$), cutting in twin lines ($P = 0.000$) and narrowing ($P = 0.000$). Therefore, in addition to efforts to tighten existing enforcement, the government should also consider restructuring the requirements for obtaining a motorcycle license. These include setting up a “Special Test” for candidates to obtain a motorcycle license, setting a riding time, restricting the use of certain routes for a newly licensed candidate and setting conditions for obtaining a B1 and B class motorcycle license.

Keywords: Motorcycle Riders, Road Accidents, Traffic Accidents

PENGENALAN

Penunggang motosikal Malaysia merupakan golongan yang paling dominan terdedah kepada risiko kemalangan jalan raya. Laporan Statistik Perangkaan Polis Diraja Malaysia

(PDRM, 2017), menunjukkan bahawa pada tahun 2017, sebanyak 59.2% (3,991 kematian) adalah melibatkan penunggang motosikal. Daripada jumlah tersebut, 1,090 kematian adalah berumur 16 hingga 20 tahun manakala 989 kematian melibatkan lingkungan umur 21 hingga 25 tahun. Secara puratanya, sebanyak 11 penunggang terkorban di atas jalan raya setiap hari pada tahun yang sama.

Jumlah kematian melibatkan kemalangan jalan raya menunjukkan peningkatan sejak sepuluh tahun lalu, selain tahun 2013, 2014 dan 2017. Jumlah kematian tertinggi yang pernah direkod melibatkan penunggang motosikal adalah pada tahun 2016 iaitu sebanyak 4,077 kes kematian. Pada tahun berikutnya, jumlah kematian menunjukkan sedikit penurunan, akan tetapi angka sebanyak 3,991 kematian yang melibatkan penunggang motosikal masih dikategorikan tinggi berbanding negara-negara jiran seperti Singapura dan Brunei.

Kerajaan kian berusaha untuk menurunkan kadar kemalangan jalan raya dan beberapa polisi dan undang-undang berkaitan dengan keselamatan penunggang motosikal telah dilaksanakan. Antaranya mewajibkan penunggang menyalakan lampu depan dan belakang motosikal tidak kira waktu siang atau malam, mewajibkan memakai helmet yang mempunyai kelulusan SIRIM, membina lorong motosikal di jalan-jalan tertentu yang dikategorikan sebagai "*black zone*" atau kawasan kerap kemalangan dan sebagainya. Akan tetapi, langkah-langkah kerajaan dalam hasrat untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya terutamanya melibatkan penunggang motosikal masih gagal termasuklah dalam menangani isu ini. Ini kerana, kebanyakan kemalangan jalan raya yang berlaku adalah berpunca daripada tingkah laku penunggang itu sendiri.

Tingkah laku di atas jalan raya sering dikaitkan dengan kemalangan jalan raya terutama sekali bagi golongan belia. Kajian dijalankan di Kanada pada tahun 2004 terhadap 1,221 pemandu mendapati bahawa pemandu muda (16 hingga 19 tahun) menunjukkan tingkah laku pemanduan yang lebih berisiko berbanding pemandu yang berusia (45 hingga 54 tahun). Sebanyak 38% pemandu muda memandu secara berisiko demi keseronokan, berbanding cuma 12% yang melibatkan pemandu yang berusia. Selain itu, 90% pemandu muda memandu melebihi had laju berbanding 78% pemandu berusia. Didapati 72% pemandu muda juga melanggar isyarat lampu merah berbanding 66% pemandu berusia. Selain itu, hasil kajian mendapati pemandu muda mencatatkan bilangan saman yang lebih banyak walaupun mereka hanya memandu 300 km sebulan berbanding 1,000 km sebulan bagi pemandu berusia (Beirness, Mayhew, Simpson & Desmond, 2004).

Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti sama ada kesalahan trafik dan faktor demografi mempunyai hubungan dengan pengalaman terlibat dalam kemalangan jalan raya dalam kalangan penunggang motosikal sekolah menengah yang berumur 15 tahun hingga 19 tahun.

SOROTAN LITERATUR

Kajian yang dijalankan oleh Rathinam, Nair, Gupta, Joshi dan Bansal (2007) terhadap 1,760 pelajar di India mendapati pelajar yang berpengalaman lebih dari 3 tahun menunggang motosikal mempunyai 23.4% lebih tinggi untuk terlibat dalam kemalangan berbanding dengan mereka yang mempunyai pengalaman kurang dari 3 tahun. Manakala kajian yang dijalankan oleh Pang, Radin, Azhar, Megat, Nasir dan Harvant (2000) di Malaysia mendapati bahawa penunggang lelaki yang muda, kurang daripada tiga tahun menunggang adalah terdedah kepada risiko kemalangan.

Satu kajian telah dijalankan di Amerika melibatkan 3,547 remaja daripada 41

sekolah (Liberty Mutual Group dan SADD, 2004) mendapati bahawa pelajar sekolah menengah mempunyai tingkah laku yang tidak selamat di jalan raya dengan 31% kesalahan adalah tidak memakai tali pinggang keledar, 62% memandu sambil menggunakan telefon bimbit dan 48% memandu melebihi had laju. Tingkah laku pemanduan yang tidak selamat dalam kalangan pelajar sekolah menengah ini dipengaruhi oleh tingkah laku pemanduan ibu bapa mereka.

Kajian dijalankan oleh Wong, Chung and Huang (2009) terhadap 683 penunggang motosikal yang berumur 18 hingga 28 tahun mendapati 29.3% pernah terlibat dalam kemalangan jalan raya dalam dua tahun yang lalu dan kebanyakannya mengalami cedera ringan (53%) dan diikuti cedera parah (28%), manakala 19% cuma mengalami kerosakan kenderaan. Sebanyak 48.2% pula didapati mempunyai pengalaman melakukan kesalahan trafik. Daripada jumlah tersebut, 26.6% menunggang melebihi had laju, 25.3% melanggar isyarat lampu, kesalahan membelok ke kiri (20.5%), kesalahan membelok ke kanan (19.6%) dan 8% adalah kesalahan tidak memakai helmet.

Ferdosian, Morowatisharifabad dan Rezaeipandari (2015) telah menjalankan satu kajian terhadap 500 penunggang remaja lelaki di Dehaghan, Iran dan mendapati bahawa sebanyak 74.2% penunggang motosikal tidak mempunyai lesen yang sah untuk menunggang. Secara puratanya, umur buat pertama kali menunggang motosikal adalah 11.97 ± 1.97 tahun dan berumur antara umur 8 hingga 17. Kajian juga mendapati bahawa kebanyakan daripadanya menunggang motosikal adalah atas faktor keseronokan dan hiburan (54.2%). Penunggang remaja tanpa lesen di bandar adalah lebih banyak berbanding di luar bandar. Kajian yang dijalankan oleh Knight, Iverson, dan Harris (2012) di Australia mendapati bahawa remaja yang menunggang tanpa lesen di kawasan luar bandar terdedah kepada risiko kemalangan jalan raya. Remaja yang sering menunggang laju di kawasan luar bandar cenderung terdedah kepada hazard yang tinggi. Kajian ini mendapati bahawa pengalaman menunggang adalah tidak mencukupi untuk mengurangkan risiko kemalangan. Pengalaman menunggang harus diiringi dengan amalan memandu yang selamat seperti yang diamalkan semasa proses pengambilan lesen menunggang.

Manakala kajian yang dijalankan oleh Chang dan Yeh (2007) menunjukkan bahawa penunggang perempuan yang muda dan kurang berpengalaman terdedah kepada risiko terlibat dalam kemalangan jalan raya. Ini disebabkan oleh kemahiran menunggang yang lemah dan kurang berpengalaman. Kajian yang dijalankan oleh Yeh, Chang, dan Chang (2008) di Taiwan mendapati kecenderungan ibu bapa yang berfikir terbuka menjadi salah satu faktor yang menggalakkan anak mereka menunggang tanpa lesen. Remaja seakan-akan tidak peduli bahawa mendapatkan lesen menunggang itu adalah satu keperluan.

Kajian yang dijalankan oleh Pitaktong, Manopaiboon, Kilmarx, Jeeyapant, Jenkins, Tappero dan Griensven (2004) di Utara Thailand mendapati kebanyakan remaja yang tidak memakai helmet semasa menunggang adalah di kalangan umur 15 hingga 18 tahun.

METODOLOGI KAJIAN

(i) Reka Bentu Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah semi-kuantitatif berdasarkan borang kaji selidik. Kelulusan untuk menjalankan kajian ini diperolehi daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah-sekolah yang terlibat. Kajian ini dijalankan pada waktu pagi selepas perhimpunan sekolah dan selepas waktu sekolah. Borang kaji selidik disediakan dalam Bahasa Malaysia dan cara-cara untuk menjawab disampaikan oleh *enumerator* sebelum sesi menjawab kaji selidik. Responden terdiri daripada pelajar sekolah menengah yang menunggang motosikal dan

berumur antara 15 tahun hingga 19 tahun. Sebanyak 448 pelajar dari 7 sekolah di kawasan Kajang, Semenyih, Bandar Baru Bangi dan Bandar Sungai Long terlibat dalam kajian ini. Responden terdiri daripada mereka yang mempunyai lesen dan tidak mempunyai lesen menunggang yang sah.

(ii) Instrumen

Borang kaji selidik ini terdiri daripada tiga bahagian iaitu latar belakang responden, pengalaman terlibat dalam kemalangan jalan raya dan kesalahan tingkah laku. Latar belakang responden termasuk umur, jantina, pengalaman menunggang, pemilikan lesen, pengalaman di saman dan reaksi ibu bapa terhadap menunggang tanpa lesen. Bahagian dua adalah berkenaan butiran pengalaman terlibat dalam kemalangan jalan raya termasuk kekerapan kemalangan tahap kecederaan yang pernah dialami, umur ketika kali pertama terlibat kemalangan dan sebagainya. Manakala bahagian tiga meliputi kesalahan trafik yang pernah dilakukan oleh responden semasa menunggang seperti melanggar isyarat lampu, menunggang melebihi had laju, membuat pusingan “U” secara tidak sah, menggunakan telefon bimbit, memotong di garisan berkembar serta merempit (*illegal racing*).

(iii) Prosedur

Borang kaji selidik diedarkan ke 7 sekolah menengah di sekitar Kajang, Semenyih, Bandar Baru Bangi dan Bandar Sungai Long (Jadual 1). Pungutan data dijalankan di dalam sekolah dan di sekitar parkir motosikal di dalam dan luar kawasan sekolah. Pungutan data dalam sekolah dijalankan dengan bantuan oleh guru disiplin atau guru kaunseling. Seramai 30-40 pelajar dikumpulkan di dalam dewan atau bilik kelas sebelum sesi menjawab soal selidik dimulakan yang mengambil masa antara 20 hingga 25 minit. Manakala pungutan data dijalankan di sekitar parkir motosikal dalam dan luar sekolah ketika pelajar baru sampai ke sekolah atau selepas waktu sekolah dan masa bagi setiap responden untuk jawab adalah 15-20 minit.

Jadual 1 :Jumlah Responden Mengikut Sekolah

No.	Sekolah	Bilangan Responden
1	Sekolah A	97
2	Sekolah B	83
3	Sekolah C	29
4	Sekolah D	98
5	Sekolah E	44
6	Sekolah F	42
7	Sekolah G	55
Jumlah		448

(iv) Analisa Kajian

Data yang dipungut dan dianalisa dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS).

DAPATAN KAJIAN

Jadual 2 menunjukkan profil demografi pelajar iaitu jantina, pemilikan lesen, pengalaman menunggang, pengalaman disaman, reaksi ibu bapa terhadap anak mereka menunggang

motosikal dan pengalaman mereka terlibat dalam kemalangan. Sebanyak 448 pelajar yang menunggang motosikal dari 7 sekolah menengah terlibat dalam kajian ini. Sebanyak 54% daripada 361 pelajar lelaki mempunyai pengalaman terlibat dalam kemalangan dan 41.4% daripada 87 melibatkan pelajar perempuan. Bagi pemilikan lesen pula, sebanyak 69.2% pelajar yang mempunyai lesen penuh pernah terlibat dalam kemalangan jalan raya, diikuti pelajar yang tiada lesen (52.6%), lesen “L” (52.5%) dan lesen “P” (48.4%). Bagi pengalaman menunggang pula, sebanyak 56.6% daripada 205 pelajar yang mempunyai pengalaman 4-6 tahun menunggang pernah terlibat dalam kemalangan, diikuti lebih 7 tahun pengalaman sebanyak 51% daripada 51 pelajar dan 1-3 tahun sebanyak 45.1% daripada 191 pelajar. Bagi pengalaman disaman, sebanyak 51.9% daripada 54 orang pelajar yang disaman pernah terlibat dalam kemalangan jalan raya manakala 51.5% daripada 394 pelajar yang terlibat dalam kemalangan adalah mereka yang tidak pernah disaman. Bagi reaksi ibu bapa terhadap anak mereka yang menunggang motosikal ke sekolah, didapati 51.6% daripada 254 orang ibu bapa adalah bersikap “neutral” terhadap anak mereka yang menunggang motosikal dan pernah terlibat dalam kemalangan jalan raya, diikuti “tidak menghalang” sebanyak 50.8% daripada 183 dan “menghalang” 6% daripada 11 orang pelajar mempunyai pengalaman terlibat dalam kemalangan jalan raya.

Jadual 2 Profil Responden dan Pengalaman Terlibat Dalam Kemalangan Jalan Raya

Demografi	Frekuensi	Pengalaman Kemalangan (%)
Jantina		
Lelaki	361	54.0
Perempuan	87	41.4
Pemilikan Lesen		
Tiada Lesen	175	52.6
Lesen “L”	99	52.5
Lesen “P”	181	48.4
Lesen Penuh	13	69.2
Pengalaman Menunggang		
1-3 tahun	191	46.1
4-6 tahun	205	56.6
Lebih 7 tahun	51	51.0
Pengalaman Disaman		
Ya	54	51.9
Tidak	394	51.5
Reaksi Ibu bapa		
Tidak Menghalang	183	50.8
Neutral	254	51.6
Menghalang	11	6.0

Jadual 3 menunjukkan umur pelajar buat pertama kali menunggang motosikal. Didapati umur minimum menunggang motosikal adalah seawal 5 tahun dan umur maksimum adalah 18 tahun. Manakala min purata umur menunggang motosikal bagi 448 pelajar adalah 13.14 tahun.

Jadual 3 :Umur Buat Pertama Kali Menunggang Motosikal

Perkara	Umur (tahun)
Minimum	5
Maksimum	18
Min Purata	13.14

Jadual 4 menunjukkan penglibatan penunggang dalam kalangan pelajar yang terlibat dalam kemalangan mengikut umur. Didapati sebanyak 58.1% yang berumur 19 tahun pernah terlibat dalam kemalangan jalan raya, diikuti 15 tahun (56.3%), 17 tahun (54.9%), 16 tahun (46.7%) dan 18 tahun (38.5%).

Jadual 4 : Pengalaman Terlibat Dalam Kemalangan Jalan Raya Mengikut Umur

Umur (tahun)	Frekuensi	Pengalaman Kemalangan (%)
15	32	56.3
16	120	46.7
17	226	54.9
18	39	38.5
19	31	58.1

Jadual 5 menunjukkan kesalahan trafik yang pernah dilakukan dan penglibatan pelajar dalam kemalangan jalan raya. Didapati majoriti (54.8%) pelajar yang mempunyai pengalaman melanggar isyarat lampu pernah terlibat dalam kemalangan jalan raya dan kajian menunjukkan hubungan signifikan ($p < 0.05$). Sebanyak 56.2% pelajar yang pernah menunggang melebihi had laju mempunyai pengalaman terlibat dalam kemalangan ($p < 0.05$). Bagi kesalahan membuat pusingan “U” secara haram, didapati 53.2% pelajar mempunyai pengalaman ini pernah terlibat dalam kemalangan. Akan tetapi, kajian menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara kesalahan membuat pusingan “U” dan pengalaman terlibat dalam kemalangan. Bagi kesalahan menggunakan telefon bimbit semasa menunggang pula, didapati 59.1% yang mempunyai pengalaman melakukan kesalahan ini pernah terlibat dalam kemalangan ($p < 0.05$). Manakala bagi kesalahan memotong kenderaan di garisan berkembar pula, didapati 59.3% daripada mereka pernah terlibat dalam kemalangan jalan raya dan kajian menunjukkan hubungan yang signifikan ($p < 0.05$). Manakala bagi pelajar yang mempunyai pengalaman merempit (*illegal racing*), didapati 68.1% daripada jumlah tersebut pernah terlibat dalam kemalangan jalan raya dan kajian menunjukkan hubungan yang signifikan antara merempit dan pengalaman terlibat dalam kemalangan ($p < 0.05$).

Jadual 5 Kesalahan Trafik dan Penglibatan Dalam Kemalangan Jalan Raya

Kesalahan Trafik	Frekuensi	Pengalaman Kemalangan (%)	P-value
Melanggar Isyarat Lampu			0.002
Pernah	374	54.8	

Tidak Pernah	74	35.1	
Melebihi Had Laju			0.000
Pernah	349	56.2	
Tidak Pernah	99	35.4	
Pusingan “U” Secara Haram			0.404
Pernah	267	53.2	
Tidak Pernah	181	49.2	
Mengguna Telefon Bimbit Semasa Menunggang			0.006
Pernah	193	59.1	
Tidak Pernah	255	45.9	
Memotong Di Garisan Berkembar			0.000
Pernah	248	59.3	
Tidak Pernah	200	42.0	
Merempit			0.000
Pernah	94	68.1	
Tidak Pernah	354	42.2	

PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, majoriti pelajar lelaki cenderung terlibat dalam kemalangan jalan raya berbanding pelajar perempuan. Ini adalah selaras dengan kajian yang pernah dijalankan oleh Isa, Jawi, Sarani, & Wong (2011). Kajian mendapati bahawa penunggang motosikal lelaki dan muda, mempunyai lesen “P” dan juga tiada lesen, menunggang tanpa helmet dan tidak diikat cenderung terlibat dalam kemalangan jalan raya.

Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa pelajar yang mempunyai pengalaman menunggang 4-6 tahun cenderung terlibat dalam kemalangan iaitu sebanyak 56.6% berbanding 46.1% yang mempunyai pengalaman 1-3 tahun. Ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan oleh Rathinam, Nair, Gupta, Joshi dan Bansal (2007) di India. Kajian Rathinam mendapati pelajar yang mempunyai lebih dari 3 tahun pengalaman menunggang mempunyai 23.4% lebih tinggi untuk terlibat dalam kemalangan berbanding mereka yang mempunyai kurang dari 3 tahun pengalaman menunggang.

Kajian ini mendapati bahawa 52.6% pelajar yang menunggang tanpa lesen mempunyai pengalaman terlibat dalam kemalangan jalan raya. Ferdosian et.al (2015) mendapati bahawa sebanyak 74.2% penunggang motosikal di Iran tidak mempunyai lesen

yang sah untuk menunggang.

Min purata umur bagi pelajar menunggang motosikal dalam kajian ini adalah 13.14 tahun dan umur menunggang adalah seawal 5 tahun. Kajian yang dijalankan oleh Rathinam, Nair, Gupta, Joshi, dan Bansal (2007) di India mendapati bahawa lelaki mula menunggang seawal umur 8 tahun dan min purata umur adalah 11.97 ± 1.97 tahun. Manakala kajian yang dijalankan oleh Yeh dan Chang (2009) mendapati bahawa min purata umur di Taiwan adalah 14 tahun. Kajian yang dijalankan oleh Watson dan Steinhart (2006) mendapati bahawa penunggang motosikal yang menunggang tanpa lesen adalah berkecenderungan tinggi terlibat dalam kemalangan jalan raya. Manakala kajian yang dijalankan oleh Knight, Iverson dan Harris (2012) mendapati penunggang motosikal tanpa lesen yang tinggal di luar bandar cenderung terlibat dalam kemalangan jalan raya.

Kajian ini juga mendapati bahawa sebanyak 56.6% ibu bapa tidak menghalang anak mereka menunggang motosikal sama ada berlesen atau tanpa lesen. Kajian dijalankan oleh Yeh, Chang dan Chang (2008) mendapati bahawa ibu bapa yang berfikiran terbuka adalah salah satu daripada faktor yang mendorong golongan remaja menunggang tanpa lesen. Sikap ibu bapa yang membenarkan anak mereka menunggang tanpa lesen adalah sebab kenapa remaja tidak menghiraukan akan kepentingan untuk mendapatkan lesen sebelum menunggang motosikal di atas jalan raya.

Manakala bagi kesalahan trafik yang dilakukan oleh pelajar dalam kajian ini, didapati pelajar yang pernah melakukan kesalahan melanggar isyarat lampu, menunggang melebihi had laju, menggunakan telefon bimbit semasa menunggang, memotong di garisan berkembar dan merempit mempunyai hubungan yang signifikan dengan pengalaman terlibat dalam kemalangan jalan raya. Kajian yang dijalankan oleh Wong, Chung dan Huang (2010) mendapati bahawa penunggang motosikal muda cenderung melakukan kesalahan melanggar isyarat lampu (25.3%), manakala 26.6% melakukan kesalahan menunggang melebihi had laju. Berdasarkan laporan perangkaan PDRM (2017), didapati bahawa faktor utama yang mendorong kepada kemalangan jalan raya adalah menunggang melebihi had laju (488 kes), melanggar isyarat lampu (268 kes) dan membuat pusingan “U” secara merbahaya (319 kes).

Kajian dijalankan oleh Solimana, Alhajyaseenb, Alfara and Alkaabia (2018) menunjukkan perbezaan yang signifikan antara lima kumpulan umur yang berbeza (kurang 18 tahun, 18 hingga 25, 26 hingga 35, 36 hingga 45, dan 46 hingga 55) terhadap tiga elemen iaitu kesalahan lalu lintas (*violations*), kesilapan (*errors*) dan hilang fokus seketika (*lapses*). Kumpulan umur 18 tahun dan ke bawah menunjukkan sering melakukan tiga elemen dan diikuti kumpulan umur 18 hingga 25 tahun. Tambahan pula, pemandu lelaki yang muda (umur kurang 25 tahun) dan mempunyai tahap pendidikan yang rendah cenderung melakukan kesalahan lalu lintas, kesilapan dan hilang fokus seketika.

CADANGAN DAN KESIMPULAN

Di samping kerajaan memperketatkan penguatkuasaan yang sedia ada dan kempen kesedaran terhadap keselamatan jalan raya di sekolah bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya dalam kalangan belia, kerajaan juga perlu mempertimbangkan rombakan semula syarat-syarat yang ditetapkan untuk mendapatkan lesen motosikal seperti menetapkan ujian khas termasuklah ujian tingkah laku menunggang, ujian persepsi hazard dan sebagainya bagi calon untuk ingin mendapatkan lesen motosikal. Tujuan ujian khas ini dijalankan adalah untuk menguji tahap kesiapan mereka untuk menunggang di atas jalan raya. Selain itu, kerajaan harus menetapkan waktu menunggang bagi mereka yang baharu mendapat lesen “L” dan “P”. Sebagai contohnya, penunggang memiliki lesen ini disekat untuk menunggang pada

waktu malam bermula pukul 12 tengah malam hingga 5 pagi. Ini bertujuan untuk mengelak penunggang yang baharu mendapat lesen terdedah kepada risiko kemalangan pada waktu malam serta mengelak mereka terjerumus dalam kegiatan yang tidak baik seperti merempit. Penunggang yang memegang lesen “L” dan “P” adalah disekat untuk menggunakan jalan-jalan tertentu seperti jalan *expressway* pada bila-bila masa. Di samping itu juga, kerajaan harus menetapkan syarat untuk mendapatkan lesen motosikal kelas B1 (motosikal tidak melebihi 500 psi) dan B (motosikal melebihi 500 psi). Ini kerana, peraturan sedia ada menetapkan bahawa seseorang yang berumur 16 tahun boleh mendapatkan lesen kelas B tanpa perlu mempunyai pengalaman membawa motosikal berkuasa rendah B2 (motosikal tidak melebihi 250 psi). Sebaliknya, kerajaan harus menetapkan syarat seperti; untuk mendapatkan lesen kelas B1 harus mempunyai lesen kelas B2 sekurang-kurangnya 12 bulan. Manakala bagi mereka yang ingin mendapatkan lesen kelas B harus mempunyai lesen B1 sekurang-kurangnya 12 bulan. Kerjasama daripada semua pihak termasuk kerajaan, pihak sekolah, ibu bapa dan belia itu sendiri adalah penting untuk bersama-sama menangani isu kemalangan jalan raya yang semakin meningkat dalam kalangan belia di Malaysia.

RUJUKAN

- Beirness, D.J., Mayhew, D.R., Simpson, H.M. and Desmond, K. (2004). The Road Safety Monitor 2004: Young Drivers. Ottawa: *Traffic Injury Research Foundation*
- Chang, H.-L. and Yeh, T.-H. (2007) “Motorcyclist accident involvement by age, gender, and risky behaviors in Taipei, Taiwan,” *Transportation Research F*, vol. 10, no. 2, pp. 109–122, 2007
- Ferdosian, Z., Morowatisharifabad, M. A., & Rezaeipandari, H. (2015). Unlicensed motorcycling of high school adolescents in Dehaghan county (Isfahan Province of Iran). *Accident Analysis and Prevention*, 75, 211–216.
- Knight, P. J., Iverson, D., & Harris, M. F. (2012). Early driving experience and influence on risk perception in young rural people. *Accident Analysis and Prevention*, 45, 775–781. <https://doi.org/10.1016/j.aap.2011.10.005>
- Isa, M. H. M., Jawi, Z. M., Sarani, R., & Wong, S. V. (2011). Injury severity analysis of accidents involving young motorcycle riders in Malaysia. *Journal of the Eastern Asia Society for Transportation Studies*, 9, 1997–2010.
- Liberty Mutual Group dan SADD.(2000). Teen Driving Study Report Kids Follow Lead of Parents. Retrieved from <http://www.insurancejournal.com/news/national/2004/08/10/44845.htm>
- Pang,T.Y., R.S. Radin Omar, A.A Azhar, M. Megat Ahmad. M.T. Mohad Nasir and S. Harwant (2000). Accident characteristics of injured motorcyclists in Malaysia. *Medical Journal of Malaysia*. Vol55,no.2,pp.45-50
- Rathinam, C., Nair, N., Gupta, A., Joshi, S., & Bansal, S. (2007). Self-reported motorcycle riding behaviour among school children in India. *Accident Analysis and Prevention*, 39(2), 334–339.
- PDRM (Polis Diraja Malaysia) (2017). *Laporan Perangkaan Kemalangan Jalan Raya Malaysia*. Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman. Kuala Lumpur.

- Pitaktong, U., Manopaiboon, C., Kilmarx, P. H., Jeeyapant, S., Jenkins, R., Tappero, J & van Griensven, F. (2004). Motorcycle helmet use and related risk behaviors among adolescents and young adults in Northern Thailand. *Southeast Asian journal of tropical medicine and public health*, 35, 232-241.
- Solimana.A., Alhajyaseenb. W., Alfara. R., Alkaabia.I. (2018). Changes in Driving Behavior Across Age Cohorts in an Arab Culture: the Case of State of Qatar. The 9th International Conference on Ambient Systems, Networks and Technologies (ANT 2018). *Procedia Computer Science* 130 (2018) 652–659.
- Watson, B., Steinhardt, D. (2006). A comparison of the crash involvement of unlicensed motorcycle riders and unlicensed drivers in Queensland. *Proceedings of the 2006 Australasian Road Safety, Research Policing & Education Conference* (Peer reviewed papers). Brisbane: Queensland Transport.
- Wedagama, D. P. (2009). The influence of young and male motorist accident: factors on motorcycle injuries in Bali. *IATSS research*, 33(2), 64-75.
- WHO (World Health Organization). (2016). World Health Statistics 2016: Monitoring health for the SDGs. Retrieved from https://www.who.int/gho/publications/world_health_statistics/2016/Annex_B/en/
- Wong,J.T., Chung Y.S., Huang S.H. (2009). Determinants behind young motorcyclists' risky riding behaviour. *Accident Analysis and Prevention* 42 (2010) 275–281.
- Yeh, T. H., Chang, H. L., & Chang, H. W. (2008). Initial age of unlicensed motorcycling experience for a cohort of high school students. *Accident Analysis and Prevention*, 40(2), 511–517.

Profil Penulis:

Sharifah Liew

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)

Taman Kajang Sentral

43000 Kajang, Selangor

sharifahliew@miros.gov.my

PENGUKUHAN ASET PEMBANGUNAN BELIA POSITIF: PEMBINAAN IDENTITI MELALUI PROSES PEMENTORAN KEPEMIMPINAN BELIA DI MALAYSIA

MOHD MURSYID ARSHAD, ISMI ARIF ISMAIL & ZOHARAH OMAR

ABSTRAK

Proses pementoran kepemimpinan belia berpotensi dalam meningkatkan kesediaan belia untuk memimpin selain membentuk kumpulan pelapis yang akan mengisi barisan kepimpinan negara yang mampu mencorakkan landskap politik, ekonomi, sosial dan teknologi seperti yang digariskan dalam cabaran Dasar Belia Malaysia 2015. Penerusan agenda pembangunan belia memerlukan proses pembangunan identiti dan bakat baharu dalam kepemimpinan belia yang perlu digilap melalui latihan profesional dan pendedahan yang meluas seperti kaedah pementoran. Kajian ini menerokai bagaimana pementoran kepemimpinan belia dapat membangunkan identiti belia yang merupakan salah satu elemen utama dalam pengukuhan aset Pembangunan Belia Positif (PYD). Secara khusus, kajian ini menjawab persoalan sejauhmanakah kaedah pementoran kepemimpinan membantu membangunkan identiti belia? Dengan menggunakan pendekatan penyelidikan kajian kes kualitatif, kajian ini melibatkan 13 informan melalui kaedah pengumpulan data secara temu bual mendalam, pemerhatian turut serta dan analisis dokumen. Dapatan empirikal dari kajian mendapati pementoran telah membangunkan identiti belia dengan membina nilai toleransi, keprihatinan yang mendorong rasa berempati kepada orang lain dan pembinaan filantropi dalam kalangan pemimpin belia. Kesimpulannya, pementoran kepemimpinan berpotensi dalam membina identiti belia yang diperlukan dalam PYD dan secara langsung menyumbang kepada pembangunan kepemimpinan belia Malaysia.

Kata Kunci: Pembangunan Belia Positif, Pembinaan Identiti Belia, Pementoran, Kepimpinan Belia, Aset Belia

ABSTRACT

The process of fostering youth leadership has the potential to increase youth's readiness to lead as well as to form a cohesive group that will fill the national leadership line that can shape the political, economic, social and technological landscape as outlined in the Malaysian Youth Policy Challenge 2015. Continuing the youth development agenda requires an identity development process and new talents in youth leadership that need to be polished through professional training and extensive exposure such as teaching methods. This study explores how youth leadership development can develop youth identity which is one of the key elements in strengthening Positive Youth Development (PYD) assets. Specifically, this study addresses the question of how leadership methods help develop youth identity. Using a qualitative case study research approach, this study involved 13 informants through in-depth interview data collection, participant observation and document analysis. Empirical findings from the study found that youth have developed youth identity by building on the values of tolerance, concern that promotes empathy and the building of philanthropy among youth leaders. In conclusion, leadership training has the potential to build the youth identity needed in PYD and directly contribute to the development of Malaysian youth leadership.

Keywords: Positive Youth Development, Youth Identity Building, Mentoring, Youth Leadership, Youth Assets

PENGENALAN

Kesinambungan kejayaan dan kemakmuran sesebuah negara pada masa kini bergantung kepada aset penting yang dimiliki negara iaitu golongan belia. Penerusan agenda pembangunan belia memerlukan proses pembangunan identiti dan bakat baharu dalam kepemimpinan belia yang perlu digilap melalui latihan profesional dan pendedahan yang meluas. Menurut Cote (2018), pembangunan belia merupakan pendekatan yang berterusan dalam usaha untuk membina identiti belia sebagai transisi perubahan ke alam dewasa dan membantu kepada proses kematangan individu yang holistik termasuk dalam menyediakan pemimpin pelapis melalui pembinaan identiti belia. Proses pembangunan belia merupakan asas kepada penyerlahan potensi belia (Delgado, 2002; Solansky, 2010; Christens & Dolan, 2011; Lerner *et. al.*, 2011; Reagan-Porras, 2013) yang membantu dalam pengukuhan aset belia yang diperlukan dalam pembangunan belia positif (PYD) (Lerner *et. al.*, 2005; Balcazar & Keys, 2013). Walau bagaimanapun, Kress (2006) dan Smith (2014) mendapati kebanyakan pemimpin pada usia belia mempunyai limitasi dalam mempunyai kekuatan yang diperlukan sebagai pemutus keputusan kerana kemahiran, pengalaman, keperluan dan motivasi sebagai pemimpin tidak diperturunkan secara terancang oleh golongan pemimpin dewasa. Kesinambungan proses bimbingan kepemimpinan belia yang tidak terancang menyebabkan pemimpin muda tidak mampu mengawal dan mengatur proses pembangunan komuniti sedia ada menyebabkan belia tidak terikat secara kukuh kepada komuniti (Hastings *et. al.*, 2011).

Situasi yang sama turut dihadapi oleh belia Malaysia berdasarkan kesediaan golongan ini untuk memimpin didapati berada pada tahap yang sederhana (Indeks Belia Malaysia, 2017). Dalam konteks impak pembangunan belia positif, dapatan kajian mendapati domain kompetensi merupakan domain yang terendah dalam kalangan belia Malaysia dan berada pada tahap yang kurang memuaskan (Pembangunan Belia Positif 8C, 2017). Dalam konteks belia di Malaysia, belia didefinisikan sebagai individu seawal usia 15 sehingga 30 tahun seperti yang ditakrifkan dalam Akta 668 Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019. Seperti yang digariskan dalam Dasar Belia Malaysia (2015), belia dipecahkan kepada tiga kumpulan utama iaitu belia awal (15 hingga 18 tahun), belia pertengahan (19 hingga 24 tahun) dan belia akhir (25 hingga 30 tahun). Jika dilihat daripada komposisi belia Malaysia yang diperoleh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2018), jumlah penduduk yang berumur antara 15 hingga 30 tahun adalah dianggarkan seramai 9.14 juta yang mewakili 27.8 peratus daripada keseluruhan 32.86 juta penduduk Malaysia.

Berdasarkan keadaan tersebut, timbul persoalan sejauhmana kesediaan belia Malaysia untuk memimpin seawal usia 15 hingga 30 tahun. Jika dibandingkan dengan kebanyakan negara maju, program pembangunan kepimpinan telah dilaksanakan di peringkat nasional dalam mempersiapkan pemimpin pelapis (Solansky, 2010). Antaranya program '*White House Fellows*' di Amerika Syarikat, program '*Headteacher Trainee*' dan '*Future Leaders*' yang dijalankan oleh *National College for School Leadership* di England (Earley, 2009).

Pembinaan identiti belia adalah merupakan aset dalaman yang boleh dibangunkan dengan sokongan aset ekologi melalui jaringan sosial, institusi, persekitaran serta akses terhadap sumber (Lerner, 2005; Lerner *et. al.*, 2011). Kedua-dua aset tersebut diperlukan dalam PYD (Lerner *et. al.*, 2007; Benson *et. al.*, 2011). Salah satu kaedah yang dicadangkan yang dapat membantu dalam perkembangan PYD adalah kaedah pementoran (Lerner *et. al.*, 2013). Berdasarkan teori pementoran Rhodes (2005), Rhodes dan DuBois (2008), dan DuBois *et. al.* (2011), pembelajaran daripada pementoran dapat menyumbang kepada pembangunan

sosio-emosi, kognitif dan identiti protégé. Walau bagaimanapun, bagaimana proses dalam pementoran kepimpinan benar-benar membantu kepada peningkatan PYD protégé masih kurang jelas. Hanya Lerner *et. al.* (2013) mula membincangkannya tetapi secara konseptual dalam bagaimana pementoran dilihat sebagai sumber penting dalam meningkatkan PYD di mana pementoran berpotensi untuk membentuk sebuah set perhubungan di antara belia dan dunia sosial yang secara langsung akan meningkatkan kemahiran kehidupan belia, menyediakan peluang untuk melakukan sumbangan yang bermakna kepada diri serta masyarakat dan akhirnya membina PYD. Dalam membincangkan proses pembinaan identiti belia sebagai pemimpin di Malaysia, proses pementoran kepimpinan belia berpotensi dalam meningkat kesediaan belia untuk memimpin selain membentuk kumpulan pelapis yang akan mengisi barisan kepimpinan negara yang mampu mencorakkan landskap politik, ekonomi, sosial dan teknologi seperti yang dibincangkan dalam cabaran Dasar Belia Malaysia 2015

Justeru itu, persoalan utama yang dikenalpasti adalah bagaimana kaedah pementoran kepimpinan membantu membangunkan identiti belia? Dengan menggunakan pendekatan kajian kes kualitatif, penerokaan empirikal ini dapat merungkai potensi pementoran dalam menghubungkan belia dengan aset ekologi yang mempengaruhi pembangunan belia positif.


SOROTAN LITERATUR

Teori pementoran dan model pementoran belia

Pementoran adalah sebuah pendekatan yang dibimbing oleh pemudahcara bagi menggalakkan inovasi, pembelajaran dan perkembangan berterusan (Kiltz *et. al.*, 2004). Teori pementoran dinamik menyatakan prinsip pembelajaran pementoran adalah dengan melibatkan hubungan antara mentor dan protégé, di mana pembelajaran protégé adalah berdasarkan pemerhatian dari demonstrasi dan sokongan pembelajaran dari mentor (Balcazar & Keys, 2013). Menurut Balcazar dan Keys (2013), hasil pembelajaran positif dari pementoran dipengaruhi oleh sokongan yang diberikan mentor dan pengalaman yang ditimba oleh protégé. Berdasarkan pendekatan pementoran, belia memerlukan contoh atau *role model* yang boleh diikuti (Garcia, 2009). Justeru, pementoran adalah merupakan sebuah proses pembangunan yang memerlukan penglibatan dan komitmen antara mentor dan protege (DuBois *et. al.*, 2011).

Menurut Balcazar and Keys (2013), hubungan pementoran belia akan menjadi lebih kuat apabila mentor dan protégé meluangkan masa bersama-sama secara konsisten dalam suatu tempoh masa pementoran yang signifikan. Rhodes (2005), Rhodes & Dubois, (2008) with an estimated three million youth in formal one-to-one relationships. Studies have revealed significant associations between youth involvement in mentoring relationships and positive developmental outcomes. These associations are modest, however, and depend on several intervening processes. Centrally important is the formation of close, enduring connections between mentors and youth that foster positive developmental change. Effects of mentoring programs likewise typically have been small in magnitude, but they increase systematically with the use of program practices likely to support relationship development. Gaps between research and practice are evident both in the indiscriminate use of the term mentoring in the prevention field and in a focus on the growth and efficiency of mentoring programs at the expense of quality. Continued expansion of effective mentoring will require a better alignment of research and practice. (PsycINFO Database Record (c) dan DuBois *et. al.* (2011) mencadangkan pembelajaran dari pementoran dapat menyumbang kepada pembangunan sosio-emosi, kognitif dan identiti protégé. Hubungan pementoran belia

diperjelaskan dalam **Rajah 1** berikut:



Rajah 1: Model Pementoran Belia (Rhodes, 2005; Rhodes & DuBois, 2008)

Pementoran boleh berlaku dalam dua keadaan iaitu pementoran formal dan tidak formal (DuBois *et. al.*, 2011), yang kedua-duanya mempunyai perbezaan dalam perkembangan pembelajaran (Parise & Forret, 2008; Pryce & Keller, 2011). Teori pementoran Ragins dan Kram (2007) menyatakan pementoran tidak formal menggalakkan pembelajaran protégé berkembang secara semula jadi terhadap apa yang diketahui dan berdasarkan kepentingan. Sebaliknya dalam pementoran formal, protégé dan mentor dipadankan bersama melalui beberapa proses dengan bantuan sokongan dari sesebuah organisasi (Ragins & Kram, 2007; Eby *et. al.*, 2013). Selain itu, faktor lingkungan antara individu, keluarga dan pengaruh sekeliling turut mempengaruhi hubungan pementoran (Rhodes, 2005; Greeson, 2013).

Dalam konteks pementoran kepemimpinan, pendekatan ini menekankan pengisian pembelajaran secara *one-on-one* terutamanya dalam pementoran tradisional (Reagan-Porras, 2013), iaitu hubungan antara individu *senior* serta berpengalaman yang bertindak sebagai mentor dalam membantu dan membangunkan kerjaya protégé (Ragins & Kram, 2007; Eller *et. al.*, 2013). Chaudhuri dan Ghosh (2012) menyatakan pementoran tradisional mewujudkan tanggapan normatif terhadap usia yang bersesuaian untuk menjadi mentor dan protégé agar pementoran tersebut lebih mendalam. Protégé akan melalui pengisian yang lebih mendalam melalui pembelajaran *incidental* (Erikson, McDonald & Elder, 2009).

Pembangunan Belia Positif (PYD)

Perspektif PYD pada awalnya tercetus dari konsep psikologi positif yang terbentuk hasil perbandingan psikologis dan biologis yang mengkaji plastisiti (*plasticity*) dalam proses pembangunan yang muncul daripada proses gabungan tersebut. Bagi mengaitkan konsep penjaan ilmu melalui penyelidikan ini, sistem pembangunan teori seperti pembangunan kontekstualisme individu yang menekankan *plasticity* telah wujud dalam perkembangan manusia. Perspektif terhadap PYD diperincikan seperti berikut:


“The Positive Youth Development (PYD) perspective is an orientation to young people that has arisen because of interest among developmental scientists in using development systems, or dynamic, models of human behavior and development for understanding the plasticity of human development and the

importance of relations between individuals and their real-world ecological settings as bases of variation in the course of human development”

(Sibereisen & Lerner, 2007, hal. 3)

Terma *Plasticity* adalah potensi untuk perubahan yang lebih sistematik dalam pembangunan manusia yang menerapkan elemen positif (Lerner *et. al.*, 2005; Lerner, Brittan & Fay, 2007). Belia dilihat sebagai sumber yang boleh dibangunkan (Lerner *et. al.* 2013), yang mana perspektif pembangunan belia positif (PYD) pada dasarnya menggabungkan dua idea utama. Perspektif pertama adalah golongan belia mempunyai kekuatan seperti yang dipamerkan melalui keupayaan mereka dalam peningkatan kognitif, emosi, sosial dan perubahan tingkah laku (Lerner, Brittan & Fay, 2007; Phelps *et. al.*, 2009; Gestsdottir *et. al.*, 2011). Seterusnya, perspektif kedua adalah hipotesis yang beranggapan bahawa elemen PYD akan dipertingkatkan apabila kekuatan belia sejajar dengan kekuatan untuk bertindakbalas dengan persekitaran (Benson, Skala, Hamilton, & Sesma, 2006) untuk perkembangan yang sihat di dalam ekologi mereka. Proses pembangunan individu dalam konteks PYD melibatkan adaptasi *developmental regulations* di antara kekuatan belia dan pembangunan aset yang berada dalam sesebuah ekologi (Phelps *et. al.*, 2009).

Oleh yang demikian, proses PYD memerlukan sokongan dalaman dan luaran. Menurut Theokas *et. al.* (2005), gabungan keadaan dalaman dan luaran membantu untuk perkembangan elemen PYD yang dinyatakan sebagai aset ekologi dan aset individu (Lerner *et. al.*, 2012). Aset dalaman adalah elemen yang membimbing belia membuat pilihan yang berkaitan dengan kekuatan belia tersebut iaitu memiliki impian untuk menjadi yang lebih baik untuk masa hadapan, menentukan peraturan sendiri dan mempunyai hubungan yang baik dengan institusi pendidikan. Bagi aset luaran, ia adalah aset ekologi yang berkaitan dengan pengalaman positif yang diperolehi dari orang lain dan institusi yang beliasertai (Lerner *et. al.*, 2012). Ia dapat membawa kepada faedah bersama individu sebagai konteks perhubungan dengan PYD yang terdiri dari lima elemen ‘5C’ (Lerner *et. al.*, 2005), yang digambarkan seperti dalam **Rajah 2** berikut:



Rajah 2: Perkaitan model sistem pembangunan individu positif dalam PYD (Lerner *et. al.*, 2005, hal. 7)

Secara teoritikal, aset ekologi dikaitkan dengan proses pembangunan belia positif yang terdiri dari '5C' yang menggalakkan tingkahlaku positif dalam kalangan belia (Lerner, Brittian & Fay, 2007). Berdasarkan (Lerner *et. al.*, 2005), beberapa langkah khusus yang boleh diambil mentor untuk membentuk kelima-lima elemen 'C' terhadap protégé bagi memastikan proses pembangunan belia lebih berkesan. Teori pembangunan sistem menjelaskan perubahan pembangunan protégé dibantu oleh mentor dengan meletakkan perkembangan positif sebagai satu proses jangka hayat di mana individu dan konteks (persekitaran yang berkaitan) digabungkan secara dinamik sepanjang masa dalam interaksi yang saling menguntungkan (Lerner, 2004; DuBois *et. al.*, 2011).

Pembinaan Identiti melalui Pementoran Kepemimpinan Belia

Perspektif pembangunan belia positif mencadangkan belia mempunyai kekuatan kerana berkeupayaan untuk mengubah tingkahlaku dan karakter yang diperlukan dalam pembinaan identiti. Menurut Cote (2019), pembinaan identiti belia yang proaktif mempunyai perkaitan dengan peraturan sendiri, disiplin sendiri dan refleksi sendiri. Ketiga-tiga elemen tersebut penting dalam pembangunan keupayaan kognitif, kecenderungan, sikap dan hubungan social belia yang dirangkumkan dalam pembinaan identiti belia (Cote, 2019). Kekuatan yang terdapat pada belia boleh disesuaikan dengan sumber sekeliling untuk pembangunan positif yang diperolehi daripada keluarga, institusi pendidikan dan komuniti yang mana golongan dewasa juga turut memainkan peranan meningkatkan pembangunan positif (Rhodes & DuBois, 2008). DuBois *et. al.* (2011) menyatakan program pembangunan belia yang efektif adalah menyasarkan pengikatan yang sihat di antara belia dan dewasa yang akan meningkatkan peluang belia untuk terlibat dalam aktiviti sosial yang positif. Hubungan antara peranan yang dimainkan masyarakat dan identiti masyarakat mempengaruhi pembinaan identiti belia yang dibimbing oleh orang dewasa (Cote, 2019).

Oleh yang demikian, hubungan di antara pembangunan belia positif (PYD) dengan individu sebagai aset pembangunan dapat dihubungkan dengan pementoran sebagai sumber positif dalam kehidupan belia (Lerner *et. al.*, 2013). Urban, Lewin dan Lerner (2010) mendapati akses terhadap aset ekologi turut mempunyai kaitan yang positif terhadap PYD. Justeru, penglibatan belia dalam program pembangunan melalui kelestarian hubungan dengan mentor mempunyai kaitan kepada PYD dan sumbangan belia dengan melihat kepentingan mentor dalam program pembangunan belia yang berasaskan komuniti (Zarrett *et. al.*, 2009). Theokas dan Lerner (2006) mendapati program pembangunan yang melibatkan komitmen golongan dewasa dalam kehidupan belia merupakan sebuah aset pembangunan yang menentukan tahap PYD yang dihasilkan kepada belia.

Menurut Lerner *et. al.*, (2013), pementoran secara jelasnya mempunyai potensi untuk membentuk sebuah set perhubungan di antara belia dan dunia sosial yang secara langsung akan meningkatkan kemahiran kehidupan belia, menyediakan peluang untuk melakukan sumbangan yang bermakna kepada diri serta masyarakat dan akhirnya akan meningkatkan PYD. Dalam erti kata yang lain, pementoran dipercayai mempunyai potensi dalam meningkatkan PYD. Bagi meningkatkan ciri-ciri PYD dan sumbangan belia, mentor perlu mempunyai interaksi dengan protégé bagi menentukan program pembangunan belia yang efektif, di mana mentor boleh memastikan belia memperoleh akses kepada aset ekologi yang terdapat dalam komuniti dan membangunkan 5C belia.

Pementoran yang berlaku dalam konteks program pembangunan belia dipercayai berfaedah dalam meningkatkan PYD apabila berlaku hubungan antara mentor dan protégé (Karcher & Hanson, 2013). Apabila belia mempunyai hubungan erat yang lama dengan mentor, belia akan mengalami peningkatan dalam akademik, psikologikal, sosial dan sikap. Sebaliknya, jika hubungan pementoran yang singkat, pementoran tersebut akan melambatkan proses peningkatan tersebut (Urban, Lewin-Bizan, & Lerner, 2009). Oleh itu, pementoran perlu meliputi elemen pembangunan belia melalui peluang dan aktiviti pembangunan kemahiran kehidupan, penglibatan belia dan aktiviti menyemai nilai kepimpinan (Lerner *et. al.*, 2013).

METODOLOGI

Bagi menjawab persoalan kajian ini, metodologi penyelidikan kualitatif dengan menggunakan paradigma penyelidikan kajian kes telah digunakan. Informan bersetuju untuk ditemubual secara mendalam (*in-depth*), dan penyelidik juga dibenarkan melakukan pemerhatian turut serta (*participant observation*) dalam aktiviti pementoran.

Informan Kajian

Informan kajian terdiri daripada belia yang menyertai program Perdana Leader Fellowship (PLF) dan program Felo Perdana (PFP) yang dikendalikan oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Selain itu, mentor daripada kedua-dua program tersebut turut terlibat sebagai informan dan dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan. Persampelan purposif digunakan bagi mengenalpasti subjek yang bersesuaian bagi kajian ini. Sampel adalah terdiri daripada mereka yang berkebolehan untuk mendapatkan semua maklumat yang diperlukan terhadap isu yang hendak dikaji (Merriam & Tisdell, 2016; Creswell & Poth, 2018). Berdasarkan kepada fokus kajian, pengkaji telah mengenalpasti kriteria pemilihan informan iaitu: a) informan kajian adalah terdiri daripada peserta PLF dan PFP yang diletakkan di bawah penyeliaan terus mentor; b) kesediaan informan kajian untuk berkongsi pengalaman pembelajaran dan hasil yang dipraktikkan mereka daripada pementoran; dan c) mentor yang berpengalaman dalam proses pementoran yang telah terlibat sejak daripada pelaksanaan PLF. Seramai 10 orang informan terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada 6 orang protege dan empat orang mentor.

Pengkaji Sebagai Instrumen Kajian

Pengkaji sendiri adalah sebagai instrumen kajian pada keseluruhan proses pengumpulan data dan analisis di mana pengkaji berpengaruh terhadap subjek yang meliputi konteks kajian, memilih teknik pengumpulan data yang berpadanan, yang mana sensitif kepada aspek *non-verbal* semasa temubual dijalankan dan proses berterusan, dan data tersebut dianalisa sehingga proses kajian tamat (Guba & Lincoln, 1994; Silverman, 2013).

Pemerhatian Turut Serta

Pengkaji berjumpa dan mewujudkan hubungan dengan subjek kajian untuk mendapatkan kefahaman yang mendalam terhadap isu. Pemerhatian turut serta membantu pengkaji untuk meninjau ‘*culture-sharing*’ informan dan membawa pengkaji ke dalam ‘*cultural setting*’ informan (Creswell & Poth, 2018).

Pengumpulan Data

Pengkaji memulakan analisis awal data ke atas temubual yang pertama dijalankan dengan menganalisis serta membina kategori serta tema dan kemudiannya disusuli dengan temubual yang seterusnya. Pengkaji mewujudkan *rapport* sebagai asas perhubungan bertujuan mendapatkan kepercayaan subjek kajian dan penglibatan mereka dalam kajian ini. Pertama,

pengkaji bergerak ke lapangan kajian, meluangkan masa dengan mereka, mengenali mereka dan mengenalpasti kriteria informan kajian. Dalam perjumpaan yang seterusnya, pengkaji memperkenalkan objektif kajian dan seterusnya mendapatkan persetujuan subjek kajian untuk ditemubual secara *in-depth* dengan menetapkan tarikh dan waktu yang sesuai dengan subjek kajian. Seterusnya, pengkaji menemubual subjek di tempat yang sesuai yang kebanyakan sesi temubual dijalankan dalam suasana santai pada waktu mereka tidak bertugas. Bagi menguatkan kebolehpercayaan yang diperoleh dari maklumat yang diberikan subjek, pengkaji telah mendapatkan kebenaran dan kerjasama subjek kajian untuk menjalankan pemerhatian turut serta.

Analisis Data

Dalam pembentukan tema kajian, pengkaji telah membuka kod bebas (*open coding*) pada setiap kenyataan informan seperti dicadangkan Creswell (2007); Creswell dan Poth (2018). Setelah semua data informan yang berkaitan telah dikodkan, pengkaji seterusnya meneliti setiap kod bebas yang dilakukan (*axial coding*) bagi memastikan hanya kod yang berkaitan saja akan dipilih bagi pembentukan tema. Kod yang membentuk kategori bersesuaian telah dikumpulkan bagi membentuk sub tema mewakili timbunan kod tersebut yang didapati daripada temubual, pemerhatian turut serta dan analisis dokumen. Ia adalah proses triangulasi yang membantu kebolehsahan data. Kaedah triangulasi adalah teknik yang digunakan untuk mendirikan kebolehsandaran melalui kaedah dan subber yang pelbagai dalam kajian kualitatif (Silverman, 2013). Proses menamakan setiap sub tema dilakukan agar tidak berlaku pertindanan antara tema yang lain. Pada akhirnya, tema yang baru dibentuk daripada sub tema boleh dianggap sebagai tersendiri tanpa pertindanan antara tema dengan tema yang bertepatan dan bersifat '*mutually exclusive*' terhadap sesuatu persolan kajian. Hasil temubual yang ditranskripikan telah dilihat dan diteliti beberapa kali serta tidak kurang dari dua kali. Data dianalisis menggunakan perisian Nvivo, yang merupakan perisian yang dapat membantu pengkaji menguruskan analisis data kajian yang dilakukan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis temubual, informan kajian yang terdiri daripada enam orang protege berada dalam lingkungan usia 23 hingga 29 tahun. Mereka memiliki latar belakang pendidikan yang tinggi dengan memiliki ijazah pertama, ijazah master dan terdapat informan yang sedang melanjutkan pengajian pasca siswazah dari universiti dalam dan luar negara. Seramai tiga orang informan merupakan graduan luar negara manakala selebihnya merupakan graduan dalam negara daripada pelbagai bidang. Terdapat dua orang informan memiliki ijazah master dan seorang lagi sedang melanjutkan pengajian pasca siswazah. Bagi maklumat latar belakang mentor, kesemua informan menjawab jawatan sebagai menteri dan ahli parlimen serta memiliki latar belakang akademik, pengalaman kepimpinan dan politik yang cukup baik.

Berdasarkan butiran yang diberikan informan dan pemerhatian turut serta pengkaji, kesemua informan telah menjalani proses pementoran formal selama tempoh di antara tiga hingga tujuh bulan. Terdapat informan yang telah menamatkan program pementoran tetapi masih berhubung dan mengekalkan hubungan pementoran dengan mentor. Seramai lima orang protege mempunyai pengalaman bekerja antara satu hingga empat tahun sebelum menyertai program pementoran manakala seorang lagi protege hanya terus menyertai program sebaik tamat pengajian. Dua orang protege kini merupakan Ahli Parlimen Belia, dua orang lagi bertugas sebagai pegawai khas kepada menteri dan selebihnya bertugas sebagai eksekutif di sektor swasta. **Jadual 1** adalah ringkasan terperinci kepada maklumat latar

belakang informan kajian:

Jadual 1: Profil Informan Kajian

Profil Informan				
Informan	Umur (tahun)	Pencapaian Pendidikan	Tempoh Pementoran Formal	Pencapaian
Protege 1	26	Ijazah Sarjana Muda	4 Bulan	Ahli Parlimen Belia
Protege 2	24	Ijazah Sarjana Muda	7 Bulan	Pegawai Khas Menteri
Protege 3	25	Ijazah Master	6 Bulan	Jurutera Swasta
Protege 4	29	Ijazah Sarjana Muda	6 Bulan	Jurutera Swasta
Protege 5	27	Ijazah Master	7 Bulan	Pegawai Khas Menteri
Protege 6	26	Ijazah Sarjana Muda	4 Bulan	Ahli Parlimen Belia
Mentor 1	39	Ijazah Master	-	Menteri
Mentor 2	53	Ijazah Master	-	Menteri
Mentor 3	54	Ijazah Sarjana Muda	-	Timbalan Menteri
Mentor 4	47	Ijazah Sarjana Muda	-	Pengarah Urusan

Persoalan Kajian: Sejauhmana kaedah pementoran kepemimpinan membantu membangunkan identiti belia?

Kaedah *constant comparative* daripada analisis dapat mengenalpasti bagaimana pementoran dapat dapat membantu dalam membangunkan kompetensi belia. Terdapat dua tema yang menjelaskan potensi pementoran dalam membangunkan kompetensi belia iaitu 1) membina nilai toleransi; 2) keprihatinan yang mendorong rasa berempati; dan 3) pembinaan filantropi dalam kalangan pemimpin belia.

1) Membina nilai toleransi

Pengalaman pembelajaran melalui usaha yang dilakukan bersama mentor untuk turun ke padang dapat memberi peluang kepada protégé untuk mendalami kemahiran untuk bertoleransi dalam urusan rakyat. Pengalaman pembelajaran sebegini amat diperlukan kepada kepimpinan muda sebagai satu cara untuk memudahkan mereka memainkan fungsi dalam organisasi masyarakat, seperti yang dinyatakan Protégé 1:

“...Dari segi fleksibiliti yang ada pada kepimpinan mentor, saya mengerti dan dapat tanamkan nilai kompromi dalam diri saya. Saya boleh kompromi dan ada nilai toleransi dengan kakitangan bawahan saya sekarang. Bila ada toleransi dalam kepimpinan ni, everything in organization should be ok lah. ...”

Nilai toleransi yang dibina menerusi pementoran membolehkan protégé mengadaptasi pembelajaran tersebut secara langsung daripada tindakan mentor dalam perundingan. Protégé 3 menyatakan:

“...Yang membuatkan saya terkesan, sebagai pemimpin, kena ada kemahiran untuk *negotiate*. Bila ada masalah penduduk setempat, mentor akan panggil semua pihak untuk duduk semeja. Semasa tu, akan nada perbincangan dan setelah penelitian mendalam dilakukan, mentor akan menggunakan budi bicara untuk menyelesaikan masalah. Dia akan cari jalan tengah. *Win-win situation*. ...”.

Pembelajaran melalui pementoran juga turut memberi penerapan kemahiran bertoleransi kepada protégé dalam membuat sesuatu keputusan. Pertimbangan sewajarnya dengan mengambil pandangan pihak ketiga yang ditunjukkan mentor dapat menyerap gaya kepemimpinan protégé bagi menghasilkan keputusan yang tepat. Protégé 6 menyatakan:

“...Mentor saya akan panggil pegawai-pegawai dia termasuk saya. Dia akan minta pandangan kami termasuk isu-isu yang memerlukan keputusan dibuat, walaupun ia sukar untuk diputuskan. Walaupun saya hanya felo dia, tapi dia melibatkan saya juga. Itu cara bagaimana dia tolerate sebelum buat keputusan. Pastinya saya akan melakukan perkara yang sama dalam gaya kepemimpinan saya nanti...”.

Nilai kasih sayang diterjemahkan dengan semangat toleransi dan komitmen melalui penglibatan secara aktif dalam organisasi komuniti (Lerner *et. al.*, 2005). Elemen ini turut mendorong belia untuk terlibat bersama-sama sebagai pembuat keputusan bagi kepentingan bersama dalam sumbangan khidmat, organisasi dan komuniti.

2) *Keprihatinan yang mendorong rasa berempati*

Melalui penceritaan protégé, mentor menerapkan hubungan yang erat dengan kakitangan bawahan (subordinat) yang secara tidak langsung turut mendidik protégé untuk menghormati dan menjalinkan hubungan yang baik dengan kumpulan yang dipimpin. Protégé 3 mengakui:

“...semasa discussion, mentor selalu tekankan kepada saya untuk sentiasa merendah diri. Sebab semakin kita rendah diri, semakin kita akan dihormati orang. Lepas tu barulah kita rasa tiada gap dan senang kita nak masuk dengan orang. Orang bawahan pun sedia nak bantu kita ...”.

Contoh kepemimpinan mentor yang merendah diri secara tidak langsung mempengaruhi tanggapan dan refleksi gaya kepemimpinan informan. Protégé 5 menceritakan:

“...He (mentor) has good relationship with segenap lapisan agensi kerajaan especially di bawah kementerian dia. He has already had that relationship. I think he had good relationship because he knows on what he wants. I realized kalau pemimpin ada clear mission and vision, dia akan tahu apa yang diperlukan dan akan menghargai sistem sokongan yang membantu pemimpin. ...”.

Mentor juga mempunyai pandangan untuk membentuk kepemimpinan dalam kalangan pemimpin muda, penting untuk menerapkan sikap positif dan merendah diri. Nilai tersebut walaupun kelihatan mudah, tetapi penting untuk diperkukuhkan kepada generasi kini. Mentor 2 menyatakan:

“...Kita akan fikirkan kalau leadership development, mesti tekankan kemahiran membuat keputusan, pengurusan dan lain-lain. Tetapi saya

merasakan ia patut lebih dari itu kepada pemimpin anak muda hari ni. Saya tekankan kepada dia (protégé) sikap dan keperibadian pemimpin penting. Sebab tu saya tekankan pentingnya menjadi pemimpin yang humble. Kita mudah mendekati orang, menyantuni yang di bawah kita. Orang pun selesa. Di sebalik kepimpinan, ada penghormatan. ...”.

Melalui pementoran, protégé dapat mengukuhkan sifat kepihhatian yang tinggi terhadap individu yang memerlukan. Pengalaman menyelami kesusahan orang lain semasa pementoran telah meningkatkan rasa kesediaan protégé untuk membantu. Protégé 3 mengaku:

“...Hati saya mudah tersentuh bila melihat kesusahan orang lain, sebab saya pernah tengok sejauh mana kesusahan yang orang pernah alami, ada yang susah sangat-sangat semasa pementoran yang saya lalui. Dulu saya tak rasa sangat. Tetapi dengan pementoran yang saya lalui, sebagai pemimpin, kena ada perasaan prihatin. Dari rasa prihatin tu akan mendorong saya untuk menolong dan memberi bantuan. ...”.

Menurut Bowers *et. al.* (2011), strategi pembangunan belia dalam PYD yang secara umumnya menumpukan kepada peningkatan nilai belia yang diperoleh melalui sistem sokongan (keluarga dan komuniti) dan persekitaran (keperluan dan sumber). Persekitaran tersebut turut melibatkan organisasi atau intitusi pembelajaran. Informan juga turut didedahkan dengan fungsi pemimpin dalam menjaga kebajikan komunti dan membina hubungan sosial. Protégé 6 menceritakan pengalaman beliau:

“...Saya in charge program bantuan kepada anak yatim dan golongan warga emas, yang mana bantuan dalam bentuk barangan dan wang tunai. Itu juga melibatkan organisasi belia setempat dan NGO juga. Pada mulanya saya yang berbincang dengan mentor bagaimana untuk membantu mereka. Alhamdulillah dia menyokong usaha saya. Saya juga ambil inisiatif untuk dapatkan bantuan serta penajaan pihak lain. ...”.

Pembinaan aset ekologi turut melibatkan pembinaan jaringan sosial termasuk di peringkat perhubungan komuniti (Balsano *et. al.*, 2009). Menurut Lerner *et. al.* (2013) dan Agans *et. al.* (2014), PYD meletakkan belia untuk memiliki perasaan kasih sayang (*caring*) dengan bersimpati dan berempati dengan orang lain. Rasa untuk menyayangi terutamanya yang berada di sekeliling belia amat penting dalam pembinaan positif yang diperlukan dalam PYD (Geldhof *et. al.*, 2015).

Oleh yang demikian, penglibatan protégé dalam perhubungan komuniti turut memberi pendedahan baharu sebagai sebuah proses pembelajaran pengalaman. Selain daripada itu, sokongan dan bimbingan yang diperoleh dari mentor mempengaruhi peningkatan pembelajaran protégé (Singh, Hawkins & Whymark, 2009; Eby *et. al.*, 2013). Pengaruh mentor dalam peningkatan pembelajaran protégé meliputi sumbangan kepada pengetahuan sedia ada dalam melihat perhubungan rekabentuk dan sokongan dalam suasana pementoran efektif, faedah dari pementoran serta potensi yang boleh dikembangkan (Lerner *et. al.*, 2013).

3) Pembinaan filantropi dalam kalangan pemimpin belia

Mentor telah banyak memberi peluang kepada protégé untuk menguruskan kakitangan bawaan (subordinat) dalam melaksanakan tugas penting. Protégé 1 mengaku *“...It is not easy to handle staff. But I manage to handle it* sebab mentor saya betul-betul *guide* saya. Masa tu yang saya belajar dengan mentor untuk menjadi *effective team leader*. ...”. Selain itu,

peluang yang diberikan mentor untuk memimpin pasukan kecil memberi pengalaman baharu dalam aspek pengurusan organisasi. Hal tersebut diakui oleh Protégé 3 yang menyatakan:

“...Memang pengalaman baharu pada saya. Lepas grad (tamat pengajian) saya tak pernah ada pengalaman macam mana nak uruskan organisasi yang ada staf yang kita sendiri pimpin. Saya belajar bagaimana nak approach orang yang lebih berusia daripada kita. So saya kena mainkan peranan se-baik mungkin sebagai team leader. ...”.

Pementoran kepemimpinan yang dilalui telah memberi inspirasi untuk protégé melakukan perkara yang sama dilakukan oleh mentor dalam mengurangkan jurang perhubungan dengan subordinat. Protégé 2 mengakui:

“...Semasa bekerja mungkin masanya terhad untuk dealing. Tetapi masa bersukan, masa lebih panjang. I see most of staf bersukan. Every Thursday ada cycling, every Tuesday ada badminton and every weekend ada futsal. I pun join. I tanya boleh ke turun. Mereka kata marilah turun sekali. Saya pun dah masuk group whatsapp diaorang. So antara saya dan mereka tak ada apa-apa gap. ...”.

Dalam menguruskan subordinat, protégé mempelajari sesuatu perkara yang penting daripada mentor. Sebagai pemimpin, visi dan hala tuju yang ingin dibawa perlu jelas dan praktikal untuk dilaksanakan. Protégé 5 menceritakan:

“...I realized kalau pemimpin ada clear mission and vision, dia (mentor) akan tahu apa yang diperlukan dan akan menghargai sistem sokongan yang membantu pemimpin. Dari situ, baru setiap subordinat boleh memainkan function dengan berkesan. Saya secara tak langsung belajar how to manage the task dengan proper. ...”.

Pementoran merangkumi proses pembangunan sosial yang melibatkan hubungan antara individu dengan sosio-budaya (Kay & Hinds, 2012). Perubahan dalaman termasuk penghayatan nilai filantropi dalam diri protégé dipengaruhi oleh bentuk pengetahuan, kepercayaan, sikap, pengalaman, tempat, peristiwa, objek dan idea (Lankau & Scandura, 2002).

Selain itu, berdasarkan analisis temu bual dan pemerhatian turut serta, pementoran yang dilalui protege telah membuka platform kepada penglibatan mereka dalam kerja sukarela. Protégé mengakui kerja sukarela dilakukan adalah merupakan inisiatif sendiri untuk membantu komuniti. Protégé 4 mengakui “...Saya banyak terlibat dalam kerja sosial komuniti. Saya bantu orang untuk Biro Pengaduan Awam....Ada kerja sukarela, saya terlibat. Dari situ juga orang mula kenal saya. ...”. Disamping itu, mentor juga turut menggalakkan penglibatan protégé untuk melibatkan diri secara aktif. Perkara ini diakui oleh Protégé 2 yang menyatakan:

“...Saya masuk Soup Kitchen dengan team NRC. Pertiwi NRC Soup Kitchen. I learnt a lot. My chief tahu dan menyokong. Saya pun guna peluang itu untuk selami kesusahan mereka, apa benda yang boleh improve especially in social life. Majoriti yang I kenal melalui soup kitchen kenal saya bukan as a elit person. ...”.

Perancangan dan pelaksanaan program kesukarelawanan turut dijalankan dari inisiatif yang diambil oleh protégé. Melalui program kesukarelawanan, pelbagai latar belakang masyarakat termasuk golongan belia dapat dilibatkan bersama sebagai usaha mengukuhkan kerjasama komuniti. Protégé 3 menceritakan:

“...saya terlibat dalam kerja sukarela. Termasuk kerja kemasyarakatan. Saya beri cadangan untuk mengeratkan hubungan sosial di kawasan beliau sewaktu lawatan turun padang. Dia minta saya jalankan. Alhamdulillah, saya berjaya kumpulkan belia dari pelbagai pertubuhan belia untuk termasuk parti politik untuk laksanakan aktiviti kemasyarakatan dan keceriaan. Mentor saya datang merasmikannya. ...”.

Kesan pementoran telah berjaya membentuk keinginan protégé untuk terus berbakti kepada komuniti melalui kerja sukarela walaupun telah selesai menjalani tempoh pementoran. Protégé masih menggunakan akses dan jaringan mentor untuk membantu gerak kerja sukarela yang dijalankan. Protégé 6 menyatakan:

“...Kami usahakan untuk bawak 3 buah bas sukarelawan belia ke Kelantan, dalam 120, 130 orang kita pergi. Saya turut minta bantuan pihak mentor untuk sama membantu. Kebanyakannya yang pergi adalah pelajar IPT dan belia yang tak berdaftar pun dengan mana-mana parti politik. Saya nampak approach baharu untuk belia. Engagement ini melalui pemuda, belia kerana mereka lebih suka dalam kerja dan kegiatan begini. Kalau kita terlalu kepartisan, ia akan menjadi penghalang kepada usaha ini. ...”.

Pementoran memainkan peranan dalam peningkatan elemen penyayang dengan membentuk kepimpinan belia yang memiliki filantropi, ibarat memimpin tangan orang dalam kesusahan. Secara ringkasnya, pembinaan filantropi dalam kalangan pemimpin belia melalui pementoran mempunyai perkaitan langsung dalam pengukuhan PYD. Lerner *et. al.* (2013) menggambarkan potensi pementoran dalam membentuk sebuah set perhubungan di antara belia dan dunia sosial yang secara langsung dapat meningkatkan kemahiran kehidupan belia, menyediakan peluang untuk melakukan sumbangan yang bermakna kepada diri serta masyarakat dan dapat meningkatkan PYD.

KESIMPULAN

Keperluan semasa dan kepesatan teknologi dalam era globalisasi termasuk di Malaysia memerlukan pewaris kepimpinan baharu pada masa hadapan dalam kalangan belia yang mempunyai bakat kepimpinan yang menonjol, berpengetahuan luas, mempunyai kepakaran dan kewibawaan yang tinggi sebagai pemimpin (Dannar, 2013). Berdasarkan dapatan kajian dan perbincangan jelas menunjukkan bagaimana pementoran belia membantu kepada pembentukan identiti belia dalam kepimpinan. Pementoran secara jelasnya mempunyai potensi untuk membentuk sebuah set perhubungan di antara belia dan dunia sosial yang secara langsung akan membina identiti belia, menyediakan peluang untuk melakukan sumbangan yang bermakna kepada diri serta masyarakat dan akhirnya akan meningkatkan PYD (Lerner *et. al.*, 2013). Theokas dan Lerner (2006) mendapati program pembangunan yang melibatkan komitmen golongan dewasa sebagai pembimbing kepada belia membantu dalam proses pembinaan PYD. Secara tidak langsung, penemuan ini membantu pengkaji untuk membuka ruang yang lebih besar bagi melihat sejauhmanakah keterlibatan belia Malaysia dalam

pembangunan kepemimpinan melalui pementoran dapat membantu dalam pembangunan belia positif. Keupayaan kaedah pementoran dalam membangunkan kepemimpinan belia akan menjadi lebih jelas jika proses pembangunan pengetahuan, sikap dan praktis diperhalusi bagi memberikan pemahaman yang lebih mendalam dalam membangunkan identiti belia. Walau bagaimanapun, proses pementoran bukan hanya sekadar suatu transmisi pengetahuan yang ringkas atau mudah untuk menilainya dalam bentuk kemahiran, tetapi juga memfokuskan kepada sejauh mana kualiti kepemimpinan yang sebenar yang meliputi elemen PYD dalam proses pembangunan belia.

Melalui pementoran, golongan belia mempunyai peluang untuk membangunkan kemahiran, membentuk kepimpinan belia dan penerusan serta pengekalan hubungan antara golongan belia (protégé) dan dewasa (mentor). Kelebihan yang diperolehi golongan belia melalui pementoran kepimpinan dapat dikaitkan dengan kriteria pembangunan belia yang efektif. Secara jelasnya, pementoran telah membantu pembinaan identiti dan membuka peluang kepada pemimpin belia untuk mendapatkan akses melalui aset ekologi melalui komuniti yang disertai mereka dan secara langsung membangunkan elemen kompetensi dalam PYD.

Protégé yang mudah menyesuaikan diri dengan persekitaran termasuk suasana pementoran oleh mentor semasa proses berlaku memungkinkan belia dilihat sebagai individu yang berpotensi untuk meningkatkan pembangunan diri dan menyumbang kepada perkembangan positif terhadap diri, keluarga, komuniti, dan masyarakat sivil (Theokas, *et. al.*, 2005). Hasil dari pementoran kepemimpinan belia pada akhirnya adalah sumbangan belia yang positif (Lerner *et. al.*, 2013) yang merupakan intervensi dalam melahirkan belia yang berpotensi, melalui sumbangan mereka terhadap diri, keluarga, komuniti dan masyarakat awam (Lerner *et. al.*, 2005). Pada akhirnya, sumbangan yang dapat diberikan belia akan berlaku secara positif yang dibentuk daripada PYD (Lerner *et. al.*, 2007; 2012). Oleh yang demikian, adalah menjadi keperluan utama untuk memastikan pembangunan kepemimpinan belia yang lebih berstruktur dan mampan agar dapat diperkasakan agar proses menggilap bakat kepimpinan baharu dalam kalangan belia dapat dijalankan secara terancang dan berkesan.

RUJUKAN

- Balcazar, F. E., & Keys, C. B. (2013). Goals in mentoring relationship. In D. L. DuBois, & M. J. Karcher (Eds.), *The handbook of youth mentoring* (2nd ed.). (pp. 83-98). Thousand Oaks: Sage Publications Inc.
- Balsano, A. B., Phelps, E., Theokas, C., Lerner, J. V., & Lerner, R. M. (2009). Patterns of Early Adolescents' Participation in Youth Development Programs Having Positive Youth Development Goals. *Journal of Research on Adolescence*, 19(2), 249–259. doi:10.1111/j.1532-7795.2009.00595.x
- Benson, P. L., Scales, P. C., Hamilton, S. F., & Sesma, A., Jr. (2006). *Positive youth development: Theory, research, and applications*. In R. M. Lerner (Ed.), *Theoretical models of human development*. Volume 1 of *Handbook of Child Psychology* (6th ed.) (pp. 894-941). Editors-in-chief: W. Damon & R. M. Lerner. Hoboken, NJ: Wiley.
- Benson, P. L., Scales, P. C., & Syvertsen, A. K. (2011). *The contribution of the developmental*

- assets framework to positive youth development theory and practice*. In R. M. Lerner, J. V. Lerner, & J. B. Benson (Eds.). *Advances in child development and behavior*. (pp. 125-228). Elsevier Publishing.
- Bowers, E. P., von Eye, A., Lerner, J. V., Arbeit, M. R., Weiner, M. B., Chase, P., & Agans, J. P. (2011). The role of ecological assets in positive and problematic developmental trajectories. *Journal of Adolescence*, 34(6), 1151–65. doi:10.1016/j.adolescence.2011.07.007
- Chaudhuri, S., & Ghosh, R. (2012). Reverse Mentoring: A Social Exchange Tool for Keeping the Boomers Engaged and Millennials Committed. *Human Resource Development Review*, 11, 55–76. <http://doi.org/10.1177/1534484311417562>
- Christens, B. D., & Dolan, T. (2011). Interweaving Youth Development, Community Development, and Social Change Through Youth Organizing. *Youth & Society*, 43, 528–548. <http://doi.org/10.1177/0044118X10383647>
- Cote, J. E. (2019). *Youth development in identity societies: Paradoxes of purpose*. New York: Routledge.
- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Dannar, P. R. (2013). Millennials: What they offer our organizations and how leaders can make sure they deliver. *The Journal of Values-Based Leadership*, 6(1): 1-11.
- Dasar Belia Malaysia (2015). Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Delgado, M. (2002). *New frontiers for youth development in the twenty-first century revitalizing youth development*. New York: Columbia University Press.
- DuBois, D. L., Portillo, N., Rhodes, J. E., Silverthorn, N., & Valentine, J. C. (2011). How Effective Are Mentoring Programs for Youth? A Systematic Assessment of the Evidence. *Psychological Science in the Public Interest*, 12(2), 57–91. doi:10.1177/1529100611414806
- Earley, P. (2009). Work, learning and professional practice : The role of leadership apprenticeships. (October 2013), 37–41. doi:10.1080/13632430902793718
- Eby, L. T., Allen, T. D., Hoffman, B. J., Baranik, L. E., Sauer, J. B., Baldwin, S., Morrison, M. A., Kinkade, K. M., Maher, C. P., Curtis, S., & Evans, S. C. (2013). An interdisciplinary meta-analysis of the potential antecedents, correlates, and consequences of protégé perceptions of mentoring. *Psychological Bulletin*, 139(2): 441-476. doi: 10.1037/a0029279
- Eller, L. S., Lev, E. L., & Feurer, A. (2013). Key components of an effective mentoring

- relationship: A qualitative study. *Nurse Education Today*, 13(1), 1-6.
- Erickson, L. D., McDonald, S., & Elder, G. H. (2009). Informal Mentors and Education: Complementary or Compensatory Resources? *Sociology of Education*, 82, 344-367. <http://doi.org/10.1177/003804070908200403>
- Garcia, C. P. (2009). *Leadership lessons of the white house fellows*. New York: McGraw Hill.
- Gestsdottir, S., Urban, J. B., Edmond, P., Lerner, J. V, & Lerner, R. M. (2011). Intentional Self-Regulation, Ecological Assets, and Thriving in Adolescence: A Developmental Systems Model, (133), 61-76. doi:10.1002/cd
- Greeson, J. K. P. (2013). Foster Youth and the Transition to Adulthood: The Theoretical and Conceptual Basis for Natural Mentoring. *Emerging Adulthood*, 1(1), 40-51. doi:10.1177/2167696812467780
- Guba, E.G., & Lincoln, Y. S.(1994). Competing Paradigms in Qualitative Research. In N. K.Denzin, & Y. S. Lincoln. *Handbook of qualitative research* (2nd ed.) (pp,105-117). Thousand Oaks, CA: Sage Publications
- Hastings, L. J., Human, N., & Bell, L. C. (2011). Developing a Paradigm Model of Youth Leadership Development and Community Engagement : A Grounded Theory, 52(1), 19-29. <http://doi.org/10.5032/jac.2011.01019>
- Indeks Belia Malaysia (2017). Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Putrajaya: IYRES KBS.
- Karcher, M. J., & Hansen, K. (2013). Mentoring activities and interactions. In D. L. DuBois, & M. J. Karcher (Eds.), *The handbook of youth mentoring* (2nd ed.). (pp. 63-82). Thousand Oaks: Sage Publications Inc.
- Kay, D., & Hinds, R. (2012). *A practical guide to mentoring: Using coaching and mentoring skills to help others achieve their goals* (5th ed.). Oxford: How to Books Ltd.
- Kiltz, G., Danzig, A., & Szecey, E. (2004). Learner-centered leadership: a mentoring model for the professional development of school administrators. *Mentoring & Tutoring: Partnership in Learning*, 12(2), 135-153. doi:10.1080/1361126042000239901
- Kress, C. A. (2006). Youth leadership and youth development: Connections and questions. *New Directions For Youth Development*, 109 (1), 45-56. doi: 10.1002/yd.154
- Lankau, M. J., & Scandura, T. A. (2002). An investigation of personal learning in mentoring relationships: Content, antecedents, and consequences. *Academy of Management Journal*, 45(4), 779-790. doi: 10.2307/3069311
- Lerner, R. M. (2004). Diversity in individual context relations as the basis for positive

development across the life span: A developmental systems perspective for theory, research, and application. *Research in Human Development*, 1(4): 327-346.

- Lerner, R.M., Lerner, J.V., Almerigi, J., Theokas, C., Phelps, E., Gestsdottir, S., Naudeau, S., Jelicic, H., Alberts, A.E., Ma, L., Smith, L.M., Bobek, D.L., Richman-Raphael, D., Simpson, I., Christiansen, E.D., & von Eye, A. (2005). Positive youth development, participation in community youth development programs, and community contributions of fifth grade adolescents: Findings from the first wave of the 4-H study of positive youth development. *Journal of Early Adolescence*, 25(1): 17–71.
- Lerner, R. M., Brittian, A., & Fay, K. (2007). Mentoring: A Key Resource for Promoting Positive Youth Development. *Research in Action*, 1(1), 3-15.
- Lerner, R. M. (2009). The positive youth development perspective: Theoretical and empirical bases of a strength-based approach to adolescent development. In C. R. Snyder and S. J. Lopez (Eds.), *Oxford Handbook of Positive Psychology* (2nd ed., pp. 149-163). Oxford, England: Oxford University Press.
- Lerner, R. M., Lerner, J. V., Lewin-Bizan, S., Bowers, E. P., Boyd, M., Mueller, M., Schmid, K., Napolitano, C. (2011). Positive youth development: Processes, programs, and problematics. *Journal of Youth Development*, 6(3), 40-64.
- Lerner, R. M., Bowers, E. P., Geldhof, G. J., Gestsdottir, S., & Desouza, L. (2012). Promoting positive youth development in the face of contextual changes and challenges: The roles of individual strengths and ecological assets. *New Directions for Youth Development*, 135(1), 119-28. doi: 10.1002/yd.20034
- Lerner, R. M., Napolitano, C. M., Boyd, M. J., Mueller, M. K., & Callina, K. S. (2013). Mentoring and positive youth development. In D. L. DuBois, & M. J. Karcher (Eds.), *The handbook of youth mentoring* (2nd ed.). (pp. 17-27). Thousand Oaks: Sage Publications Inc.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation* (4th ed.). San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Parise, M. R., & Forret, M. L. (2008). Formal mentoring programs: The relationship of program design and support to mentors' perceptions of benefits and costs. *Journal of Vocational Behavior*, 72(2), 225–240. <http://doi.org/10.1016/j.jvb.2007.10.011>
- Pembangunan Belia Positif 8C (2017). Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Putrajaya: IPPBM KBS.
- Phelps, E., Zimmerman, S., Warren, A. E. A., Jeličić, H., von Eye, A., & Lerner, R. M. (2009). The structure and developmental course of Positive Youth Development (PYD) in early adolescence: Implications for theory and practice. *Journal of Applied Developmental Psychology*, 30(5), 571-584.
- Pryce, J. M., & Keller, T. E. (2011). Interpersonal Tone Within School-Based Youth Mentoring Relationships. *Youth & Society*. <http://doi.org/10.1177/0044118X11409068>
- Ragins, B. R., & Kram, K. E. (2007). The roots and meaning of mentoring. In B. R. Ragins,

- & K. E. Kram (Eds.), *The handbook of mentoring at work: Theory, research and practice* (pp. 3-17). Thousand Oaks: Sage Publications Inc.
- Reagan-Porras, L. L. (2013). Dynamic Duos: A Case Review of Effective Mentoring Program Evaluations. *Journal of Applied Social Science*, 7(2), 208–219. doi:10.1177/1936724412467019
- Rhodes, J.E. (2005). A model of youth mentoring. In D.L. DuBois & M.J. Karcher (Eds.), *Handbook of youth mentoring* (pp. 30–43). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Rhodes, J. E., & Dubois, D. L. (2008). Mentoring relationships and programs for youth. *Current Directions in Psychological Science*, 17(4), 254–258. <http://doi.org/10.1111/j.1467-8721.2008.00585.x>
- Silbereisen, R. K., & Lerner, R. M. (2007). *Approaches to positive youth development*. London: Sage Publications.
- Silverman, D. (2013). *Doing qualitative research: A practical handbook*. Thousand Oaks: Sage Publications Inc.
- Singh, G., Hawkins, L. & Whymark, G. (2009). Collaborative knowledge building process: an activity theory analysis. *The Journal of Information and Knowledge Management Systems*. 39(3): 223-241.
- Smith, S. S. (2014). Cross-community youth work in North Belfast: Funding and youth leader personal networks. *Children and Youth Services Review*, 38, 29–35. <http://doi.org/10.1016/j.chilyouth.2014.01.005>
- Solansky, S. T. (2010). The evaluation of two key leadership development program components: Leadership skills assessment and leadership mentoring. *The Leadership Quarterly*, 21(4), 675–681. doi:10.1016/j.leaqua.2010.06.009
- Theokas, C. (2005). Conceptualizing and Modeling Individual and Ecological Asset Components of Thriving in Early Adolescence. *The Journal of Early Adolescence*, 25(1), 113–143. doi:10.1177/0272431604272460
- Urban, J. B., Lewin-Bizan, S., & Lerner, R. M. (2009). The role of neighborhood ecological assets and activity involvement in youth developmental outcomes: Differential impacts of asset poor and asset rich neighborhoods. *Journal of Applied Developmental Psychology*, 30(5), 601–614. <http://doi.org/10.1016/j.appdev.2009.07.003>
- Urban, J. B., Lewin-Bizan, S., & Lerner, R. M. (2010). The role of intentional self regulation, lower neighborhood ecological assets, and activity involvement in youth developmental outcomes. *Journal of Youth and Adolescence*, 39(7), 783–800. doi:10.1007/s10964-010-9549-y
- Zarrett, N., Fay, K., Li, Y., Carrano, J., Phelps, E., & Lerner, R. M. (2009). More than child's

play: Variable- and pattern-centered approaches for examining effects of sports participation on youth development. *Developmental Psychology*, 45(2), 368-382. <http://dx.doi.org/10.1037/a0014577>

Profil Penulis:

Mohd Mursyid Arshad, PhD

*Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor, Malaysia
m_mursyid@upm.edu.my*

Ismi Arif Ismail, PhD

*Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor, Malaysia*

Zoharah Omar, PhD

*Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor, Malaysia*

PENGARUH PENGLIBATAN DALAM AKTIVITI KOKURIKULUM KE ATAS KEMAHIRAN KEPIMPINAN DAN NILAI PATRIOTISME DALAM KALANGAN BELIA UNIVERSITI

MASDUKI MOHAMMAD MORNI, MOHD YUSRI IBRAHIM, SAMSIAH ABDUL
HAMID, MOHAMMAD MAHDI ABAS, KASAWANI IBRAHIM, HAMDAN AZIZ,
MAT RAHIMI YUSOF

ABSTRAK

Semangat patriotisme yang tinggi dalam kalangan belia adalah begitu penting dalam usaha merealisasikan agenda masa hadapan negara. Khususnya bagi sebuah negara yang baru melalui proses transisi kerajaan pemerintah seperti Malaysia. Bagaimanapun laporan-laporan semasa seolah-olah menggambarkan berlakunya kemerosotan nilai patriotisme dalam kalangan belia Malaysia hari ini yang berpunca dari pelbagai faktor yang perlu dirawat segera. Kajian ini dijalankan untuk menilai pengaruh penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum di universiti ke atas pengukuhan nilai patriotisme serta hubungannya dengan kemahiran kepimpinan mereka. Kaji selidik secara rentasan ke atas 279 responden dari kalangan pelajar prasiswazah di Universiti Malaysia Terengganu telah dijalankan dan data-data yang diperolehi telah dianalisa menggunakan pemodelan persamaan struktur (SEM) melalui perisian AMOS. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum menyumbang secara ketara ke atas kemahiran kepimpinan dan seterusnya mengukuhkan nilai patriotisme dalam diri mereka. Sehubungan ini, penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dicadangkan untuk dipergiatkan di peringkat universiti sebagai salah satu cara menangani kemerosotan nilai patriotisme dalam kalangan belia di Malaysia.

Kata Kunci: Kokurikulum, Kepimpinan, Patriotisme, Belia

ABSTRACT

The high spirit of patriotism among the youth is very important in the realization of the country's future agenda. Especially for a new country through the process of transitioning governmental governments like Malaysia. However, current reports seem to reflect the decline in patriotism among Malaysian youth today due to various factors that need immediate treatment. The study was conducted to evaluate the influence of student involvement in university co-curricular activities on strengthening the value of patriotism and its relationship to their leadership skills. A cross-sectional survey of 279 respondents from undergraduate students at Universiti Malaysia Terengganu was conducted and the data obtained were analyzed using structural equation modeling (SEM) using AMOS software. The findings show that student involvement in co-curricular activities contributes significantly to leadership skills and thus reinforces the value of patriotism within them. In this regard, student involvement in co-curricular activities is proposed to be intensified at the university level as one of the ways of addressing the decline in patriotism among youth in Malaysia.

Keywords: Curriculum, Leadership, Patriotism, Youth

PENGENALAN

Patriotisme ditakrifkan sebagai perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air (Kamus Dewan, 1989). Ianya berasal daripada bahasa Greek iaitu *patriotes* (rakan senegara) dan *patrice* (tanah air atau negara) (Saifuddin, 2005). Dari perkataan tersebut pula terbitnya istilah patriot yang memberi maksud orang yang memperjuang dan mempertahankan kebebasan tanah air atau pembela negara. Seseorang patriot mempunyai rasa kasih dan sayang yang mendalam

terhadap negaranya, prihatin terhadap kemajuan negara dan sanggup berkorban demi negara. Tindakan atau perlakuan patriotisme yang diperjuangkan oleh patriot pula seterusnya diistilahkan sebagai patriotik (Nathanson, 2007).

Selain itu patriotisme turut ditakrifkan sebagai sikap, semangat dan tindak-tanduk yang menjurus kepada gagasan dan usaha mengawal kepentingan, maruah dan kedaulatan negara dalam pelbagai bidang kehidupan termasuk ekonomi, politik, sosial, hubungan antarabangsa, kedaulatan, kebudayaan, agama, keselamatan, undang-undang dan sebagainya. Dalam konteks negara pelbagai kaum seperti Malaysia, patriotisme mempunyai kaitan rapat dengan perpaduan. Semangat patriotik yang kukuh akan melahirkan semangat perpaduan yang tinggi di mana kedua-duanya adalah aset penting bagi mewujudkan sebuah negara yang aman dan membangun (Aziz *et. al.*, 2014). Tanpa semangat patriotisme yang jitu agenda mendaulatkan negara boleh sahaja tersasar menjadi agenda memperjaungkan bangsa dan menimbulkan konflik perkauman.

Melihat peri pentingnya semangat patriotisme ini, setiap warganegara perlu memiliki semangat cinta dan setia kepada negara untuk menjamin kemajuan, kesejahteraan, keharmonian dan kedaulatan negara terus terpelihara. Bagaimanapun terdapat gambaran-gambaran jelas yang menunjukkan bahawa semangat patriotisme rakyat Malaysia khususnya generasi muda semakin merosot. Pengaruh budaya global yang lebih menarik minat golongan muda berbanding isu-isu kenegaraan adalah merupakan faktor penting berlakunya kelunturan semangat patriotisme tersebut (Azizan *et. al.*, 2004).

Usaha perlu dibuat untuk membangunkan semula semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda. Antaranya adalah melalui pendidikan sama ada secara formal atau tidak formal sepertimana yang telah dibincangkan oleh Ku Hasnita dan Mohd Haizam (2011). Semangat patriotisme juga bukanlah sesuatu wujud secara semula jadi dalam diri seseorang, sebaliknya perlu disemai, dipupuk dan diajar. Kajian oleh Eston dan Hess (1962) turut membuktikan bahawa pendidikan bercirikan patriotisme secara berperingkat (bermula seawal usia 3 tahun) berupaya melahirkan kesedaran patriotisme dalam kalangan kanak-kanak di Amerika Syarikat. Kajian mereka juga menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap pendidikan seseorang, semakin tinggi juga sikap prihatin mereka kepada isu dan hal ehwal negara. Sehubungan dengan itu dapat disimpulkan bahawa pendidikan merupakan mekanisme yang efisien untuk mengukuhkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat sesebuah negara. Bagaimanapun ianya tidak menafikan terdapatnya kaedah lain untuk tujuan yang sama sebagaimana pendapat yang mengatakan bahawa semangat patriotisme boleh diperolehi melalui pengalaman dalam kehidupan (Mohammad Shatar *et. al.*, 2016).

Dalam sistem pendidikan Malaysia, di peringkat sekolah penyemaian dan pengukuhan semangat patriotisme terangkum dalam subjek-subjek seperti Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Kajian Tempatan, Sejarah, Pendidikan Moral, Pendidikan Sivik dan Pendidikan Seni Visual. Semangat patriotisme seterusnya diperkukuhkan lagi melalui aktiviti badan beruniform seperti Pengakap, Kadet Polis, Kadet Bomba, Palapes dan pelbagai kelab-kelab sukan. Pelajar juga dilibatkan dalam aktiviti yang dapat memperkasa semangat patriotisme seperti Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Kempen Anti Dadah contohnya. Pada setiap kali perhimpunan mingguan pula lagu Negaraku dan lagu negeri akan dinyanyikan dan Rukun Negara akan diikrarkan serta bendera Jalur Gemilang akan dikibarkan (Ku Hasnita dan Mohd Haizam, 2011). Perkara-perkara tersebut adalah merupakan pendekatan yang secara tidak langsung mampu menanam dan mengembangkan doktrin patriotisme di peringkat kanak-kanak.

Bagaimanapun setelah memasuki institusi pengajian tinggi (IPT), usaha untuk terus menyuburkan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar yang telah memasuki alam belia seakan tidak lagi diberi tumpuan. Di kebanyakan IPT tidak ada lagi perhimpunan minggu yang mana di dalamnya dikibarkan bendera negara sambil lagu kebangsaan dinyanyikan.

Umumnya pelajar IPT juga tidak lagi diwajibkan menganggotai pasukan badan beruniform. Begitu juga dengan penglibatan dalam program-program berunsurkan patriotisme dan cinta negara. Ianya adalah pilihan pelajar. Kursus-kursus bertaraf wajib atau teras yang dapat menerapkan pendidikan patriotisma juga sangat minimum iaitu kursus Pengajian Malaysia 1 untuk peringkat sijil, kursus Pengajian Malaysia 2 untuk peringkat diploma dan Kursus Hubungan Etnik serta Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) untuk peringkat ijazah (Jabatan Pendidikan Tinggi, 2016).

Kurangnya pendekatan yang mampu membangunkan semangat patriotisme dalam kalangan mahasiswa IPT telah disedari oleh pihak kementerian. Hasilnya satu dokumen berkaitan indeks patriotisme telah dirangka dan diterbitkan untuk rujukan di peringkat IPT. Bagaimanapun terdapat kekangan untuk melaksanakan pendekatan-pendekatan yang dicadangkan kerana keterbatasan ruang pelaksanaannya. Sehubungan dengan itu kajian ini memilih kursus kokurikulum berkredit sebagai medium yang sesuai untuk penerapan pendidikan patriotisme di peringkat IPT. Walaupun hanya melibatkan dua hingga tiga jam kredit wajib sepanjang tempoh pengajian (Jabatan Pendidikan Tinggi, 2016) kursus kokurikulum dilihat mempunyai kekuatannya yang tersendiri. Berorientasikan pembelajaran berasaskan pengalaman (*experience based learning*) kursus-kursus kokurikulum dijangka mampu meningkatkan pemahaman, kemahiran dan penghayatan ke atas kemahiran kepimpinan dan semangat patriotisme yang merupakan sebahagian kemahiran insaniah penting untuk dikuasai oleh pelajar sebagaimana dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Othman *et. al.* (2008).

SOROTAN LITERATUR

Sarjana dan pemikir Islam tersohor, Dr. Yusuf Al-Qardhawi ada mengatakan “Apabila kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan, lihatlah generasi mudanya pada hari ini. Sekiranya golongan muda pada hari ini adalah daripada kalangan yang berakhlak dan berkhemah tinggi, tentunya negara kita pada masa hadapan menjadi sebuah negara yang aman makmur tetapi jika keadaan adalah sebaliknya, maka bersedialah untuk berhadapan dengan kemungkinan buruk yang akan berlaku” (Nor Hartini, 2008). Begitulah tokoh itu melihat pentingnya generasi belia dalam menentukan kemajuan dan masa depan negara.

Dalam hal tersebut, penjiwaan ke atas nilai-nilai patriotisme dalam kalangan belia adalah antara perkara penting yang dilihat mampu menyumbang kepada terbangunnya sebuah negara maju. Warganegara yang telah menjiwai nilai-nilai patriotisme serta mampu mempraktikkannya akan dapat menyumbang untuk memacu kemajuan negara kerana mereka mempunyai hala tuju yang jelas dan bersifat objektif. Warga seperti ini akan lebih nekad dan bersemangat untuk mencapai kejayaan dalam bidang yang diceburi dan pada masa yang sama berbakti kepada negara. Semangat patriotisme dan cintakan negara juga mampu menjadikan mereka sebagai pekerja, pegawai dan pemimpin yang berintegriti. Satu sikap yang sangat penting untuk sebuah negara yang bermaruah dan dihormati (Ku Hasnita dan Mohd Haizam, 2011).

Malangnya, perkembangan semasa yang dapat kita lihat hari ini seolah-olah tidak menyumbang kepada hasrat untuk melahirkan generasi yang mempunyai nilai patriotism yang tinggi. Lahir dalam era dunia tanpa sempadan serta pengaruh arus kemodenan telah mendedahkan mereka kepada satu cabaran baharu yang tidak dialami oleh generasi terdahulu. Kesannya sebahagian daripada mereka terpengaruh dengan budaya hedonisme iaitu suka berfoya-foya dan berhibur secara keterlaluan dan melalaikan (Ahmad Zaharudin, 2016). Capaian maklumat tanpa tapisan di zaman siber dan globalisasi pula mendedahkan generasi hari ini kepada ideologi-ideologi songsang seperti LGBT dan ekstremisme yang seterusnya menjerumuskan mereka dengan kegiatan tidak bermoral seperti penagihan dadah, seks bebas, keganasan, jenayah, ragut, lumba haram dan sebagainya.

Selain itu, situasi semasa berdasarkan laporan-laporan yang boleh dipercayai turut

membayangkan berlakunya kemerosotan nilai patriotisme dalam diri generasi belia Malaysia beberapa tahun kebelakangan ini. Antaranya, kajian yang telah dijalankan oleh Perspective Strategies Sdn. Bhd. mendapati 70.4% responden yang terdiri dari pelajar institusi pendidikan tinggi awam dan swasta memilih untuk berkhidmat di luar negara setelah menamatkan pengajian (Alif Fadli, 2015). Perkembangan seperti ini sememangnya tidak menjadi isu bagi negara miskin dan mundur yang kekurangan sumber ekonomi dan peluang pekerjaan. Namun bagi negara yang sedang menuju status negara maju seperti Malaysia, penghijrahan golongan belia yang layak menjadi tenaga profesional dan separa profesional adalah sesuatu yang perlu diberi perhatian. Khususnya apabila ianya melibatkan profesion-profesion kritikal seperti saintis dan doktor perubatan.

Kekurangan kepakaran tempatan bakal menjadikan negara hilang daya saing di peringkat global. Tidak hanya untuk pekerjaan berstatus tinggi, sebahagian rakyat Malaysia juga sanggup untuk bekerja di luar negara hanya sebagai buruh. Buktinya pada tahun 2016, mstar melaporkan terdapat 600,000 rakyat Malaysia bekerja dalam sektor 3D (*Dirty, Difficult and Dangerous*) di luar negara (Shagar, 2016). Ketidaksanggupan rakyat untuk berkhidmat di negara sendiri menyebabkan kekosongan yang ditinggalkan diisi oleh warga asing yang sedikit sebanyak menimbulkan keresahan sosial dalam kalangan warganegara. Apatah lagi sebahagiannya masuk ke negara ini secara haram. Itu belum lagi mengambil kira kerugian ekonomi akibat pengaliran wang ke negara asing. Sememangnya negara-negara luar yang lebih maju atau kaya mampu menawarkan gaji dan faedah lain yang lebih tinggi, namun itu tidak seharusnya dijadikan alasan untuk meninggalkan tanah air tercinta jika rakyat mempunyai sikap patriotisme yang tinggi. Peribahasa Melayu ada menyebut 'Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri', seharusnya begitulah kecintaan terhadap negara yang perlu tersemat dalam jiwa setiap warga Malaysia.

Integriti adalah salah satu sikap yang terlahir dari kecintaan terhadap negara yang menjurus kepada nilai patriotisme dalam diri seseorang. Seseorang yang mempunyai integriti yang tinggi akan sentiasa mengutamakan maruah dan kepentingan negara mengatasi kehendak diri sendiri. Dengannya, kebarangkalian untuk mereka menyalahgunakan kuasa untuk mengayakan diri ketika menjadi pegawai atau pemimpin umpamanya adalah sangat rendah (Ku Hasnita dan Mohd Haizam, 2011). Adalah menjadi satu kebimbangan apabila mendapati bahawa tahap integriti dalam kalangan belia khususnya mahasiswa institusi pengajian tinggi di negara ini boleh diragui. Hasil kajian oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada tahun 2016 mendapati 16% dalam kalangan mahasiswa sanggup menerima rasuah manakala 18.5% sanggup memberi rasuah (Leolerry, 2017).

Ini adalah sesuatu yang serius kerana kegiatan rasuah akan melumpuhkan fungsi perjalanan sesuatu organisasi dan negara. Menurut Sarah Dina dan Mohd Adib (2013) kegiatan rasuah akan menghakis kepercayaan banyak pihak kepada urus tadbir negara. Orang ramai, termasuk pelabur dari dalam dan luar negara akan hilang keyakinan ke atas dasar-dasar kerajaan seterusnya memberi implikasi negatif kepada kemajuan ekonomi negara. Rasuah juga adalah punca kepada pengabaian kepentingan masyarakat yang merupakan tanggungjawab terpenting pemerintah.

Kebelakangan ini media turut menyajikan berita berkaitan tingkah laku rakyat termasuk golongan belia yang mencerminkan kemerosotan nilai patriotisme sebagai warganegara sebuah negara berdaulat. Antaranya, kes membakar dan memijak bendera, cubaan menukar bendera rasmi, tidak menghormati lagu Negaraku, cubaan mempertikai kedudukan Raja- raja Melayu, memburukkan negara serta memperlekeh produk buatan Malaysia (Mohammad Shatar *et. al.*, 2016). Senario seperti itu dalam kalangan golongan muda menunjukkan lunturnya semangat patriotisme generasi yang bakal memimpin negara di masa akan datang.

Di peringkat pengajian tinggi, nilai patriotisme dalam kalangan mahasiswa hari


ini adalah saling berkait dengan kemahiran insaniah mereka. Ini termasuklah kemahiran kepimpinan yang menjadi salah satu kemahiran penting yang perlu diterapkan kepada pelajar selain lima lagi kemahiran insaniah lain iaitu: 1) kemahiran berkomunikasi; 2) kemahiran sosial, kerja berpasukan dan bertanggungjawab; 3) profesional, nilai, sikap dan etika; 4) pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat; dan 5) kemahiran pengurusan dan keusahawanan (Jabatan Pendidikan Tinggi, 2016; Mohammad Shatar *et. al.*, 2016; Jamaludin *et la.*, 2009). Sarjana-sarjana patriotisme juga turut mengakui bahawa kualiti kepimpinan dalam diri seseorang merupakan satu faktor yang menyumbang kepada ketinggian nilai patriotisme sehingga mampu memimpin satu gerakan untuk mempertahankan dan mendaulatkan negara meraka (Baker and Oneal, 2001; Spilker, 2006; Simonsen, 2000).

Dalam hal tersebut, telah menjadi amalan di peringkat institusi pengajian tinggi untuk menerapkan kemahiran kepimpinan kepada pelajar melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran kursus kokurikulum. Keberkesanan penerapan kemahiran kepimpinan tersebut dalam aktiviti kokurikulum telah dibuktikan berkesan khususnya apabila melibatkan aktiviti gerak kerja luar secara berpasukan yang memerlukan seorang pemimpin untuk menjadi ketua bagi menjayakan program yang dirancang dengan lancar (Gunter, 2001; Hopson, 2002).

Berasaskan kepada isu dan permasalahan tersebut, kajian ini dijalankan untuk mengukur hubungan antara penglibatan pelajar universiti dalam aktiviti kokurikulum berkredit dengan peningkatan kemahiran kepimpinan dan perkembangan semangat patriotisme dalam diri mereka. Ini adalah satu usaha yang dibuat untuk membentuk generasi muda yang cinta kepada negara dan mempunyai semangat patriotisme tinggi melalui pendidikan. Diharapkan ia akan menyumbang kepada usaha yang lebih holistik ke arah pembentukan generasi belia yang bermoral dan berhemah tinggi, terutamanya dalam memenuhi aspirasi Malaysia sebagai sebuah negara maju dan dihormati.

MODEL KAJIAN


Tujuan kajian ini adalah untuk menilai pengaruh penyertaan pelajar dalam aktiviti ko-kurikulum ke atas peningkatan nilai patriotisme dalam diri mereka. Untuk tujuan tersebut, Model Penilaian Latihan Empat Peringkat (Kirkpatrick, 2006) telah diguna pakai. Kajian ini juga mencadangkan kemahiran kepimpinan sebagai moderator dalam interaksi antara penglibatan dalam aktiviti kokurikulum dan peningkatan nilai patriotisme yang masing-masing berfungsi sebagai pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Rajah 1 menunjukkan model kajian yang dicadangkan dalam kajian ini.



Rajah 1 Model Kajian

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kuantitatif ini telah menggunakan kaedah tinjauan secara rentasan ke atas 279 responden yang dipilih dari kalangan mahasiswa prasiswazah di Universiti Malaysia Terengganu. Penentuan bilangan responden dibuat berdasarkan Formula Penetapan Saiz Sampel yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) dengan bilangan populasi pelajar yang mengikuti kursus kokurikulum seramai 1020 orang semasa kajian dijalankan. Bagi memastikan sampel yang dipilih dalam kajian ini mewakili setiap ciri populasi, pemilihan sampel dilakukan secara rawak berlapis. Ringkasan pengelasan persampelan rawak berlapis adalah seperti ditunjukkan dalam Rajah 2.



Nota: n =bilangan populasi; s =bilangan sampel

Rajah 2 Persampelan berlapis empat strata (modifikasi daripada McMillan, 2004)

Data dikumpul dengan menggunakan soal selidik yang menggunakan maklum balas dengan lima skala, bermula dari yang terendah iaitu 'sangat tidak setuju', kepada skala tertinggi 'sangat setuju'. Data yang diperolehi seterusnya dianalisis dengan menggunakan Model Persamaan Struktur (SEM) manakala interaksi antara pemboleh ubah diuji menggunakan pekali regresi dan nisbah kritikal (CR).

Pemboleh ubah peramal dianggap menyumbang secara signifikan kepada pemboleh ubah responsif jika nilai CR lebih besar daripada 1.96 dan nilai signifikan (P) sama atau kurang daripada 0.05. Kesan moderator untuk interaksi antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar diuji oleh pengantaraan separa. Pemboleh ubah moderator mempengaruhi hubungan antara peramal dan pemboleh ubah responsif jika kesan tidak langsung lebih kecil atau sama dengan kesan keseluruhan.

Seterusnya, kesesuaian model hipotesis diuji menggunakan beberapa indeks yang sesuai seperti Khi Square (CMIN), CFI, RMSEA, PNFI dan PCFI. Model hipotesis dianggap sesuai untuk data yang dikumpulkan apabila nilai signifikan Khi Square dan CFI masing-masing melebihi 0.05 dan 0.90. Nilai RMSEA juga dianggap diterima jika ianya lebih kecil daripada 0.08 atau dalam kes-kes tertentu kurang daripada 0.1 (Byrne, 1998). Model ini juga dianggap sesuai apabila nilai PCFI dan PNFI melebihi 0.5 (Meyers *et. al*, 2006).

DAPATAN KAJIAN

Nilai deskriptif, normalisasi, kesahan, kebolehpercayaan dan inter-korelasi penglibatan kokurikulum (PK), kemahiran kepimpinan (KK) dan nilai patriotisme (NP) adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Berdasarkan keputusan tersebut, boleh diandaikan bahawa pengukuran semua pemboleh ubah mencapai kesahan konvergen ($AVE > 0.5$), kebolehpercayaan komposit ($CR > 0.701$), validasi diskriminasi ($\text{Square-root } AVE > \text{inter-}$

korelasi di dalam pemboleh ubah) dan dalam taburan normal (skewness dan kurtosis antara -1 dan +1). Hasilnya juga menunjukkan bahawa semua pemboleh ubah mempunyai kaitan yang tinggi antara satu sama lain dan berada pada tahap yang tinggi apabila skor min lebih daripada 4.35.

Jadual 1 Dapatan deskriptif

Pemboleh ubah	Min	Sd	Skew	Kurt	AVE	AVE SQRT	CR	1	2	3
1 PK	4.348	0.039	-0.998	0.843	0.560	0.748	0.918	1.000	.593	.439
2 KK	4.301	0.035	-0.458	0.529	0.618	0.786	0.941	.593	1.000	.416
3 NP	4.628	0.033	-0.525	0.036	0.635	0.797	0.945	.439	.416	1.000

Sementara itu, Jadual 2 menunjukkan hasil interaksi antara pemboleh ubah yang dicadangkan dalam model hipotesis. Ujian mendapati pemboleh ubah penglibatan dalam aktiviti kokurikulum menyumbang secara positif dan signifikan ke atas pemboleh ubah kemahiran kepimpinan dan pemboleh ubah nilai patriotisme. Selain itu, pemboleh ubah kemahiran kepimpinan juga meramalkan secara positif dan signifikan terhadap pemboleh ubah nilai patriotisme.

Jadual 2 Interaksi antara pemboleh ubah

Sebab-Kesan			Estimate	S.E.	C.R.	P
Kemahiran Kepimpinan	<---	Penglibatan Kokurikulum	.505	.061	8.257	***
Patriotism	<---	Kemahiran Kepimpinan	.221	.080	2.769	.006
Patriotism	<---	Penglibatan Kokurikulum	.297	.070	4.238	***


Untuk ujian separa-pengantara, keputusan (Jadual 3) menunjukkan bahawa nilai kesan keseluruhan (0.445) adalah lebih besar daripada nilai kesan tak langsung (0.121). Berdasarkan dapatan tersebut, dapat disimpulkan bahawa kemahiran kepimpinan adalah moderator bagi interaksi antara pemboleh ubah penglibatan kokurikulum dan pemboleh ubah nilai patriotisme. Ianya bermaksud bahawa penglibatan dalam aktiviti kokurikulum secara langsung mempengaruhi peningkatan semangat patriotisme dalam kalangan mahasiswa dan ia boleh dipertingkatkan dengan melalui peningkatan kemahiran kepimpinan mereka.

Jadual 3 Kesan total, kesan langsung dan kesan tidak langsung

Kesan	Total			Langsung			Tidak langsung		
Pemboleh ubah	1 CP	2	3	1	2	3	1	2	3
2 LS	.588	0	0	.588	0	0	0	0	0
3 P	.445	.207	0	.323	.207	0	.121	0	0

Rajah 3 berikut menunjukkan model akhir kajian. Model akhir ini menggambarkan interaksi antara pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian yang dicadangkan di mana ia menunjukkan bahawa kemahiran kepimpinan adalah moderator bagi hubungan antara penglibatan kokurikulum dan nilai patriotisme. Data penyelidikan yang dikumpul juga jelas menyokong

dan selari dengan model hipotesis yang telah dicadangkan.



KESIMPULAN DAN SYOR

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menilai peranan penglibatan dalam aktiviti kokurikulum ke atas peningkatan nilai-nilai patriotisme di kalangan pelajar universiti. Penemuan menunjukkan bahawa penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum sememang dapat meningkatkan nilai patriotisme dalam diri mereka. Keputusan kajian juga menunjukkan bahawa kemahiran kepimpinan adalah pengantara dalam hubungan antara penglibatan dalam aktiviti kokurikulum dan nilai patriotisme. Pada asasnya, penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum secara langsung mampu meningkatkan kemahiran kepimpinan dan seterusnya mampu memperkukuhkan lagi nilai patriotisme dalam diri mereka.

Sehubungan ini, kajian ini menunjukkan bahawa penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum di peringkat universiti harus digalakkan dalam usaha untuk membentuk golongan belia berpendidikan yang cinta kepada negara. Ini adalah suatu perkara yang sangat penting kerana pencapaian agenda dan wawasan negara bergantung pada semangat patriotisme dalam kalangan warga negara khususnya belia.

RUJUKAN

- Ahmad Zaharudin, S. A. (2016, June 9). *Jangan abaikan pewaris negara*. Retrieved from <http://www.mstar.com.my/lain-lain/rencana/2016/03/21/jangan-abaikan-pewaris-negara/>
- Alif Fadli, M. S. (2015, June 10). *Ramai belia minat bekerja di luar negara*. Retrieved from <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/ramai-belia-minat-bekerja-di-luar-negara-1.112018>
- Azizan, B., Abdul Rahman, A. & Azimi, H.. (2004). *Generasi Muda Menangani Cabaran*. Alor Star: Yayasan Dr. Rodzi.
- Aziz, U., Jamaluddin, M.J., Kadir, A. & Kadaruddin, A. (2014). Kesedaran generasi muda terhadap patriotisme dan perpaduan nasional di Malaysia. *International journal of the Malay World and Civilization*, 2(2): 31-39.
- Baker, W.D. and Oneal J.R. (2001). Patriotism or Opinion Leadership?: The Nature and Origins of the "Rally 'Round the Flag" Effect. *The journal of Conflict Resolution*,

45 (5):661-687.

- Byrne, B.M. (1998). *Structural Equation Modelling with LISREL, PRELIS and SIMPLIS: Basic Concepts, Application and Programming*. Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Eston, D., Hess, R.D. (1962). The child's political world. *Midwest Journal of Political Science*, 6(3): 229-246. Gunter, H.M. (2001). *Leaders and leadership in education*. London: Paul Chapman Publishing.
- Hopen, D. (2002). Guiding corporate behaviour: A leadership obligation, not a choice. *The Journal for Quality & Participation*, 25(4): 15-19.
- Jabatan Pendidikan Tinggi. (2016). *Garis panduan mata pelajaran umum (MPU) edisi kedua*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi.
- Kamus Dewan. (1989). Ed. Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kirkpatrick, D.L. (2006). *Evaluating Training Programs (3rd Edition)*. San Francisco: Benett-Koehler Publisher.
- Krejcie, R.V and Morgan, D.W. (1970). Determining sampel size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Ku Hasnita, K. S., & Mohd Haizam, M.N. (2011). Kepentingan pendidikan patriotisme terhadap warganegara Malaysia. *Jurnal Jati*, 16(1): 23-34.
- Leolerry, L. (2017, June 10). *Penglibatan rasuah dalam kalangan mahasiswa berada di tahap yang membimbangkan-SPRM*. Retrieved from <https://www.sayangsabah.com/penglibatan-rasuah-dalam-kalangan-mahasiswa-berada-di-tahap-yang-membimbangkan-sprm/>
- McMillan, J.H. (2004). *Educational research fundamentals for consumer (4th ed.)*. Boston: Pearson Education.
- Meyers, L.S., Gamst, G & Guarino, A.J. (2006). *Applied multivariate research: Design and interpretation*. London: Sage Publication.
- Mohammad Shatar, S., Abdul Jamal, A. H., Ahmad Ariffian, B. & Ahmad, E. (2016). *Indeks patriotisme: kepentingan dan sumbangan mahasiswa kepadanegara*. Putrajaya: Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi.
- Nathanson, S. (2007). *Is cosmopolitan anti-patriotism a virtue?* In Primoratz, I. & Parkovic, A. (eds.). *Patriotism: Philosophical and Political Perspective*. Hampshire: Ashgate Publishing Company.
- Nor Hartini, S. (2008). *Belia hari ini cermin masa depan negara*. In Mohammad Shatar, S., Abdul Jamal, A. H., Ahmad Ariffian, B. & Ahmad, E. (2016). *Indeks patriotisme: kepentingan dan sumbangan mahasiswa kepada negara*. Putrajaya: Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi.
- Othman, H., Mohd Salleh, B., Syed Abdullah, S. M. D. & Sulaiman, A. (2008). *Perlaksanaan pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman (PBL dan POPBL) bagi meningkatkan kemahiran insaniah pelajar*. Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial (SKIKS) 2008, 18-19 Ogos, 2008, Hotel Mahkota, Melaka.

- Saifuddin, A. (2005). *Patriotisme alaf baru: Dari semangat kepada khidmat*. Dlm. Hussain Mohamad (pnyt.). *Belia dan Patriotisme Malaysia*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).
- Sarah Dina, M. A & Mohd Adib, I. (2013). Impak rasuah kepada pertumbuhan ekonomi. *Prosiding Perkem*, 8(2): 246-253
- Shagar, K, L. (2016, June 11). *600,000 Rakyat Malaysia Bekerja Di Sektor 3D Tetapi Di Luar Negara*. Retrieved from <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2016/02/17/rakyat-msia-kerja-sektor-3d/>
- Simonsen, S.G. (2000). Putin's leadership style: Ethnocentric Patriotism. *Security Dialogue*, 31(3): 377-380.
- Spilker, D. (2006). The east German Leadership and the Division of Germany Patriotism and Popaganda 1945-1953. New York: Oxford University Press.

Profil Penulis:

Masduki Mohammad Morni, PhD Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan Universiti Malaysia Terengganu 21030 Kuala Nerus, Terengganu

Mohd Yusri Ibrahim

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan Universiti Malaysia Terengganu 21030 Kuala Nerus, Terengganu

Samsiah Abdul Hamid

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan Universiti Malaysia Terengganu 21030 Kuala Nerus, Terengganu

Mohammad Mahdi Abas

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan Universiti Malaysia Terengganu 21030 Kuala Nerus, Terengganu

Kasawani Ibrahim

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan Universiti Malaysia Terengganu 21030 Kuala Nerus, Terengganu

Hamdan Aziz

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan Universiti Malaysia Terengganu 21030 Kuala Nerus, Terengganu

Mat Rahimi Yusof

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden Universiti Utara Malaysia
06010 UUM, Sintok, Kedah

PERANAN PEMBANGUNAN BELIA POSITIF KEPADA KELESTARIAN ORGANISASI PERTUBUHAN BELIA DI MALAYSIA

ANIS SURIANY CHE MOHD SHUKREE, MOHD MURSYID ARSHAD, ISMI ARIF
ISMAIL & SITI NOORMI ALIAS

ABSTRAK

Usaha pembangunan belia memerlukan sinergi pelbagai pihak termasuk pertubuhan belia dalam menanamkan sifat bertanggungjawab, berdikari, bersemangat sukarela dan patriotik di mana belia memainkan peranan menjadi penggerak kepada pembangunan bangsa, agama dan negara. Untuk mencapai kecemerlangan dalam setiap perancangan dalam pembangunan belia di Malaysia, pertubuhan belia telah dipertanggungjawabkan untuk membawa perubahan tersebut. Pembangunan belia dalam pertubuhan belia merupakan antara agenda penting yang ditekankan dalam Dasar Belia Malaysia (2015). Pertubuhan belia turut dilihat sebagai tempat untuk membangunkan sumber manusia dari konsep sendiri serta penerapan nilai-nilai murni dalam setiap ahli di pertubuhan belia yang telah membangunkan belia positif. Pembangunan Belia Positif merupakan konsep yang ditekankan dalam Dasar Belia Malaysia (2015) yang memberi fokus terhadap kemahiran kognitif, sosial dan emosi serta kebolehan yang diperlukan dalam sesebuah kehidupan. Sehubungan itu, pendekatan Pembangunan Belia Positif ini dapat membantu belia untuk mencapai kecemerlangan daripada emosi, rohani dan jasmani yang seimbang. Pembangunan belia yang positif dalam pertubuhan belia ini dipercayai akan membantu kelestarian organisasi dalam pertubuhan belia secara berterusan. Artikel ini membincangkan mengenai peranan Pembangunan Belia Positif kepada kelestarian organisasi pertubuhan belia. Hasil daripada perbincangan kertas konsep ini diharap dapat memberi sumbangan terhadap pemahaman yang lebih mendalam mengenai peranan Pembangunan Belia Positif dalam kelestarian organisasi dalam pertubuhan belia di Malaysia.

Kata Kunci: Kelestarian Organisasi, Pembangunan Belia Positif, Pertubuhan Belia, Model Pembangunan Belia Positif, Belia.

ABSTRACT

Youth development efforts require the synergy of many parties, including youth organizations to instill responsible, self-reliant, voluntary and patriotic spirit in which youth play a leading role in the development of race, religion and nation. To achieve excellence in every planning for youth development in Malaysia, youth organizations have been charged with bringing about these changes. Youth development in youth organizations is one of the important agenda highlighted in the Malaysian Youth Policy (2015). Youth organizations are also seen as a place to develop human resources from the concept of self and the application of values to every member of the youth society who has developed positive youth. Positive youth development is a concept emphasized in the Malaysian Youth Policy (2015) that focuses on the cognitive, social and emotional skills and abilities needed in a lifetime. In this regard, this positive approach to youth development can help the youth to achieve emotional, spiritual and physical well-being. With the formation of positive youth this will give a positive change to the youth organization which enables the sustainability of the organization of youth organizations. This article discusses the importance of positive youth development in helping the organization of youth organizations. The results of this discussion are expected to contribute to a deeper understanding of the relevance of organizational sustainability and positive youth development in Malaysian youth organizations.

Keywords: Organizational Sustainability, Positive Youth Development, Youth Organization, Positive

PENGENALAN

Pembangunan belia amat penting dalam memupuk kehidupan yang positif. Kehidupan yang positif akan membawa kepada peningkatan kualiti hidup dengan mempunyai sifat nilai-nilai murni dan berintegriti dalam setiap individu. Sehubungan itu, kerajaan telah berusaha untuk menganjurkan pelbagai program pembangunan belia untuk membangunkan belia di Malaysia. Pembangunan belia yang dianjurkan perlu bersifat reaktif terhadap keperluan dan keutamaan belia di mana ianya perlu memberi tumpuan terhadap penyerlahan potensi diri belia dalam semua bidang (Azimi, 2005). Oleh itu, pertubuhan belia boleh dijadikan tempat untuk memupuk potensi belia dengan cara yang positif melalui pendekatan Pembangunan Belia Positif (Dasar Belia Malaysia, 2015).

Kelestarian sesebuah organisasi adalah bergantung kepada tingkah laku individu dalam organisasi tersebut. Sehubungan itu, pemimpin dan ahli dalam pertubuhan belia merupakan agen penggerak yang akan memastikan kelestarian organisasi dalam pertubuhan belia (Hamzah, 2001).

SOROTAN LITERATUR

Pembangunan organisasi

Pembangunan organisasi merupakan usaha dalam merancang, memperluaskan organisasi, mengurus peringkat atasan, meningkatkan keberkesanan dan kesejahteraan organisasi melalui proses tindakan yang dirancang (Brown, 2010). Pembangunan organisasi juga bertindak melalui proses yang melibatkan keseluruhan ekonomi dan sistem sosial yang merujuk kepada realiti yang melibatkan fizikal dan pemikiran individu dalam mendapatkan sebuah kehidupan yang lebih baik dari segi sosial, ekonomi dan politik (Blake & Mouton, 1982). Tindakan yang dirancang merangkumi dari semua peringkat dalam organisasi dari peringkat atasan hingga pihak bawahan.

Perancangan yang dijalankan akan memberi kesan terhadap tahap efektif dalam sesebuah organisasi (Benn *et. al.*, 2014). Sesebuah organisasi boleh meningkatkan tahap efektif dalam organisasi dengan meningkatkan pengurusan dalam pembangunan kepemimpinan, strategi perancangan, reka bentuk program dan penilaian. Selain itu juga, kesan daripada peningkatan tahap efektif ini akan menjadikan misi dan visi organisasi tersebut tercapai sekaligus memberikan kesan yang positif terhadap organisasi (Blake & Mouton, 1982). Organisasi yang efektif dapat berkembang bersama perkembangan individu dalam organisasi tersebut dalam memastikan organisasi dapat berdaya saing dalam pasaran.

Pembangunan organisasi ini juga mempunyai tujuan untuk meningkatkan keupayaan organisasi untuk menjalankan perubahan. Sehubungan itu, kejayaan dan kegagalan sesebuah organisasi adalah bergantung terhadap keupayaan organisasi tersebut mengikut perubahan persekitaran (Brown, 2010). Perubahan melibatkan bahagian tertentu di dalam sesebuah organisasi. Ianya bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan dalam sebuah sistem dan membangunkan potensi individu dalam organisasi tersebut. Organisasi yang efektif dapat berkembang bersama perkembangan individu dalam organisasi tersebut dalam memastikan organisasi dapat berdaya saing dalam pasaran.

Setiap organisasi mempunyai kitaran yang tersendiri dengan bermula, berkembang dan berakhir yang bergantung kepada penyesuaian perubahan persekitaran. Organisasi perlu dirancang, diatur, dikawal, dinilai dan dipimpin oleh pemimpin dalam organisasi tersebut bagi mencapai matlamat organisasi (Blake & Mouton, 1982). Sebuah organisasi dilihat lebih berkesan apabila dapat memenuhi matlamat, objektif dan strategi organisasi tersebut. Pencapaian matlamat dalam sesebuah organisasi akan menentukan tempoh kelestarian organisasi tersebut (Ghemawat, 2010).

Kelestarian organisasi dalam pertumbuhan belia

Kelestarian organisasi merujuk kepada proses yang memerlukan usaha secara berterusan untuk mengekalkan kestabilan kewangan (Orlitzky *et. al.*, 2003; Jegers & Verschueren, 2006), untuk mengekalkan operasi dalam sesebuah pengurusan (Pfeffer & Salancik, 2005) dan strategi dalam sesebuah organisasi (Germak & Singh, 2010). Kelestarian organisasi merupakan sebuah strategi dalam perniagaan yang mempengaruhi pasaran untuk kekal dalam jangka masa yang panjang yang membawa kepada kejayaan terhadap organisasi.

Menurut Garza *et. al.* (2014), kejayaan sesebuah organisasi merupakan hasil keputusan yang dipilih oleh pihak atasan. Hasil keputusan yang dicapai ini akan memberi kesan terhadap persekitaran politik, ekonomi, teknologi dan sosial (Presley *et. al.*, 2007). Sehubungan itu, hasil keputusan akan membawa organisasi kepada tahap yang lebih tinggi mengikut keberkesanan hasil keputusan yang ditetapkan oleh organisasi tersebut (Jegers & Verschueren, 2006).

Keberkesanan dalam sesebuah organisasi adalah bergantung kepada strategi yang dirancang yang bersesuaian dengan persekitaran walaupun mempunyai persaingan yang tinggi. Persaingan yang tinggi disebabkan oleh perubahan persekitaran politik, ekonomi, teknologi dan sosial. Analoui dan Samour (2012) telah menjalankan kajian terhadap strategi dalam proses pengurusan dalam badan bukan kerajaan mendapati bahawa strategi mempunyai kaitan dengan keperluan. Keperluan merujuk kepada faktor persekitaran, kepemimpinan, hubungan sosial, sumber fizikal dan mental yang telah disesuaikan dengan mengikut matlamat pertumbuhan (Hamzah, 2001).

Sehubungan itu, sesebuah pertumbuhan belia perlu merancang, melaksana dan menilai sesebuah program yang akan digerakkan oleh barisan pihak pengurusan dan pentadbiran (Hamzah, 2005). Kelestarian organisasi dalam pertumbuhan belia juga adalah berdasarkan elemen-elemen yang terdiri daripada pertumbuhan, kepemimpinan, kemahiran, inovasi dan keusahawanan. Setiap elemen tersebut mempunyai hubung kait dan saling bergantung diantara satu sama lain adalah merujuk kepada keperluan pembentukan pembangunan belia positif. Ianya dilihat amat penting untuk membantu kelestarian organisasi dalam pertumbuhan belia (Hamzah, 2001).

Pembangunan Belia Positif

Pembangunan Belia Positif merupakan sebuah proses sosial yang melibatkan belia, orang dewasa, masyarakat, agensi kerajaan dan sekolah dalam menyediakan peluang terhadap belia bagi meningkatkan minat, kemahiran dan kebolehan dalam menghadapi persediaan menuju ke alam dewasa. Pembangunan Belia Positif ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan belia serta membina kompetensi yang relevan dalam melahirkan generasi dewasa yang cemerlang (Delgado, 2002).

Pembangunan Belia Positif terdiri daripada elemen '5C' antaranya penyayang (*caring*), cekap (*competence*), perwatakan (*character*), keyakinan (*confidence*) dan kerjasama (*cooperation*) (Lerner *et. al.*, 2005; 2011). Terdapat dua jenis aset yang berperanan untuk menjadikan belia mempunyai nilai positif iaitu aset individu dan aset luaran. Aset individu terdiri daripada kekuatan dalam belia yang terdiri daripada kekuatan kognitif, emosi dan tingkah laku yang akan membentuk dalaman belia yang menjadikan belia dalam keadaan yang lebih baik (Silbereisen & Lerner, 2007; Lerner *et. al.*, 2010). Manakala aset ekologi adalah aset luaran yang terdiri daripada jaringan sosial, jaringan institusi, individu disekeliling dan kebolehan untuk mengakses pelbagai sumber (Lerner *et. al.*, 2005; Agans *et. al.*, 2014).

Menurut Lerner *et. al.* (2015), belia mempunyai kekuatan dan keupayaan untuk mengubah tingkah laku dan karakter psikologi. Kekuatan dan keupayaan ini disesuaikan mengikut persekitaran positif yang dipengaruhi oleh keluarga, institusi pendidikan dan komuniti yang berperanan dalam proses pembangunan belia (Theokas & Lerner, 2006) Proses

pembangunan belia yang efektif ini akan memberi pengikatan hubungan di antara belia dan orang dewasa secara langsung yang akan memberi kesan yang positif terhadap peluang belia untuk terlibat dalam pertubuhan belia di Malaysia.

Sehubungan itu, Dasar Belia Malaysia (2015) telah mensasarkan penyerlahan potensi belia yang berlandaskan Pembangunan Belia Positif yang mempunyai lapan (8) ciri utama iaitu penyayang (*caring*), cekap (*competence*), perwatakan (*character*), keyakinan (*confidence*), kerjasama (*cooperation*), bertimbang rasa (*considerate*), kompetitif (*competitive*) dan sumbangan (*contribution*). Ciri-ciri utama ini turut menitikberatkan dari aspek kesihatan fizikal dan emosi, peribadi atau sosial, ilmu pengetahuan, kreativiti dan keupayaan berfikir, kemahiran vokasional dan kewarganegaraan. Aspek-aspek ini akan memenuhi kehendak belia untuk menjadikan belia yang lebih berdaya saing pada masa akan datang (Lawrence, 1998).

Peranan Pembangunan Belia Positif dalam kelestarian organisasi

Proses kelestarian organisasi yang berlaku mewujudkan hasil perhubungan dan kebergantungan di antara satu sama lain bagi membangunkan sesebuah organisasi (Meredith, 2015). Oleh itu, terdapat tiga aspek yang penting dalam mencapai kelestarian organisasi antaranya kestabilan organisasi, kestabilan moral dan kestabilan kewangan (Garza *et. al.*, 2014). Ianya jelas menunjukkan bahawa kepentingan kestabilan moral untuk membantu kelestarian organisasi. Kestabilan moral ini disifatkan sebagai sesuatu yang subjektif apabila tindakan yang dilakukan oleh belia mempengaruhi kelestarian organisasi. Ini kerana belia dilihat sebagai individu yang dapat berfikir di antara baik dan buruk, menguruskan diri, membuat pertimbangan rasional dan berilmu pengetahuan (Samsudin, 2007)

Kestabilan moral merujuk kepada pemimpin dalam pertubuhan belia. Apabila pemimpin merupakan individu yang bertindak untuk mempertimbangkan pendapat dan hasil keputusan yang ditetapkan bersama dengan ahli pertubuhan belia. Ini kerana, pemimpin pertubuhan belia perlu memastikan setiap tugas dapat dilaksanakan dengan mempengaruhi belia yang lain supaya percaya, taat dan bekerja keras untuk mencapai misi dan visi yang telah ditetapkan (Hamzah, 2005).

Oleh itu, Pembangunan Belia Positif memberi fokus terhadap perubahan persekitaran, kemahiran dan tingkah laku positif serta pembentukan sikap, jati diri dan personaliti yang positif dalam serta melahirkan belia yang berkeyakinan diri yang tinggi. Pendekatan dalam Pembangunan Belia Positif mempunyai kekuatan dan kemampuan yang akan membangunkan infrastruktur dan individu (Samsudin, 2007). Ianya dianggap sebagai perlakuan terhadap pembangunan bagi setiap individu yang merangkumi kepemimpinan diri dari sudut pemikiran, emosi dan fizikal. Hasil dari penerapan pendekatan Pembangunan Belia Positif ini akan membantu belia untuk menghargai perbezaan dari segi akademik dan kerjaya, saling membantu dan mempunyai personaliti yang positif.

Perhubungan di antara kestabilan emosi dan Pembangunan Belia Positif boleh dilihat dalam Rajah 1. Kesan daripada pendekatan Pembangunan Belia Positif dalam pertubuhan belia adalah membantu dalam meningkatkan potensi belia. Terdapat lima elemen yang telah dikenal pasti sebagai elemen yang perlu dimiliki oleh setiap belia antaranya penyayang (*caring*), cekap (*competence*), perwatakan (*character*), keyakinan (*confidence*) dan kerjasama (*cooperation*) (Lerner *et. al.*, 2005). Model '5C' ini memainkan peranan penting untuk meningkatkan kestabilan moral dalam pertubuhan belia. Ini kerana kelima-lima 'C' tersebut akan dapat dibangunkan apabila kekuatan selari dengan sumber dan peluang daripada persekitaran (Lerner *et. al.*, 2005). Kekuatan '5C' ini akan memberi perhubungan secara langsung terhadap sumbangan positif kepada diri, keluarga dan komuniti yang akan membantu dalam kestabilan organisasi yang akan membawa kepada kelestarian organisasi.



Rajah 1: Kerangka Konseptual

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan konseptual di atas, kelestarian organisasi terbentuk dalam pembinaan Pembangunan Belia Positif. Pertubuhan belia turut melatih golongan belia untuk membantu belia dalam menguruskan program yang berkaitan dengan masyarakat. Ianya dilihat dapat membantu untuk meningkatkan kebolehpasaran dan kemahiran modal insan (Taru, 2013).

Pembangunan Belia Positif merupakan prinsip yang diperlukan untuk menjamin kesejahteraan hidup secara langsung dan tidak langsung. Oleh itu, kelestarian organisasi ini tercipta daripada persekitaran yang produktif dan harmoni bagi memenuhi keperluan sosial dan ekonomi negara. Pembangunan Belia Positif ini dilihat dapat membantu dalam pembangunan pertubuhan belia di mana Pembangunan Belia Positif adalah untuk memastikan keperluan dan keutamaan belia dipenuhi bagi melahirkan generasi belia yang cemerlang. Pembangunan Belia Positif mempunyai matlamat pembangunan positif dan suasana yang membawa kepada kesejahteraan dalam setiap aspek dalam kehidupan. Oleh itu, Pembangunan Belia Positif adalah hasil yang dikehendaki daripada golongan belia di mana rangkuman hasrat dan aspirasi negara dalam membentuk komuniti yang sihat, bahagia dan produktif.

Pertubuhan belia yang semakin berkembang untuk mewujudkan belia Malaysia yang memiliki peribadi yang bersepadu dari segi rohaniah, akhlak dan jasmaniah, bertanggungjawab, berdikari, bersemangat sukarela dan patriotik, serta menjadi penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran bangsa, agama dan negara. Oleh itu, struktur, sistem dan sumber manusia dalam pertubuhan belia sedang menuju ke arah visi dan misi yang telah diolah dengan baik mengikut perlembagaan negara bagi memastikan belia dapat melaksanakan tanggungjawab dan peranannya dengan baik bagi membentuk belia yang positif.

RUJUKAN

- Agans, J. P., Champine, R. B., DeSouza, L. M., Mueller, M. K., Johnson, S. K., & Lerner, R. M. (2014). Activity involvement as an ecological asset: Profiles of participation and youth outcomes. *Journal of Youth and Adolescence*, 43, 919-932.
- Analoui, F., & Samour, A. (2012). Strategic management: the case of NGOs in Palestine. *Management Research Review*, 35(6), 473-489.
- Azimi, H. (2005). Helping Malaysian youth move forward: Unleashing the prime enablers. *Syarahan Inaugural*, 29 April 2005.
- Benn, S., Dunphy, D., & Griffiths, A. (2014). *Organizational change for corporate sustainability*. (3rd ed.). London: Routledge.

- Blake, R. R., & Mouton, J. S. (1969). *Building a Dynamic Corporation through Grid Organization Development*. Addison-Wesley.
- Brown, D. R. (2014). *Experiential approach to organization development*. Harlow, England: Pearson Education.
- Dasar Belia Malaysia. (2015). *Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Kementerian Belia dan Sukan*. Putrajaya.
- Delgado, M. (2002). *New frontiers for youth development in The Twenty-First Century: Revitalizing and broadening youth development*. Columbia University Press.
- Garza R. L, Rocha, L. & Kumar, V. (2014) A conceptual framework for the implementation of quality management systems. *Total Quality Management & Business Excellence*, 1-13.
- Germak, A., & Singh, K.K. (2010). Social entrepreneurship: Changing the way social workers do business. *Administration in Social Work*, 34(1), 79-95.
- Ghemawat, P. (2010). *Strategy and the business landscape*, (3rd Ed.). Upper Saddle River, N.J.: Prentice Hall.
- Hamzah, A. (2001) *Tradition and history of volunteerism - Malaysian Experience*. dibentangkan pada South East Asia Regional Consultation on Youth Volunteerism on 24th to 30th June 2001, Kuala Lumpur.
- Hamzah, S. R. (2005). *Kemampuan Persatuan Belia dan Peranan Pemimpin Sebagai Agen Perubahan*. Tesis Master, UPM Serdang, Universiti Putra Malaysia.
- Jegers, M., & Verschueren, I. (2006). On the capital structure of non-profit organisations: An empirical study for Californian organisations. *Financial Accountability and Management*, 22(4), 309-29.
- Lerner, R. M., Lerner, J. V., Almerigi, J., Theokas, C., Phelps, E., Getsdottir, S., Naudeau, S., Jelicic, H., Alberts, A.E., Ma, L., Smith, L. M., Bobek, D.L., Richman-Raphael, D., Simpson, I., Christiansen, E. D., & Von Eye, A. (2005). Positive youth development, participation in community youth development programs and community contributions of fifth grade adolescents: Findings from the first wave of the 4-H study of positive youth development. *Journal of Early Adolescence*. 25(1), 17-71.
- Lawrence, D. H. (1998). Positive youth development promotes pathways of growth. *Common Ground*, 15(9).
- Meredith A. W., Tanya F., & Bryce B. (2015) The Reality of Sustaining Community- Based Sport and Physical Activity Programs to Enhance the Development of Underserved Youth: Challenges and Potential Strategies, *Quest*, 67(4), 409-423,
- Orlitzky, M. (1999). *A Meta-analysis of the relationship between corporatesocial performance and firm financial performance*. Unpublished doctoral dissertation thesis, The University of Iowa, Iowa City, IA.
- Pfeffer, J., & Salancik, G. R. (1978). *The external control of organizations: A resource*

dependence model. New York, NY: Harper and Row.

Presley A., Meade, L. & Sarkis, J. (2007). A strategic sustainability justification methodology for organizational decisions: a reverse logistics illustration. *International Journal of Production Research*. 45(18-19), 4595-4620.

Rhodes, J. E., & Dubois, D.L. (2008). Mentoring and Resilience: Implications for Practice. *Child Care in Practice*, 14(1), 9-17.

Samsudin, AR. (2007). *Pengurusan pembangunan belia ke arah pembentukan generasi 2057*. Kertas Kerja Konensyen Pembangunan Belia: Meneroka Generasi 2057. Putrajaya, 2-4 September 2007.

Theokas, C., & Lerner, R. M. (2006). Promoting positive development in adolescence: The role of ecological assets in family, school and neighbourhoods. *Applied Development Science*, 10(2), 61-74.

Profil Penulis :

Anis Suriany Che Mohd Shukree

Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor.
anysshukree@gmail.com

Mohd Mursyid Arshad, PhD

Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor.
m_mursyid@upm.edu.my

Ismi Arif Ismail, PhD

Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor.
ismi@upm.edu.my

Siti Noormi Alias, PhD

Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor.
sitinoormi@upm.edu.my

Malaysian Journal of Youth Studies Malaysia diterbitkan dua kali setahun oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Segala pandangan yang tersiar dalam *Malaysian Journal of Youth Studies*, kecuali dinyatakan sebaliknya, adalah pandangan masing-masing penulis, dan tidak semestinya mencerminkan pandangan Sidang Editor. Semua surat-menyerat mengenai makalah dan sehubungan dengannya hendaklah dialamatkan kepada:

Malaysian Journal of Youth Studies is published biannually by the Institute for Youth Research Malaysia, Ministry of Youth and Sports Malaysia. All views expressed in Malaysian Journal of Youth Studies, unless otherwise stated, are those of the contributors, and do not necessarily reflect the views of the Editorial Board. All correspondence pertaining to articles and related matters should be addressed to:

Executive Editor/ Editor Eksekutif

Malaysian Journal of Youth Studies

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

Aras 10, Menara KBS

No. 27 Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62570 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03-8871 3705/3790

Faks: 03-8871 3342

Email: malaysianyouth@iyres.gov.my

<http://www.iyres.gov.my>

**Pengukuhan Aset Pembangunan Belia Positif : Pembinaan Identiti Melalui
Proses Pementoran Kepimpinan Belia di Malaysia**

Mohd Mursyid Arshad

**Pengaruh Penglibatan dalam Aktiviti Kokurikulum ke Atas Kemahiran
Kepimpinan dan Nilai Patriotisme dalam Kalangan Belia**

Masduki Mohammad Morni

**Kelestarian Pertubuhan Belia dalam Pembangunan Belia Positif: Hala
Tuju dan Cabaran di Malaysia**

Anis Suriany Che Mohd Shukree

Published by/diterbitkan oleh

INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)

Aras 10, Menara KBS

No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62570 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03-8871 3705/3790

Faks: 03-8871 3342

Website: <http://www.iyres.gov.my>

